

**AMALAN MENUTUP AURAT DALAM KALANGAN
PELAJAR KETIKA AKTIVITI KESENIAN: KAJIAN
DI SEKOLAH SENI MALAYSIA JOHOR**

FAIZAL AZUAT BIN HASIM

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**AMALAN MENUTUP AURAT DALAM KALANGAN
PELAJAR KETIKA AKTIVITI KESENIAN: KAJIAN
DI SEKOLAH SENI MALAYSIA JOHOR**

FAIZAL AZUAT BIN HASIM

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018



“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani”

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENYELIDIKAN

Nama: **FAIZAL AZUAT BIN HASIM**

No. Pendaftaran/Matrik: **IGA 160017**

Nama Ijazah: **SARJANA SYARIAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):
**Amalan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Ketika Aktiviti Kesenian:
Kajian Di Sekolah Seni Malaysia Johor.**

Bidang Penyelidikan:
Fiqh (Sains Kemasyarakatan)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penyelidik Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apapetikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-manahasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dansecukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penyelidiknyatelah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahubahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalamhakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula darisekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga carasekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telahmelanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya,saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimanayang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

AMALAN MENUTUP AURAT DALAM KALANGAN PELAJAR KETIKA AKTIVITI KESENIAN: KAJIAN DI SEKOLAH SENI MALAYSIA JOHOR

ABSTRAK

Sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan untuk pelajar mendapatkan pencapaian akademik, kokurikulum dan sahsiah diri yang cemerlang. Penekanan dan penerapan moral dan nilai Islam dalam kalangan pelajar adalah sangat penting untuk dilaksanakan secara menyeluruh. Kajian yang dilakukan di Sekolah Seni Malaysia Johor ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika melakukan aktiviti kesenian dan persembahan pentas. Selain itu, ia juga dilakukan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika melaksanakan aktiviti kesenian sepanjang mereka menuntut di sekolah tersebut. Seramai 188 orang pelajar telah diambil sebagai sampel kajian. Kajian ini berasaskan kepada data dari pelbagai sumber klasik dan kontemporari termasuk dokumen rasmi sekolah serta hasil temubual bersama pihak sekolah, guru dan Jurulatih Kesenian. Maklumat kajian ini turut diperolehi melalui borang soal selidik yang mengandungi item berbentuk skala pilihan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Kajian ini mendapati tahap pengetahuan dan amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika melakukan aktiviti kesenian adalah berada pada tahap yang memuaskan. Namun, dari segi pengamalan menutup aurat dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap sederhana serta perlu dipertingkatkan dengan lebih sempurna khususnya pelajar yang mengambil bidang Seni Tari dan Seni Teater. Manakala, faktor-faktor pengabaian menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika mereka melakukan aktiviti kesenian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mendedahkan aurat atas faktor untuk memenuhi kehendak pertandingan yang mereka sertai dan kerana faktor kehendak diri mereka

sendiri. Saranan yang dikemukakan untuk memperbaiki tahap amalan mereka adalah melalui kepatuhan dan penekanan kepada didikan agama oleh semua pihak samada ibubapa, guru, Jurulatih Kesenian, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Universiti Malaya

AMALAN MENUTUP AURAT DALAM KALANGAN PELAJAR KETIKA AKTIVITI KESENIAN: KAJIAN DI SEKOLAH SENI MALAYSIA JOHOR

ABSTRACT

Schools are an educational institution for students to achieve excellent academic, co-curricular and personal achievement. The emphasis and application of moral and Islamic values among students are very important to be implemented thoroughly. The study conducted at the Johor Art School of Malaysia is aimed at knowing the level of knowledge and practice of covering aurah among students during performing arts. In addition, it is also to know the factors that influence the abandonment of the obligation to cover aurah among students when performing arts activities as long as they are in school. A total of 188 students were taken as the sample of the study. This study is based on data from various classical and contemporary sources including official school documents as well as interviews with schools, teachers and Arts Coaches. The information was also obtained through a questionnaire that contains selected scaled items and analyzed using the *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) software. This study found that the level of knowledge and practice of closing aurah among students during performing arts activities was at a satisfactory level. However, in terms of the practice of covering aurah among students are still at a moderate level and need to be improved especially for students taking the Dance Arts and Theater Arts. Whereas, the reason students abandon the need of covering aurah during the arts activities is due to their own will to meet the requirement of the competition itself. The recommendations raised to improve their practice are through adherence and emphasis on religious education by all parents, teachers, Arts Coaches, schools and the Ministry of Education.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله ربّ العالمين والعاقبة للمتقين والصلاة والسلام على سيدنا مُحَمَّد وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ

Pertama dan selamanya, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW penghulu dan khātimun nabiyyīn serta ke atas keluarga dan para sahabat baginda sekalian, akhirnya disertasi Ijazah Sarjana Syariah ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Setinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia disertasi yang dihormati, Dr. Rushdi bin Ramli dan Dr. Bahiyah binti Ahmad di atas segala nasihat, dorongan dan bimbingan serta tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang proses pembikinan disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga tidak lupa ditujukan kepada semua pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam yang begitu gigih mencurahkan ilmu dan membimbing penyelidik menjadi insan sempurna. Mudah-mudahan Allah SWT mengganjarkan kalian dengan pulangan yang setimpal kelak.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada semua kakitangan pejabat Ijazah Tinggi dan pejabat Jabatan Fiqh Usul yang telah banyak menyempurnakan urusan penyelidik sepanjang menjadi penuntut di jabatan ini.

Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada seluruh pihak pengurusan, guru, Jurulatih Kesenian, kakitangan dan pelajar di Sekolah Seni Malaysia Johor yang

telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penyelidik melengkapkan kajian di sekolah tersebut.

Penyelidik juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua sahabat seperjuangan yang telah berkongsi dorongan, semangat dan bantuan dalam menjayakan penyelidikan disertasi ini.

Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan khusus untuk isteri Suhaida binti Husain, abah Hasim bin Bidin, umi Masnah binti Ibas yang tidak pernah jemu membantu mendoakan kejayaan penyelidik dalam menyempurnakan pengajian di peringkat sarjana ini. Buat anak-anak tersayang, Nur Filzah Awatif, Muhammad Fadhlul Afnan dan Muhammad Fadhlul Afwan, semoga pengajian ayahandamu ini mampu menjadi pendorong buat kalian menjadi insan pencinta ilmu sepanjang hayat. Amin. Begitu juga kepada semua ahli keluarga yang berterusan membakar semangat penyelidik hingga berjaya.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan disertasi ini. Mudah-mudahan segala bantuan yang dihulurkan mendapat perhatian daripada Allah SWT sebagai amalan yang ikhlas.

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤْتِي نِعْمَهُ وَيُكَافِيهِ مَزِيدَهُ , يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ
وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Kami memuji Allah SWT serta memohon selawat dan salam ke atas RasulNya yang mulia serta para sahabat baginda yang mempertahankan agama yang mulia.

Tajuk berkaitan amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian ini dipilih kerana penyelidik merasakan ia cukup penting untuk didedahkan kepada masyarakat Islam pada hari ini. Adalah menjadi suatu kewajipan kepada masyarakat terutama golongan ibubapa, guru, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan setiap pelajar sentiasa mematuhi peraturan dan perintah agama dalam kehidupan mereka supaya dapat mencapai kejayaan dalam semua bidang iaitu akademik, kokurikulum, kesenian dan sahsiah diri yang cemerlang.

Walau bagaimanapun, penyelidik tidak menafikan bahawa sudah terdapat banyak kajian para sarjana terutama yang berkisar dengan hukum dan amalan menutup aurat di dalam Islam. Namun, di dalam kajian penyelidik ini ditampikan suatu corak amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar khususnya ketika mereka melaksanakan aktiviti kesenian yang sewajarnya mereka mendapat didikan dan bimbingan dari sebuah sekolah yang menitikberatkan bidang kesenian tanpa mengenyepikan unsur pendidikan Islam dalam kehidupan mereka.

Kajian ini semestinya tidak dapat lari daripada kekurangan dan kelemahan. Penyelidik amat mengalu-alukan sebarang kritikan, komentar dan teguran membina agar ia dapat memberi panduan yang lebih memberangsangkan kepada penyelidik sendiri dan penyelidik-penyelidik lain pada masa akan datang. Harapan penyelidik agar kajian yang telah dijalankan ini mampu memberi kefahaman kepada semua pihak tentang kepentingan mematuhi setiap perintah agama tanpa mengira bidang pendidikan yang pelajar ceburi bagi melahirkan suatu bentuk masyarakat yang mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh.

Sekian.

Salam hormat dari penyelidik,

Faizal Azuat bin Hasim,

Ogos 2018
Zulkaedah 1439h

DAFTAR ISI

PERKARA	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	ii
PERAKUAN KEASLIAN PENYELIDIKAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	vii
KATA PENGANTAR	ix
DAFTAR ISI	xi
TRANSLITERASI	xviii
SENARAI KEPENDEKAN	xx
SENARAI JADUAL	xxi

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Penyataan Masalah	6
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Definisi Tajuk	11

1.7.1	Amalan	11
1.7.2	Menutup	12
1.7.3	Aurat	12
1.7.4	Kesenian	13
1.7.5	Sekolah Seni Malaysia	15
1.8	Skop Dan Batasan Kajian	16
1.9	Kepentingan Kajian	17
1.10	Ulasan Kajian Lepas	18
1.10.1	Tahap Kefahaman Kefardhuan Menutup Aurat	19
1.10.2	Tahap Amalan Menutup Aurat	22
1.10.3	Faktor-faktor Pengabaian Terhadap Kefardhuan Menutup Aurat	24
1.11	Metodologi Kajian	28
1.11.1	Metode Penentuan Subjek	29
1.11.2	Metode Pengumpulan Data	29
1.11.3	Prosedur Kajian	35
1.11.4	Metode Analisis	37
1.12	Susunan Penyelidikan	39

BAB DUA

PENSYARIATAN DAN AMALAN MENUTUP AURAT

2.1	Pengenalan	43
2.2	Pengertian Aurat	44
2.3	Dalil Menutup Aurat Di dalam al-Quran	47
2.4	Dalil Menutup Aurat Di dalam al-Sunnah	53
2.5	Pandangan Fuqaha ^{ah} Terhadap Batasan Aurat	55
2.5.1	Batasan Aurat Lelaki	56
2.5.2	Batasan Aurat Wanita Islam	57
2.5.2.1	Batasan Aurat Wanita Islam Dengan Lelaki Mahram	58
2.5.2.2	Batasan Aurat Wanita Islam Dengan Lelaki Bukan Mahram	59
2.5.2.3	Batasan Aurat Anak Perempuan	62
2.5.2.4	Batasan Aurat Wanita Islam Dengan Perempuan Islam	63
2.5.2.5	Batasan Aurat Wanita Islam Dengan Perempuan Bukan Islam	64
2.5.2.6	Batasan Aurat Ketika Solat	65
2.6	Memelihara Aurat Dari Sudut Maqāsid al-Syarī ^{ah}	66
2.7	Hikmah Pensyariatian Menutup Aurat	68
2.7.1	Supaya Mudah Dikenali	68
2.7.2	Supaya Tidak Diganggu	69
2.7.3	Sebagai Lambang Ketinggian Dan Kemuliaan Maruah Wanita	70
2.7.4	Mengelakkan Seseorang Wanita Daripada Fitnah	71
2.7.5	Mengelakkan Seksaan Dan Azab Di akhirat	72
2.8	Kesimpulan	72

BAB TIGA

LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN: SEKOLAH SENI MALAYSIA JOHOR, PASIR GUDANG

3.1	Pengenalan	74
3.2	Sejarah Penubuhan Sekolah Seni Malaysia Johor	74
3.3	Visi, Misi, Matlamat, Falsafah Dan Piagam Pelanggan SSeMJ	76
3.3.1	Visi SSeMJ	76
3.3.2	Misi SSeMJ	76
3.3.3	Matlamat SSeMJ	76
3.3.4	Falsafah SSeMJ	77
3.3.5	Piagam Pelanggan SSeMJ	78
3.4	Logo Sekolah Seni Malaysia Johor	79
3.5	Lagu Sekolah	80
3.6	Latar Belakang Tenaga Pengajar, Kakitangan Dan Pelajar SSeMJ	80
3.6.1	Tenaga Pengajar Akademik	81
3.6.2	Jurulatih Kesenian	82
3.6.3	Kakitangan Sekolah	83
3.6.4	Pelajar	84
3.7	Kemudahan Asas Sekolah Seni Malaysia Johor	85
3.8	Jawatankuasa Kecemerlangan Sekolah Seni Malaysia Johor	87
3.8.1	Jawatankuasa Pentadbiran Dan Pengurusan	87
3.8.2	Jawatankuasa Akademik Dan Kecemerlangan Murid	87
3.8.3	Jawatankuasa Kurikulum Sekolah	88
3.8.4	Jawatankuasa Majlis Kokurikulum	88
3.8.5	Jawatankuasa Profesionalisme Staf	89

3.8.6	Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (JBPS)	90
3.8.7	Jawatankuasa Pembangunan Sahsiah Dan Kemenjadian Murid	90
3.8.8	Jawatankuasa Kebajikan	91
3.8.9	Jawatankuasa Pengurusan Asrama	91
3.8.10	Jawatankuasa 3K (Keselamatan/ Kebersihan/ Kesihatan)	91
3.9	Hubungan Sosial Pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor	92
3.9.1	Aktiviti Pelajar Ketika Sesi Persekolahan	93
3.9.2	Jadual Harian Penghuni Asrama SSeMJ	95
3.10	Masalah Disiplin Pelajar	96
3.11	Tindakan Disiplin Pelajar	97
3.12	Kesimpulan	101

BAB EMPAT

ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	102
4.2	Ujian Rintis	103
4.3	Analisis Dapatan Kajian Lapangan Sebenar	104
4.3.1	Bahagian A: Analisis Data Latar Belakang Responden	105
4.3.2	Bahagian B, C Dan D: Analisis Data Maklum Balas Responden	110
4.3.2.1	Bahagian B: Analisis Tahap Kefahaman Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor	110
4.3.2.1.1	Kefahaman Pelajar Berkaitan Perintah Kewajipan Menutup Aurat	111

4.3.2.1.2	Kefahaman Pelajar Berkaitan Hukum	
	Menutup Aurat	113
4.3.2.1.3	Kefahaman Pelajar Tentang Batasan	
	Aurat	115
4.3.2.1.4	Kefahaman Pelajar Berkaitan Kesan	
	Mendedahkan Aurat	118
4.3.2.2 Bahagian C: Analisis Tahap Pengamalan Pelajar		
	Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Ketika	
	Melaksanakan Aktiviti Kesenian	119
4.3.2.2.1	Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan	
	Menutup Aurat Dalam Kehidupan	
	Seharian	120
4.3.2.2.2	Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan	
	Menutup Aurat Ketika Aktiviti Kesenian	123
4.3.2.2.3	Kaitan Amalan Menutup Aurat Dalam	
	Kalangan Pelajar Melalui Aktiviti Yang	
	Dijalankan Di Sekolah	128
4.3.2.3 Bahagian D: Analisis Faktor-faktor Yang Menyebabkan		
	Pengabaian Terhadap Kefardhuan Menutup Aurat	
	Dalam Kalangan Pelajar Ketika Aktiviti Kesenian	130
4.3.2.3.1	Faktor Diri Sendiri	131
4.3.2.3.2	Faktor Ibu bapa	132
4.3.2.3.3	Faktor Rakan Sebaya	134
4.3.2.3.4	Faktor Jurulatih Kesenian	136
4.3.2.3.5	Faktor Pihak Sekolah	138
4.3.2.3.6	Faktor Keselesaan	139

	4.3.2.3.7	Faktor Kehendak Pertandingan Kesenian	141
4.4		Kesimpulan	144

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1		Pengenalan	145
5.2		Ringkasan Kajian	145
5.3		Rumusan Kajian	146
5.4		Dapatan Kajian	147
	5.4.1	Latar Belakang Asas Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor	148
	5.4.2	Kefahaman Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor	149
	5.4.3	Amalan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Ketika Melaksanakan Aktiviti Kesenian	150
	5.4.4	Faktor-faktor Pengabaian Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Ketika Melaksanakan Aktiviti Kesenian	151
5.5		Saranan	154
5.6		Cadangan Kajian Lanjutan	156
5.7		Kesimpulan	157
		Bibliografi	158
		Lampiran	167

JADUAL TRANSLITERASI

HURUF ARAB	TRANSLITERASI	HURUF ARAB	TRANSLITERASI
ا, ء	a, (Hamzah)	ط	Ṭ
ب	B	ظ	Ẓ
ت	T	ع	ʿ
ث	Th	غ	gh
ج	J	ف	f
ح	Ḥ	ق	q
خ	Kh	ك	k
د	D	ل	l
ذ	Dh	م	m
ر	R	ن	n
ز	Z	و	w
س	S	هـ	h
ش	Sy	ي	y
ص	Ṣ	ة	h
ظ	Ḍ		

VOKAL PANJANG

HURUF ARAB	TRANSLITERASI
آ	ā
و	ū
ى	ī

VOKAL PENDEK

HURUF ARAB	TRANSLITERASI
Fathah َ	a
Dammah ُ	u
Kasrah ِ	i

DIFTONG

HURUF ARAB	TRANSLITERASI	HURUF ARAB	TRANSLITERASI
أو	Aw	ي	iy/ī
أى	Ay	و	Uww

Sumber: Buku Panduan Penyelidikan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Edisi Ketiga (2012), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

SENARAI KEPENDEKAN

„Abd.	: „Abdul
a.s	: „alaihi al-Salam
BKK	: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
c.	: cetakan
Dr.	: Doktor
ed.	: editor
et. al	: ditulis oleh lebih daripada dua orang penyelidik
H.	: Hijrah
Hj.	: Haji
h.	: halaman
ibid.	: ibidem (Latin) - pada rujukan yang sama
j.	: jilid
JBPS	: Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah
JPN	: Jabatan Pendidikan Negeri
juz.	: juzuk
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
M	: Masihi
No.	: Nombor
Op. cit.:	Opera Citato (Latin) - dalam rujukan yang telah disebutkan
PIBG	: Persatuan Ibu bapa dan Guru
Prof.	: Professor
r.a	: radia Allah „anh
SAW	: Salla Allah „alaihi wa Salam
SMK	: Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
SSeMJ	: Sekolah Seni Malaysia Johor
SWT	: Subhānahu Wa Ta‘āla
T.P	: Tanpa Penerbit
terj.	: terjemahan
T.T.P	: Tanpa Tempat Penerbit
t.t	: tanpa tarikh
UM	: Universiti Malaya
UPSR	: Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UTM	: Universiti Teknologi Malaysia
Y.B	: Yang Berhormat

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.10.1 Maklumat pembahagian borang soal selidik
- Jadual 1.10.2 Skala Likert
- Jadual 1.10.3 Jumlah Responden Mengikut Tingkatan
- Jadual 1.10.4 Peringkat Mata Nilai
- Jadual 3.6.1 Bilangan Guru Berjawatan Tetap
- Jadual 3.6.2 Bilangan Jurulatih Kesenian Berjawatan Tetap
- Jadual 3.6.3 Jumlah Kakitangan Sokongan
- Jadual 3.6.4 Jumlah Taburan Pelajar Mengikut Tingkatan, Bangsa dan Jantina
- Jadual 3.9.1 Jadual Harian Penghuni Asrama SSeMJ
- Jadual 3.10.1 Masalah Disiplin Pelajar SSeMJ 2015-2017
- Jadual 3.11.1 Prosedur Pengeluaran Surat Ponteng Sekolah, KPM
- Jadual 4.2.1 Interpretasi Skor Alpha Cronbach Model Rasch
- Jadual 4.2.2 Ujian Gelombang Cronbach

Bahagian A

- Jadual 4.3.1 Maklumat Jantina Responden
- Jadual 4.3.2 Maklumat Kelas Responden
- Jadual 4.3.3 Maklumat Kawasan Tempat Tinggal
- Jadual 4.3.4 Maklumat Bidang Kesenian Pelajar
- Jadual 4.3.5 Tahap Pencapaian Matapelajaran Pendidikan Islam
- Jadual 4.3.6 Maklumat Umur Mula Menutup Aurat
- Jadual 4.3.7 Maklumat Pendidikan Sekolah Agama

Bahagian B

- Jadual 4.3.8 Kefahaman Pelajar Berkaitan Perintah Kewajipan Menutup Aurat
- Jadual 4.3.9 Kefahaman Pelajar Berkaitan Hukum Menutup Aurat
- Jadual 4.3.10 Kefahaman Pelajar Tentang Batasan Aurat
- Jadual 4.3.11 Kefahaman Pelajar Berkaitan Kesan Mendedahkan Aurat

Bahagian C

- Jadual 4.3.12 Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kehidupan Seharian
- Jadual 4.3.13 Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Ketika Aktiviti Kesenian
- Jadual 4.3.14 Kaitan Amalan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Melalui Aktiviti Yang Dijalankan Di Sekolah

Bahagian D

- Jadual 4.3.15 Faktor Diri Sendiri
- Jadual 4.3.16 Faktor Ibumama
- Jadual 4.3.17 Faktor Rakan Sebaya
- Jadual 4.3.18 Faktor Jurulatih Kesenian
- Jadual 4.3.19 Faktor Pihak Sekolah
- Jadual 4.3.20 Faktor Keselesaan
- Jadual 4.3.21 Faktor Kehendak Pertandingan Kesenian

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam merupakan agama yang sempurna dalam mengatur kehidupan manusia dalam menjalani kehidupan di dunia dengan berteraskan kepada ketauhidan penciptaNya. Setiap peraturan yang telah ditetapkan oleh agama Islam, memberi banyak kesan yang baik kepada individu itu sendiri serta mengandungi hikmah yang dapat diperolehi kepada orang sekelilingnya juga.

Agama Islam itu secara asasnya didirikan atas dasar akidah, syariah dan juga akhlak. Kesempurnaan Islam ini menjadikan ia sebagai suatu agama yang terbaik bagi mengatur segenap sudut kehidupan manusia, sama ada dari aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Saranan dan suruhan untuk mematuhi dan menyerah diri kepada Allah SWT terhadap peraturan dan etika dalam setiap hukum hakam yang telah ditentukan olehNya turut merangkumi seluruh umat manusia, termasuklah orang mukmin dan bukan Islam kerana mereka semua merupakan makhluk dan juga hamba Allah SWT.

Umat Islam adalah sekelompok manusia yang mempunyai darjat yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT. Oleh itu, penganut agama Islam tidak boleh menjadi manusia yang rendah taraf dan hendaklah menjadikan Rasulullah sebagai teladan dan ikutan sepanjang masa. Namun, masih terdapat segelintir manusia yang tidak menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai matlamat dan panduan hidup. Golongan ini akan mudah terjerumus ke lembah kehinaan. Bagi mengembalikan kemuliaan tersebut, maka

golongan ini hendaklah mengikuti segala panduan yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.¹

Agama Islam menggariskan satu peraturan dan panduan kepada umatnya untuk membezakan diri mereka dengan orang bukan Islam, sama ada dalam adat, ibadat dan akhlak malah dalam apa jua bidang dalam kehidupan. Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya menutup aurat bagi menghindarkan mereka daripada mendapat dosa.

Antara peraturan serta panduan yang dibincangkan dalam agama Islam adalah mengenai kewajipan menutup aurat yang wajib diikuti dan ditaati oleh seluruh umat Islam. Islam telah menggariskan kaedah dan cara yang terbaik untuk memenuhi kewajipan menutup aurat. Tujuan utama Allah SWT memerintahkan umat Islam menutup aurat adalah untuk memelihara maruah dan kehormatan serta menghindarkan mereka daripada kejahatan dan dosa.

Isu berkaitan dengan aurat merupakan antara perkara asas kepada setiap orang Islam terutamanya wanita Islam. Kewajipan menutup aurat menjadi perkara utama apabila seseorang telah mencapai usia baligh. Allah SWT mahu menjadikan manusia mempunyai pedoman dalam membuat pilihan yang betul dan tepat untuk kebaikan manusia sendiri khususnya berkaitan tuntutan menutup aurat. Allah SWT memerintahkan umat Islam agar menutup aurat untuk menghindarkan mereka daripada mendapat dosa.²

Menurut Md Izzuddin Ali (2007) sekiranya seorang muslim menunjukkan ketrampilan yang baik sudah pasti mereka akan disayangi, dihormati serta disanjung

¹ Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad, *Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor*, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2010), 1.

² Ahmad Marzuki Mohamad, *Persepsi Wanita Islam UTM Terhadap Fesyen Terkini dan Tuntutan Menutup Aurat*, (Tesis Kedoktoran, Skudai.: Universiti Teknologi Malaysia, 2011), 45.

oleh masyarakat yang lain. Apabila disebut tentang ketrampilan diri, apa yang terfikir oleh akal adalah cara pemakaian seseorang, sama ada mengikut tuntutan Islam ataupun tidak. Hal ini adalah kerana masyarakat sekeliling sama ada orang Islam atau bukan Islam akan menilai seseorang muslim melalui penglihatan secara zahiriah terlebih dahulu.³

Persoalan yang timbul di sini adalah, walaupun majoriti umat Islam mengetahui tentang kewajipan menutup aurat, namun masih wujud segelintir daripada mereka yang masih ingkar terhadap suruhan tersebut. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang berpakaian menutup aurat yang dikatakan sekadar mengikut fesyen dan sesuai dengan peredaran zaman. Keadaan ini memperlihatkan ketidakjelasan atau ketidakfahaman mereka terhadap kaedah atau konsep menutup aurat dalam Islam.

Oleh yang demikian, umat Islam sewajarnya mengenakan pakaian untuk menutup aurat sebagaimana yang disuruh syarak kerana mentaati perintah Allah SWT, bukannya kerana tuntutan fesyen semasa atau kesesuaian tempat dan keadaan.

³ Md. Izzuddin Ali, *Jaga Pandangan Orang* (Selangor: Pustaka Ilmi, 2007), 23.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menutup aurat merupakan kewajipan agama yang sudah pun diketahui umum oleh setiap umat Islam. Tuntutan menutup aurat ini adalah berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran, hadis dan kesepakatan para ulama. Akan tetapi ramai umat Islam yang mengabaikan dan bersifat acuh tak acuh terhadap tuntutan dan kewajipan menutup aurat ini, baik lelaki mahupun perempuan. Apa yang menyedihkan ialah cara atau jenis berpakaian sesetengah individu, khususnya perempuan, tidak menepati dengan apa yang digariskan oleh syarak.

Allah SWT telah mewajibkan lelaki mahupun perempuan untuk menutup aurat mereka dan menggariskan tatacara menutup aurat. Tuntutan menutup aurat ini adalah perintah Allah SWT. Memakai pakaian yang menutup aurat sebagaimana yang digariskan oleh syarak bererti mentaati perintahNya. Bilamana menutup aurat merupakan suatu ketaatan, maka memakai pakaian yang mendedahkan aurat pula merupakan suatu kederhakaan.

Berdasarkan beberapa kajian lepas yang ditinjau, didapati majoriti umat Islam berpandangan positif tentang peraturan menutup aurat. Mereka juga mengakui bahawa menutup aurat membawa kebaikan berbanding dengan tidak menutup aurat. Antara dapatan kajian tersebut termasuklah kajian yang dijalankan oleh Ahmad Marzuki dan Noor Betty Azura (2008) yang menunjukkan persepsi pelajar wanita Islam di Universiti Teknologi Malaysia terhadap tuntutan menutup aurat berada pada tahap yang sangat tinggi. Mereka beranggapan menutup aurat adalah satu kewajipan yang perlu dipatuhi oleh setiap muslim.⁴

⁴ Ahmad Marzuki Mohamad, *Persepsi Wanita Islam UTM Terhadap Fesyen Terkini dan Tuntutan Menutup Aurat*, 46.

Merujuk kepada hasil kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad (2005) pula, mendapati orang Islam yang menutup aurat adalah yang paling baik dan lebih maju ke hadapan apabila mereka mengenakan aurat dengan sempurna. Dapatan ini disokong oleh kajian Nor Azliza Shariff (2005) dimana responden kajian berpendapat bahawa tidak sepatutnya menjadi orang yang rendah taraf dan nilainya di sisi Allah SWT. Dapatan juga menunjukkan orang Islam bersetuju bahawa Allah SWT akan memberi keredhaan dan kerahmatan kepada umat Islam yang menutup aurat.⁵

Selain itu, menurut Nor Azliza Shariff (2005) juga menyatakan bahawa memakai pakaian yang menutup aurat adalah syariat utama Islam dan bertujuan untuk kebaikan umat Islam sendiri dan bukan untuk membebankan mereka. Malah, menutup aurat adalah untuk mengelakkan wanita dari sebarang gejala dan perkara yang tidak sihat.⁶

Namun begitu, pengabaian terhadap penutupan aurat yang sempurna juga berlaku dalam kalangan kakitangan, pekerja sokongan dan segelintir guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah di Malaysia. Mereka hanya mengenakan tudung dan berpakaian sopan semata-mata untuk memenuhi prasyarat dan etika pemakaian yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran. Berbeza pula cara pemakaiannya ketika berada di luar persekolahan. Fenomena ini menjadi contoh kepada pelajar yang merasakan mereka juga bebas untuk mendedahkan aurat. Persoalan yang timbul, sejauhmanakah pendidikan asas agama yang diperolehi di peringkat rendah dan menengah mampu menjadi benteng kepada pelajar Islam dalam menjaga batasan aurat mereka?

⁵ Abdullah Sulong, Norliza Ahmad, *Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai Johor*, 1.

⁶ Nor Azliza Shariff, *Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat: Satu kajian ke atas pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindustrian, Johor Bahru*, (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2005), 5.

Melihat kemelut penerimaan dan pengamalan pelajar Islam terhadap pensyariatian menutup aurat, maka penyelidik merasakan perlu dibuat pengkajian berkaitan kedudukan aurat dari perspektif Islam dengan melihat sejauhmana pengetahuan dan pengamalannya dalam kalangan pelajar yang sedang menuntut di Sekolah Seni Malaysia ketika aktiviti kesenian dijalankan. Kajian ini untuk menjelaskan sejauhmanakah kefahaman dan amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar Sekolah Seni Malaysia dan faktor-faktor yang mendorong kepada pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat.

1.3 Penyataan Masalah

Pada hari ini, masalah yang sering berlaku dalam kalangan pelajar Sekolah Seni Malaysia adalah berkaitan dengan cara pemakaian mereka. Mereka memakai pakaian yang menutup aurat adalah disebabkan peraturan dan etika pemakaian yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah sahaja. Seandainya, peraturan tersebut tidak dilaksanakan, nescaya sebahagian mereka bebas untuk memakai pakaian yang ketat dan nipis ketika pergi ke sekolah terutamanya ketika aktiviti kesenian dijalankan.

Aktiviti kesenian yang dimaksudkan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah berkaitan sebarang aktiviti kesenian seperti latihan kesenian, persembahan dan juga pertandingan yang mereka sertai. Berdasarkan kepada pemerhatian penyelidik sepanjang bertugas sebagai guru di Sekolah Seni Malaysia Johor, terdapat segelintir pelajar yang mengabaikan kewajipan menutup aurat terutamanya ketika aktiviti kesenian. Ini adalah kerana mereka merasakan perbuatan mereka itu tidak menyalahi hukum dan peraturan dalam menutup aurat.

Selain itu, terdapat sebilangan kecil dari mereka yang masih keliru tentang kewajipan menutup aurat. Mereka beranggapan bahawa memadai dengan hanya memakai pakaian yang ringkas asalkan menutup aurat. Maka, sekaligus mereka telah melaksanakan tanggungjawab yang dikehendaki syariat Islam. Dalam erti kata lain, masih ramai dalam kalangan pelajar Sekolah Seni Malaysia yang mengabaikan prinsip-prinsip menutup aurat dan mengatakan perkara tersebut sesuatu yang meremehkan. Contohnya tidak memakai stoking, melipatkan lengan baju hingga ke siku, memakai tudung yang menampakkan dada, memakai pakaian yang nipis dan yang lebih parah adalah mereka enggan mengenakan tudung ketika aktiviti kesenian dijalankan bagi pelajar perempuan.

Sebahagian pelajar juga dilihat mengetahui prinsip-prinsip menutup aurat tetapi tidak mahu mengamalkannya dan terdapat juga di antara pelajar tersebut tidak mengetahui langsung tentang prinsip menutup aurat dalam Islam. Sebilangan pelajar pula menutup aurat semata-mata untuk menzahirkan diri sebagai orang Islam tetapi bukan kerana tuntutan syarak yang diwajibkan ke atas mereka. Hal ini berpunca dari latar belakang keluarga yang tidak menitikberatkan pemakaian cara Islam yang sebenarnya. Ini didapati apabila penjaga datang melawat pelajar ke sekolah dengan hanya memakai baju berlengan pendek, memakai seluar ketat dan memakai tudung yang menampakkan leher dan rambut. Bahkan ada sebahagian penjaga yang langsung tidak memakai tudung.

Isu berkaitan aurat dalam kalangan pelajar ini merupakan suatu permasalahan yang sangat serius untuk diperbincangkan kerana ia juga salah satu penyumbang kepada gejala sosial dalam kalangan remaja hari ini. Masalah pendedahan aurat dalam kalangan umat Islam akhir-akhir ini dilihat semakin membimbangkan. Masyarakat memandang pendedahan aurat sebagai suatu kebiasaan, ini mungkin disebabkan terpengaruh dengan

budaya barat yang sering ditonton melalui filem-filem di kaca televisyen, internet mahupun melalui video cakera padat yang mudah didapati di pasaran. Masyarakat memandang semua yang datang dari barat membawa kemajuan berbanding kemajuan yang dipacu dengan budaya sendiri yang dianggap kolot dan ketinggalan zaman.

Gejala keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan remaja sekolah akhirnya akan membawa kepada implikasi yang lebih buruk seperti jenayah zina, pembuangan bayi, kes bunuh, rogol dan sebagainya. Segalanya berpunca dari lemahnya iman dan pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat terutamanya dalam kalangan wanita. Walaupun golongan ini mengetahui tuntutan dan kewajipan menutup aurat serta balasan yang dijanjikan Allah SWT terhadap pengabaian dalam menunaikannya, tetapi mereka tetap mengabaikannya. Ini berlaku kerana tidak wujud penghayatan dan kemanisan dalam diri mereka ketika melakukan sesuatu ibadah.

Masyarakat Islam terutamanya remaja yang masih bersekolah terdedah kepada benih-benih penzinaan. Salah satu benih zina yang sedang berleluasa ditengah-tengah masyarakat sekarang adalah pendedahan aurat. Lebih membimbangkan apabila media massa menonjolkan keghairahan golongan artis wanita yang mendedahkan aurat dan memperagakan sebahagian dari tubuh badan mereka di dada-dada akhbar dan majalah untuk tatapan masyarakat. Jika ditinjau dari sudut pekerjaan pula, tidak ramai orang Islam yang sanggup kehilangan pekerjaan kerana mempertahankan aurat. Akibatnya, aurat dan jati diri tergadai.

Pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat dan pendidikan agama yang cetek adalah penyumbang utama kepada masalah sosial terutama kesalahan zina dan pembuangan bayi dalam kalangan remaja yang masih berstatus pelajar. Ini dapat dilihat dalam laporan akhbar melalui statistik Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tahun

2015 sahaja yang mendedahkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja sekolah berusia 10 hingga 19 tahun mengandung tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Berdasarkan statistik tersebut, terdapat lima buah negeri mencatatkan kes kehamilan remaja tertinggi iaitu Sabah dengan 3,084 kes, diikuti Sarawak (2,910), Selangor (1,461), Johor (1,319) dan Pahang 940 kes.⁷

Berdasarkan kepada statistik ini membuktikan bahawa masalah sosial dalam kalangan remaja yang masih bersekolah berada pada tahap yang sangat membimbangkan. Kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di negara ini semakin menggerunkan terutamanya pelajar yang beragama Islam hari ini yang lebih tertumpu kepada kedangkalan mereka memahami tuntutan dan kaedah menutup aurat. Sama ada penutupan aurat dilakukan kerana mentaati perintah Allah atau ianya dilakukan sekadar untuk memenuhi tuntutan adat mahupun sekadar fesyen. Fenomena ini menunjukkan bahawa kurangnya kefahaman dalam kewajipan menutup aurat dan wujudnya pengamalan menutup aurat yang tidak sempurna.

Oleh yang demikian, permasalahan ini telah mendorong penyelidik untuk membuat kajian mengenai amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar di Sekolah Seni Malaysia iaitu di negeri Johor khususnya ketika mereka menjalankan aktiviti kesenian. Kajian ini dilakukan adalah kerana penyelidik merasakan pelajar merupakan generasi yang akan membentuk anak bangsa supaya menjadi seorang yang berguna untuk agama, bangsa dan negara.

⁷ Rose Lena Lazemi, "3,980 Kes Remaja Hamil Setahun," *Berita Harian*, 15 November 2015, 14.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap kewajipan menutup aurat?
2. Bagaimanakah tahap pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian?
3. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk:

1. Menganalisis tahap kefahaman pelajar terhadap kewajipan menutup aurat.
2. Menjelaskan tahap pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian.
3. Menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan pengabaian terhadap kefardhuan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian.

1.6 Hipotesis Kajian

Penyelidik melihat bahawa penghayatan dan pengamalan menutup aurat dalam kalangan pelajar yang menuntut di Sekolah Seni Malaysia Johor sebenarnya sangat lemah. Pada mereka menutup aurat hanya suatu kewajipan seorang muslim dan tiada hubungkait dengan hubungan sosial dan kehidupan mereka seharian.

Ibu bapa yang kurang memberikan penekanan agama terhadap anak-anak juga merupakan penyumbang kepada kegagalan mereka dalam memahami maksud sebenar kefardhuan menjaga aurat. Jika di sekolah dan asrama, para pelajar ditekankan dengan disiplin dan program keagamaan yang banyak, keadaan sebaliknya apabila mereka pulang ke rumah. Peluang mereka memasuki sekolah ini lebih tertumpu kepada pencapaian akademik dan kesenian serta bukan untuk kecemerlangan sahsiah diri dan peribadi yang baik.

1.7 Definisi Tajuk

Di dalam kajian yang dijalankan terdapat beberapa istilah penting yang perlu dijelaskan dengan lebih tepat dari sudut maksudnya. Berikut dijelaskan definisi istilah beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam penyelidikan ini.

1.7.1 Amalan

Perkataan amalan diambil dari kata dasar amal yang membawa maksud perbuatan. Iaitu kerja, pekerjaan, tindakan dan perlakuan. Perbuatan baik pula bermaksud kebajikan dan amal jariah. Penambahan imbuhan “an” pada perkataan amal membawa erti melaksanakan, melakukan, membuat.⁸

⁸ Ismail Dahaman et al., *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 322.

Kamus Dewan Edisi Keempat menakrifkan amalan sebagai kesungguhan hati mengerjakan dan melaksanakan.⁹ Dalam kajian ini, amalan yang dimaksudkan ialah amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor khususnya ketika mereka melakukan aktiviti kesenian.

1.7.2 Menutup

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan menutup ialah tidak membiarkan terbuka, tidak menghebahkan atau merahsiakan. Selain itu, menutup juga membawa maksud bertudung.¹⁰ Maksud lain bagi istilah menutup ialah bertudung, berkelubung atau berselubung.¹¹

1.7.3 Aurat

Definisi aurat secara umum ditafsirkan sebagai celahan yang terbuka kepada musuh atau celahan menyebabkan musuh mengambil kesempatan menyerangnya.¹²

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan aurat sebagai bahagian tubuh yang tidak boleh kelihatan atau wajib ditutup.¹³ Menurut Kamus al-Ma‘rifah Arab-Jawi

⁹ Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 42, entri “amal”.

¹⁰ Arbah Othman, *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu* (Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 2005)

¹¹ Mashitah Tahrani, *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1068.

¹² Husein Muhammad, *Fiqh Wanita: Pandangan Ulama Terhadap Wacana Agama dan Gender* (Selangor: Penerbit Sister in Islam, 2004), 75.

¹³ Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan*, 90.

menyatakan aurat ialah bahagian anggota yang harus ditutupi dan segala yang dimalukan orang.¹⁴

Perkataan aurat diambil dari perkataan Arab 'Aurah' yang bererti keaiban.¹⁵ Manakala dalam *Ma'jam al-Arabi al-Asāsi* mendefinisikan aurat sebagai setiap sesuatu yang ditutup oleh manusia kerana malu dari mendedahkannya.¹⁶

Maka, dapat disimpulkan daripada pengertian ini, aurat ialah sesuatu yang memalukan, yang mesti dijaga, dikawal atau disembunyikan supaya tidak terbuka sehingga boleh menyebabkan seseorang berasa malu. Aurat juga memberi maksud bahagian badan yang tidak boleh dilihat oleh orang ramai iaitu seluruh badan kecuali muka dan kedua-dua tapak tangan bagi perempuan dan di antara pusat dan lutut bagi lelaki menurut hukum Islam. Menutup aurat dapat difahami iaitu menutup semua bahagian tubuh yang tidak boleh kelihatan atau wajib dari pandangan orang luar iaitu bukan mahramnya.

1.7.4 Kesenian

Kesenian diambil dari perkataan seni yang dikenal sebagai „art“ dalam bahasa Inggeris dan „al-fan“ dalam bahasa Arab.¹⁷ Menurut Sidi Gazalba (1977), seni adalah usaha mencipta bentuk-bentuk yang menyenangkan (*pleasure*). Bentuk-bentuk ini mampu melahirkan penghayatan terhadap keindahan sehingga manusia mampu mengapresiasi

¹⁴ Zakiah Abdul Hamid, *Kamus al-Ma'rifah Arab-Jawi* (Kuala Lumpur: al-Hidayah, 2004), 551.

¹⁵ Muhammad Athiyah Khumais, *Fiqih Wanita* (Selangor: Masterpiece Publication Sdn.Bhd., 2006), 206.

¹⁶ Ahmad Mokhtar Omar et al., *Ma'jam al-Arabi al-Asāsi* (Jamiah Daulah al-Arabiah, 1988), 877.

¹⁷ Abdul Ghani Shamsuddin, Ishak Hj. Sulaiman dan Engku Ibrahim Ismail, *Seni dalam Islam* (Petaling Jaya, Intel Multimedia and Publication, 2001), 3.

(menghargai) hubungan antara persepsi dan penghayatan. Ia berkait rapat dengan keindahan.¹⁸

Seni wujud dalam setiap aspek kehidupan. Ia dapat dilihat pada seni sastera, seni ukir, seni lukis, seni halus, seni bina, seni muzik, seni persembahan dan lain-lain. Seni sastera meliputi sastera prosa dan puisi yang melibatkan syair, pantun, gurindam, seloka, dan sajak. Seni ukir merangkumi ukiran kayu, batu, seramik, logam, dan kaca. Seni lukis menyentuh lukisan kanvas, tekstil, dan kertas. Seni persembahan merangkumi seni lakon melalui drama, teater, bangsawan, filem dan lain-lain. Oleh itu, seni harus difahami secara meluas. Dari keluasan skop seni menunjukkan ia mempunyai fungsi dan nilai sosial. Ia bukan satu aspek yang kecil atau sempit sebagaimana yang difaham oleh sebahagian besar masyarakat hari ini. Mereka memahami seni hanya sebagai seni hiburan semata-mata yang melibatkan muzik dan seni suara (nyanyian). bermaksud sesuatu yang halus, murni, cantik, indah dan permai. Menurut Mohammad Affandi Hassan (1992), seni yang mempunyai nilai estetika wajar dijadikan satu saluran pendidikan tauhid melalui tiga perkara pokok, iaitu hakikat insan (*the nature of man*), hakikat ilmu (*the nature of knowledge*) dan hakikat serta fungsi sastera (*the nature and functions of literature*).¹⁹

Dalam kajian ini, aktiviti kesenian yang dimaksudkan oleh penyelidik adalah merujuk kepada setiap aktiviti yang melibatkan pelajar dalam pelbagai bidang kesenian seperti latihan, persembahan dan pertandingan kesenian yang mereka wakili sepanjang menuntut di Sekolah Seni Malaysia Johor.

¹⁸ Sidi Gazalba, *Pandangan Islam tentang Kesenian* (Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1977), 10.

¹⁹ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 4.

1.7.5 Sekolah Seni Malaysia

Istilah Sekolah Seni Malaysia dalam kajian ini merujuk kepada sekolah yang berada dibawah pentadbiran Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggembling tenaga dan membuat perancangan selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan melalui Bab 23 Buku Rancangan Malaysia Kesembilan berkaitan dengan Memperkayakan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang lengkap, unggul dan prihatin terhadap seni.

Terdapat tiga buah Sekolah Seni Malaysia yang telah ditubuhkan dibawah pentadbiran dan pengurusan Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia.²⁰

Sekolah Seni Malaysia Johor

Jalan Persiaran Sinaran Ilmu, Bandar Seri Alam, 81750, Pasir Gudang, Johor.

Sekolah Seni Malaysia Sarawak

Lot 7794, Blok 9, Salak Land District, Jalan Sultan Tengah, 93050 Santubong, Kuching, Sarawak.

Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur

d/a SMK Shah Alam, Jalan Persiaran Anjung Seri, U8/80 Bukit Jelutong, 40150, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

²⁰ Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, laman sesawang KPM, dikemaskini pada 10 April 2017, dicapai pada 10 April 2017, <http://www.moe.gov.my/index.php/my/sekolah/sekolah-seni-malaysia>.

Namun, penyelidik hanya akan menfokuskan kajian kepada pelajar yang beragama Islam di Sekolah Seni Malaysia Johor sahaja. Sebab utama Sekolah Seni Malaysia Johor dijadikan sebagai tempat untuk penyelidik menjalankan kajian kerana sekolah ini merupakan Sekolah Seni yang pertama ditubuhkan di Malaysia serta menjadi penanda aras kepada sekolah-sekolah seni lain dan merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan bagi bidang kesenian di Malaysia.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini akan memfokuskan tentang tahap pengetahuan dan pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat ketika aktiviti kesenian di Sekolah Seni Malaysia Johor. Pengamalan di sini bermaksud sejauhmanakah ketaatan pelajar terhadap peraturan dan etika berpakaian yang dianjurkan oleh agama Islam dalam kehidupan seharian mereka. Manakala, pelajar adalah merujuk kepada penuntut yang sedang menuntut ilmu dalam bidang akademik dan kesenian di Sekolah Seni Malaysia Johor, berfokuskan kepada pelajar yang beragama Islam sahaja. Disamping itu, kajian mengenai faktor-faktor pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat hanya diskopkan kepada pengabaian terhadap perintah ini ketika pelajar menjalankan aktiviti kesenian seperti latihan kesenian, persembahan dan pertandingan sahaja.

1.9 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Penjelasan kepada umat Islam tentang kewajipan menutup aurat dalam kalangan umat Islam di Malaysia umumnya dan pelajar khususnya.
2. Membolehkan pihak-pihak yang terlibat terutama Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pihak Sekolah untuk mengadakan program yang berunsurkan keagamaan dan kerohanian terhadap semua pelajar sekolah menengah.
3. Membantu Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merangka satu peraturan mengenai kod etika berpakaian kepada pelajar ketika aktiviti kesenian dilaksanakan secara khusus.
4. Memberi kesedaran terhadap diri pelajar itu sendiri betapa pentingnya menutup aurat menurut perspektif Islam memandangkan masih ramai lagi dalam kalangan pelajar yang tidak jelas tentang konsep menutup aurat yang sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.
5. Kajian ini bakal menjadi rujukan kepada para sarjana dan ilmuan bagi isu yang berkaitan dengan amalan menutup aurat.

1.10 Ulasan Kajian Lepas

Dalam bab ini kajian akan membincangkan analisis daripada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh beberapa orang penyelidik dan penyelidik lain sebelum ini bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi tinjauan literatur bagi kajian ini. Penyelidik juga berharap semoga sumber-sumber yang diperolehi ini akan menjadi garis panduan bagi menjamin kajian ini berada dalam lingkungan kajian yang dijalankan.

Isu mengenai kewajipan menutup aurat adalah satu tuntutan yang telah lama muncul dalam masyarakat Islam. Justeru telah ramai para ilmuwan yang cuba membahaskan tentang masalah ini dalam pelbagai dimensi dan pengolahan. Dalam membahaskan tajuk ini, penyelidik merujuk kajian-kajian para penyelidik dan pengkaji terdahulu sama ada untuk menjadi panduan penyelidikan, sebagai sumber rujukan penyelidik dan menyambung kesinambungan kajian terdahulu serta memantapkan lagi pengkajian mengenai permasalahan ini.

Di samping itu, penyelidik akan membincangkan bentuk-bentuk kajian lepas tersebut dengan membahagikannya kepada pengetahuan kefardhuan menutup aurat, pengamalan menutup aurat dan faktor-faktor pengabaian terhadap kefardhuan menutup aurat.

Hal ini sesuai dengan objektif dan tajuk kajian yang dikaji iaitu amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian di Sekolah Seni Malaysia Johor.

1.10.1 Tahap Kefahaman Kefardhuan Menutup Aurat

Satu kajian bertajuk "*Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Satu Tinjauan Umum*" telah menjelaskan bahawa walaupun majoriti umat Islam tahu tentang kewajipan menutup aurat namun masih terdapat mereka yang tidak menutup aurat. Malah, terdapat pelbagai cara penutupan aurat yang dilakukan. Terdapat juga mereka yang berpakaian menutup aurat yang dikatakan mengikut fesyen dan sesuai dengan peredaran zaman. Keadaan seperti ini seolah-olah memperlihatkan ketidakjelasan atau ketidakfahaman mereka tentang kaedah atau konsep menutup aurat di dalam Islam.²¹

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nor Azliza (2005) yang bertajuk "*Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat dikalangan Wanita. Kajian dilaksanakan ke atas pelajar aliran Teknikal di Institut Teknologi Perindustrian, Johor Bahru*",²² menunjukkan bahawa responden memberi maklum balas yang positif terhadap item soalan yang berkenaan pengetahuan pelajar terhadap aurat dan hukum yang ditetapkan oleh Islam. Ini berdasarkan kepada item satu dan tiga soal selidik kajian tersebut yang menyatakan bahawa hukum menutup aurat adalah wajib dan kewajipan menutup aurat adalah termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah menunjukkan nilai kekerapan dan peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 90%. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui kewajipan dalam menutup aurat bagi seorang pelajar muslim.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Nur Afzan bertajuk "*Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan dan Pengamalan Dikalangan*

²¹ Asmawati Suhid et al., "Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum," *Jurnal of Islamic Education* no.1 (2013), 41.

²² Nor Azliza Shariff, "Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat: Satu kajian ke atas pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindustrian, Johor Bahru", 65.

Masyarakat”,²³ mendapati majoriti responden mengetahui konsep aurat secara umum. Mereka juga dapat menyatakan anggota-anggota badan yang merupakan aurat serta mengetahui hukum menutup aurat dengan baik. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat oleh beliau, didapati pengamalannya berbeza dengan kenyataan yang diberikan. Para responden tidak memelihara aurat mereka sebagaimana yang mereka ketahui, sama ada dari sudut syarat pakaian menutup aurat mahupun batasan aurat ketika bersama orang yang bukan mahram.

Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Shofiah Ahmad (2004) dalam buku beliau bertajuk “*Aurat: Kod Pakaian Islam*”,²⁴ beliau menyatakan bahawa terdapat segelintir mahasiswa dan mahasiswi di universiti awam di Malaysia yang masih tidak mengetahui batasan aurat yang ditetapkan dalam Islam, mereka memakai tudung hanya kerana terikut-ikut dengan apa yang telah diterapkan oleh kedua ibubapa sejak kecil dan bukan kerana syariat Islam.

Kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohd. Zazali bertajuk “*Kecenderungan Pelajar Lelaki Memakai Pakaian Yang Tidak Menutup Aurat Semasa Bersukan: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Dato*” Mohd Yunos Sulaiman, *Pekan Nenas, Pontian*”²⁵ yang mendapati bahawa pelajar belum menguasai sepenuhnya dan tidak memahami dengan baik berkenaan aurat bagi seorang lelaki dan perempuan. Ini berdasarkan keputusan soal selidik menunjukkan pelajar masih ragu-ragu mengenai batasan aurat sesama mereka.

²³ Nur Afzan Muhamad, “Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan dan Pengamalan Dikalangan Masyarakat” (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008), 49.

²⁴ Shofiah Ahmad, *Aurat: Kod Pakaian Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd, 2004), 125.

²⁵ Mohd. Zazali Mohamad Zin, “Kecenderungan Pelajar Lelaki Memakai Pakaian Yang Tidak Menutup Aurat Semasa Bersukan: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Dato” Mohd Yunos Sulaiman, *Pekan Nenas, Pontian*” (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008), 71.

Menurut Mu'alifin (2014), beliau menjelaskan bahawa selama ini ramai pelajar yang masih belum mengetahui tentang maksud aurat, selain pengetahuan agama yang cetek, mereka juga kurang dalam memberikan perhatian terhadap kewajipan menutup aurat itu sendiri. Kesannya, pelajar merasakan yang mereka telah memakai pakaian yang menutup aurat tetapi pada hakikatnya belum memadai seperti yang dikehendaki agama Islam, contohnya memakai pakaian yang telah menutup aurat akan tetapi pakaian itu terlalu ketat atau nipis sehingga masih menampakkan bentuk tubuh.²⁶ Berdasarkan kepada dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa masih wujud golongan umat Islam yang masih tidak mengetahui dan memahami berkaitan tuntutan syarak mengenai kewajipan menutup aurat.

Selain itu, terdapat kajian yang menjelaskan mengenai faedah dan kesan mematuhi perintah menutup aurat terhadap individu muslim. Ini berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Abdullah Sulong (2010) yang telah mendapati bahawa kesan daripada pengetahuan mengenai kewajipan menutup aurat akan menyebabkan orang Islam akan bertambah maju ke hadapan sekiranya mereka menutup aurat dengan sempurna.²⁷ Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Nor Azliza Shariff (2005) yang bertajuk "*Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat: Satu Kajian Ke Atas Pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindustrian, Johor Bahru*" yang menyatakan perkara yang sama iaitu orang Islam akan bertambah maju dalam pelbagai aspek kehidupan sekiranya mereka menjaga aurat.

Setelah meneliti dapatan kajian lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa responden yang memahami tuntutan menutup aurat dan akur dengan tuntutan Islam agar menutup aurat. Namun, sebahagian

²⁶ Mu'alifin, "Konsep Menutup Aurat Dalam al-Quran Surah al-Nur Ayat 30-31 dan Implementasinya Dalam Pendidikan Islam", (Tesis Sarjana, Institut Agama Negeri Walisongo, Semarang, 2014), vi.

²⁷ Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad, 5.

dari responden masih dalam keadaan tidak mengetahui secara mendalam dan tidak ambil peduli serta ingkar akan tuntutan menutup aurat.

1.10.2 Tahap Pengamalan Menutup Aurat

Menurut Abdullah Sulong (2010) yang telah membuat kajian mengenai pengamalan menutup aurat yang bertajuk "*Kesedaran Menutup Aurat dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*". Kajian mendapati bahawa kebanyakan pelajar menutup aurat adalah kerana tertakluk kepada peraturan tempat mereka menuntut ilmu sahaja dan bukan kerana tuntutan syarak yang lahir dari naluri mereka yang ingin menutup aurat.²⁸

Selain itu, kajian mengenai pengamalan menutup aurat dalam kalangan pelajar juga dilakukan oleh Saadah Ibrahim (2012) bertajuk "*Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefardhuan Menutup Aurat dikalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan*". Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun majoriti pelajar mengetahui dan memahami kewajipan menutup aurat, tetapi tahap amalan mereka tidak selari dengan apa yang mereka ketahui. Pendedahan aurat yang paling ketara dapat dilihat dari segi pendedahan kaki, memakai pakaian yang menampakkan bentuk badan, bertudung nipis lagi jarang serta memakai pakaian yang menyerlah warnanya.²⁹

Menurut kajian yang dilakukan oleh Zuraini Ujang (2007) bertajuk "*Konsep Menutup Aurat dan Trend Berpakaian Muslimah Masa Kini. Satu Kajian dikalangan*

²⁸ Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad, "Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor" 2.

²⁹ Saadah Ibrahim, "Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefardhuan Menutup Aurat dikalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan" (Open University Malaysia, 2012), 50.

Guru di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Jempol, Negeri Sembilan”³⁰ menjelaskan bahawa melalui hasil kajian yang dilakukan ke atas guru-guru sekolah menengah sekitar Daerah Jempol, Negeri Sembilan menunjukkan bahawa 58 orang guru mengakui hanya memakai tudung dan menutup aurat ketika bekerja sahaja dan selebihnya seramai 42 orang menutup aurat pada setiap masa dan keadaan. Ini jelas menunjukkan bahawa amalan menutup aurat bukan dijadikan sebagai amalan harian tetapi hanyalah mengikut trend dan sekadar memenuhi peraturan pihak majikan semata-mata. Ini dibuktikan melalui soal selidik yang telah diedarkan seramai 84 orang daripada 100 responden menyatakan bahawa mereka yang masih membuka aurat dan ingkar dengan kewajiban tersebut meskipun sudah mengetahui hukum menutup aurat adalah wajib.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Jamaliah Abdul Jalil (2017) yang bertajuk “*Tahap Pengetahuan dan Amalan Fardhu Ain Anak-anak Muallaf Sekolah Menengah di Bahagian Sri Aman, Sarawak*” menunjukkan bahawa tahap amalan dalam kalangan anak-anak muallaf dari aspek menutup aurat berada pada tahap sederhana sahaja. Ini kerana terdapat sebahagian daripada mereka masih tidak berpakaian menutup aurat ketika keluar rumah dan tidak pernah menutup aurat ketika menjalankan aktiviti sukan.³¹

Kajian terhadap amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar sekolah menengah ini memberi gambaran tentang permasalahan yang berkaitan dengan anak-anak muallaf mengenai kefahaman dan penghayatan agama Islam dalam kalangan mereka di peringkat persekolahan masih pada tahap yang kurang memuaskan. Suatu

³⁰ Zuraini Ujang, “Konsep menutup aurat dan trend berpakaian muslimah masa kini. Satu kajian di kalangan guru di sekolah-sekolah menengah Daerah Jempol, Negeri Sembilan” (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2007), 43.

³¹ Jamaliah Abdul Jalil, Mohd. Isa Hamzah dan Maimun Aqsha Lubis, “*Tahap Pengetahuan dan Amalan Fardhu Ain Anak-anak Muallaf Sekolah Menengah di Bahagian Sri Aman, Sarawak*,” ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J), Januari 2017, 119.

tindakan perlu dilakukan agar anak-anak muallaf terhindar daripada masalah murtad dan dapat menjalani kehidupan sebagai seorang muslim yang beriman dan bertaqwa.

Dapatan kajian tersebut agak berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Aerisuli Awang (2011) bertajuk “*Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial dikalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*” yang mendapati sebilangan besar responden menunjukkan kecenderungan untuk menutup aurat. Manakala hanya terdapat bilangan yang kecil iaitu seramai 35 orang daripada 212 mengakui bahawa mengabaikan etika berpakaian ini seperti tidak bertudung bagi perempuan dan berseluar pendek bagi pelajar lelaki, namun kes sebegini hanya kes yang sangat terpencil.³²

Hasil kajian ini dilihat berbeza berbanding dengan kajian yang lain kerana penyelidik tersebut menjalankan kajian keatas responden yang menuntut di sekolah agama. Oleh sebab itu, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden memberi respon yang baik terhadap pengamalan menutup aurat. Walaupun begitu, masih terdapat sebilangan kecil yang masih mengabaikan tuntutan menutup aurat meskipun mereka mempunyai didikan agama yang baik di sekolah agama.

1.10.3 Faktor-faktor Pengabaian Terhadap Kefardhuan Menutup Aurat

Dalam suatu kajian yang dijalankan oleh Mohd. Azhar Abdullah dan Raihanah Abdullah yang bertajuk *Peruntukan Undang-undang Aurat dan Pakaian Sopan Menurut Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam: Satu*

³² Aerisuli Awang, “Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial dikalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu” (Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 90.

Huraian, menyatakan bahawa isu aurat begitu sensitif kerana berkaitan dengan agama dan hak-hak keperibadian. Konflik aurat ini bertambah parah dan kritikal apabila negara barat memanipulasikan dalam perkara-perkara tertentu. Isu mengenai aurat terus direkodkan sebagai prejudis, terutama selepas imej Islam dikaitkan dengan apa yang disifatkan mereka sebagai ancaman dunia yang mencetuskan Islamofobia dalam kalangan masyarakat antarabangsa.³³

Kajian ini membuktikan bahawa isu menutup aurat merupakan suatu isu global yang merentasi agama dan bangsa lain yang menatijahkan kepada persepsi yang tidak baik kepada orang yang beragama Islam. Ini merupakan salah satu faktor pendorong kepada umat Islam untuk mengabaikan tuntutan menutup aurat kerana merasakan seseorang muslim yang menutup aurat dengan imej Islam akan memberi impak yang tidak baik kepada penganutnya. Kesannya, akan lahir golongan sekular yang menafikan hak berpakaian sebagai seorang muslim dalam sesebuah negara.

Selain itu, Abu al-Maududi dalam bukunya bertajuk "*Sikap Islam Terhadap Pakaian*"³⁴ menyatakan bahawa faktor penyumbang lain kepada permasalahan aurat adalah kerana kurangnya teguran atau kurang mengambil berat dan tiada tindakan apabila masalah ini berlaku dalam masyarakat. Pendapat beliau membuktikan bahawa antara faktor penyebab kepada pengabaian menutup aurat ini juga disebabkan oleh faktor tiada teguran dan didikan daripada masyarakat sekeliling seperti ibu bapa, ahli keluarga dan masyarakat setempat.

Pandangan ini dikuatkan dengan dapatan yang diberikan oleh Abd. Rahim Abd.

³³ Mohd Azhar Abdullah dan Raihanah Abdullah, "*Peruntukan Undang-undang Aurat dan Pakaian Sopan Menurut Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam: Satu Huraian*," Jurnal Syariah 18 (2010), 362.

³⁴ Abū al-Maudūdī, *Sikap Islam Terhadap Pakaian*, terj. Mat Sa'ad Abd. Rahman (Kuala Lumpur: Penerbit Hizbi, 1986), 36.

Rashid (2006) dalam buku beliau bertajuk “*KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*”,³⁵ beliau menjelaskan bahawa ibu bapa merupakan satu unit masyarakat yang berperanan dalam menentukan corak dan bentuk sesebuah masyarakat. Ini kerana, institusi kekeluargaan menjadi tempat bagi menjana nilai-nilai kekeluargaan dan kemanusiaan melalui pemupukan kasih sayang dan kebahagiaan seterusnya bagi melahirkan generasi bermoral dan beretika tinggi.

Faktor lain yang menyebabkan pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat adalah kerana pengaruh budaya barat yang sedang berleluasa dalam masyarakat Islam. Ini berlaku kerana masyarakat Islam memandang isu pendedahan aurat sebagai suatu kebiasaan. Faktor utama berlaku pendedahan aurat disebabkan oleh pengaruh budaya barat yang sering ditonton melalui filem-filem yang di kaca televisyen, internet dan video cakera padat yang mudah didapati di pasaran. Masyarakat Islam juga memandang semua perkara yang datang dari barat membawa kemajuan berbanding kemajuan yang dipacu oleh budaya dan adat sendiri yang dianggap kolot dan ketinggalan zaman.

Dapatan kajian tersebut diperkuatkan dengan hasil kajian Mohd. Nor Mamat bertajuk “*Wanita, Eksploitasi dan Media Massa, Dedah Aurat Pengaruhi Fikiran dan Gaya Hidup*”³⁶ yang mendapati hampir 95% iklan dalam media elektronik melalui kaca televisyen memaparkan unsur eksploitasi aurat terutamanya golongan wanita untuk tontonan masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa paparan iklan tersebut bukan sahaja memperlihatkan aurat wanita, malah yang lebih membingungkan adalah berlakunya pendedahan bahagian-bahagian anggota badan yang sulit dan terlindung. Dapatan kajian juga mendapati faktor dalaman merupakan punca utama pendedahan

³⁵ Abd. Rahim Abd. Rashid, *KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, KPM, 1993), 157.

³⁶ Mohd. Nor Mamat, “Wanita, Eksploitasi dan Media Massa, Dedah Aurat Pengaruhi Fikiran dan Gaya Hidup,” *Muslimah*, Februari 1999, 29.

aurat ini berlaku dalam masyarakat. Golongan ini dilihat sangat berbangga untuk mendedahkan aurat demi mengejar kemewahan.

Keselesaan dalam berpakaian juga merupakan antara faktor seseorang individu itu mengabaikan etika berpakaian yang digariskan Islam. Ini dapat dilihat melalui kajian bertajuk “*Kecenderungan Pelajar Lelaki Memakai Pakaian Yang Tidak Menutup Aurat Semasa Bersukan: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Dato*” Mohd Yunos Sulaiman, Pekan Nenas, Pontian” mendapati faktor yang mendorong pelajar muslim memakai pakaian yang tidak menutup aurat ketika melakukan aktiviti fizikal adalah kerana faktor keselesaan. Hasil kajian juga mendapati majoriti pelajar Islam masih tidak memahami dengan baik berkaitan aurat antara lelaki dan perempuan.³⁷

Dapatan kajian lain juga menunjukkan bahawa isu pengabaian aurat dalam kalangan pelajar adalah berpunca daripada pelajar muslim itu sendiri. Ini berdasarkan kepada kajian Omar Mukhtar Ibrahim yang bertajuk “*Menutup Aurat Menurut Islam, Kajian Terhadap Pelajar Sains Sosial, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*” telah mendapati bahawa punca utama masalah pengabaian menutup aurat dalam kalangan pelajar adalah daripada diri sendiri iaitu kurangnya pengetahuan ilmu agama.³⁸

Hasil kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Nur Afzan Muhamad (2008), kebanyakan responden mula menutup aurat ketika berumur 13 hingga 15 tahun. Dapatan juga menunjukkan bahawa responden menutup aurat atas kesedaran individu tanpa paksaan dari sesiapa. Mereka tidak menafikan peranan sekolah yang

³⁷ Mohd. Zazali Mohamad Zin, “Kecenderungan Pelajar Lelaki Memakai Pakaian Yang Tidak Menutup Aurat Semasa Bersukan: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Dato” Mohd Yunos Sulaiman, Pekan Nenas, Pontian” (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008), 68.

³⁸ Omar Mukhtar Ibrahim, “Menutup Aurat Menurut Islam, Kajian Terhadap Pelajar Sains Sosial, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia” (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2009), 85.

menerapkan ilmu agama dan pergaulan dengan rakan sebaya yang menutup aurat merupakan faktor yang mendorong mereka untuk menutup aurat.³⁹

1.11 Metodologi Kajian

Perkataan metodologi berasal daripada dua perkataan Yunani iaitu *metodos* bererti cara atau jalan dan *logos* yang bererti ilmu. Kedua-dua perkataan ini disebut dalam bahasa Inggeris sebagai *metode* dan *logy*. „Metode“ dalam bahasa Melayu membawa maksud „cara melakukan sesuatu“⁴⁰ atau „sistem“.⁴¹

„Metodologi“ pula dinyatakan sebagai „sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya,“⁴² iaitu „satu sistem yang digunakan dalam sesuatu bidang atau aktiviti tertentu“.⁴³ Dengan kata lain „metodologi“ bolehlah difahami sebagai „ilmu tentang cara mengadakan penelitian“.⁴⁴

Perkataan „penyelidikan“ pula berasal daripada kata dasar „selidik“ yang bermaksud „teliti dan cermat“.⁴⁵ Manakala „penyelidikan“ diertikan sebagai „perbuatan menyelidik“.⁴⁶ Maka maksud „penyelidikan“ adalah perbuatan mendapatkan sejumlah data-data atau dalil-dalil yang sistematik dan objektif dengan tujuan memperolehi atau mengumpul data-data yang tepat dan berkesan.

³⁹ Nur Afzan Muhamad, “Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan dan Pengamalan Dikalangan Masyarakat,” 50.

⁴⁰ Noresah bt Baharom, *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1030.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *Ibid.*

⁴³ Jonathan Crowther, *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, ed. 5 (New York: Oxford University Press, 1995), 734.

⁴⁴ Imam Barnadib, *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB – IKIP, 1982), 51.

⁴⁵ Noresah bt. Baharom (2007), op. cit, hlm. 1426.

⁴⁶ *Ibid.*

Kesimpulannya, „metodologi penyelidikan“ membawa maksud satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam satu kegiatan dan usaha yang bersifat sistematik dan objektif, bertujuan untuk memperolehi atau mengumpul data secara tepat dan berkesan.

Dalam melaksanakan penyelidikan ilmiah ini, terdapat tiga metode yang digunakan iaitu Metode Penentuan Subjek, Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

1.11.1 Metode Penentuan Subjek

Melalui metode ini, penyelidik mengemukakan kajian kaedah persampelan (sampling) yang mana penyelidik memilih amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian sebagai subjek penyelidikan. Manakala pelajar tingkatan 1, 2 dan 4 di Sekolah Seni Malaysia, iaitu Sekolah Seni Malaysia Johor sebagai sampel khusus kajian. Manakala, Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur dijadikan sebagai kajian rintis.

1.11.2 Metode Pengumpulan Data

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif yang melibatkan dua kaedah penyelidikan iaitu kajian dokumentasi dan kajian lapangan. Kajian kuantitatif dijalankan secara soal selidik bagi mengenalpasti tahap pengetahuan dan pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat di Sekolah Seni Malaysia. Di samping itu, kajian kualitatif juga dijalankan bagi menganalisa faktor-faktor pengabaian

terhadap kewajipan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian sama ada ketika latihan kesenian, pertandingan mahupun persembahan pentas.

Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.⁴⁷ Penyelidikan deskriptif adalah bertujuan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara pembolehubah. Kaedah penyelidikan deskriptif dapat menerangkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kumpulan yang dikaji, menerangkan hubungkait antara faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan memberi kesimpulan yang lebih tepat mengenai permasalahan dalam kumpulan yang dikaji.⁴⁸

Dalam mengumpul data kajian, penyelidik menggunakan dua cara yang penting. Pertama; melalui penyelidikan perpustakaan (*library research*) iaitu proses mengumpul data melalui catatan yang telah didokumentasi dan kedua; penyelidikan lapangan (*field research*) iaitu penyelidikan yang dijalankan ke atas sesuatu sasaran yang masih belum ada data terkumpul mengenainya di mana ia masih belum diterokai oleh pengkaji-pengkaji lain. Melalui kedua-dua cara ini penyelidik menggunakan pula beberapa metode yang difikirkan relevan yang boleh membantu mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat yang diperlukan. Untuk penyelidikan perpustakaan, penyelidik mengenalpasti satu metode yang digunakan iaitu metode dokumentasi dan untuk penyelidikan lapangan pula penyelidik menggunakan beberapa metode seperti metode temubual, soal selidik dan metode observasi. Berikut adalah perincian terhadap metode-metode tersebut.

⁴⁷ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 96.

⁴⁸ Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan* (Skudai: Penerbit Universiti teknologi Malaysia, 1999), 72.

i. Metode Dokumentasi

Metode ini digunakan untuk mengumpul bahan atau dokumen bertulis seperti buku, majalah, surat khabar, kertas kerja, makalah, jurnal, carta dan sebagainya yang relevan dengan kajian yang dijalankan.

ii. Metode Temubual

Metode temubual atau wawancara melibatkan interaksi sosial bersifat dua hala. Ia digunakan untuk mendapatkan pandangan, pendapat, data dan maklumat daripada informan⁴⁹ yang mana sukar didapati menerusi cara lain, atau untuk menguatkan fakta yang sedia ada. Terdapat dua cara yang penyelidik gunakan untuk melaksanakan metode ini iaitu melalui telefon dan secara bertemu muka (*face to face*).

Terdapat 4 orang informan dari kalangan guru Pendidikan Islam dan jurulatih kesenian dalam bidang Seni Tari dan Seni Teater di Sekolah Seni Malaysia Johor yang akan ditemubual bagi mengkaji hujah-hujah mereka berkaitan faktor-faktor pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat dalam kalangan pelajar sekolah seni serta untuk mendapatkan data dengan menggunakan kaedah temubual mendalam.

Spindler menganggap peserta kajian utama bukan sebagai subjek tetapi sebagai pakar tentang apa yang ingin diselidik oleh penyelidik.⁵⁰ Hal ini dapat dilihat pada bilangan peserta kajian yang kecil bagi kebanyakan kajian yang bersabit dengan fenomena proses mengarang. Contohnya, Mischel hanya mempunyai sebuah kes, iaitu Clarence, Betancourt meneliti proses mengarang empat orang pelajar kolej dan Carroll pula, mengkaji tentang proses mengarang tiga orang pelajar pekak. Lagipun, dalam

⁴⁹ Informan ialah orang yang ditemubual untuk mendapatkan keterangan dan maklumat.

⁵⁰ Marohaini Mohd Yusoff, ed., *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, c. 5 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013), 45.

kajian kes seperti ini, persoalan sama ada kes-kes ini dapat mewakili sampel yang lebih besar atau tidak, tidak dianggap berkait dengan kajian ini.⁵¹

Bagi merealisasikan penggunaan kaedah kualitatif sebagai kaedah kedua dalam kajian ini, soalan-soalan temubual memfokuskan kepada faktor-faktor yang menyebabkan pelajar di Sekolah Seni Malaysia Johor mengabaikan kepentingan menutup aurat khususnya ketika aktiviti kesenian.

iii. Metode Soal Selidik

Metode ini turut digunakan untuk mengumpul data dan maklumat secara lebih terperinci mengenai sesuatu kajian. Terdapat dua cara yang biasa digunakan untuk mengaplikasi metode ini iaitu melalui pos dan bertemu muka. Bagaimanapun penyelidik memilih cara kedua untuk diaplikasi. Set soalan yang khusus diajukan kepada responden dengan menggunakan borang soal selidik.

Penyelidik menggunakan borang soal selidik untuk pengumpulan data primer sebagai instrumen kajian. Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab terbuka, senarai semak atau skala kadar. Soalan bebas-jawab ialah soalan isikan tempat kosong; senarai semak ialah soalan jenis *Thurston* di mana subjek hanya menandakan salah satu pilihan jawapan; dan soalan skala kadar empat tahap di mana responden memilih jawapan daripada satu-satu kontinum.⁵² Di samping itu, soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan jenis tertutup untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini mengandungi 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian

⁵¹ *Ibid.*, 46

⁵² Sulaiman Shamsuri, *Passport to Skillful Writing of Assignments, Reports and Dissertations* (Selangor: Universiti Industri Selangor, 2005), 23.

A bertujuan untuk mengumpul maklumat berkaitan demografi dan latar belakang responden. Manakala bahagian B, C dan D pula dibentuk bagi menjawab objektif kajian 1, 2 dan 3 seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.0 di bawah:

Bahagian	Soalan-soalan
A	Latar belakang responden.
B	Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat.
C	Tahap Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Ketika Melaksanakan Aktiviti Kesenian.
D	Faktor-faktor pengabaian kefardhuan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian.

Jadual 1.10.1 di atas menunjukkan Maklumat pembahagian borang soal selidik

Seterusnya bahagian B, C dan D menggunakan Skala Empat Tahap yang berbentuk empat skor. Skala empat tahap 1-4 digunakan untuk mengukur aras interpretasi responden. Skala 1 digunakan untuk menunjukkan sangat tidak setuju manakala skala 4 digunakan untuk menunjukkan sangat setuju. Responden dikehendaki untuk menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain.⁵³ Interpretasi responden bolehlah dirumuskan sebagai berikut:

Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
1	2	3	4

Jadual 1.10.2 di atas menunjukkan indikator bagi Skala Likert

Seterusnya untuk menggunakan metode soal selidik, sebuah format soal selidik atau instrumen yang seragam amat diperlukan. Soal selidik seragam mengandungi rentetan soalan yang telah digubal khas untuk memperoleh data bagi memenuhi

⁵³ Mohamad Najib, "Penyelidikan Pendidikan," 97.

matlamat kajian. Metode ini boleh dianggap sebagai satu usaha menyampaikan rangsangan bagi mendapatkan jawapan daripada responden.⁵⁴ Di samping itu, penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 15 responden di Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur. Rasional pemilihan sampel untuk kajian rintis ini kerana ia mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengetahui kebolehpercayaan dan nilai kesahan item soalan yang dibina.
2. Mengetahui semua kenyataan di dalam soal selidik jelas dan mudah difahami samada dari segi bahasa, isi kandungan dan kejelasan maksudnya.
3. Memperbaiki kenyataan item yang boleh menimbulkan takrifan yang berlainan dengan responden.
4. Menimbang tempoh masa yang diambil untuk menjawab borang soal selidik yang diedarkan.

Setelah membuat penilaian terhadap kajian rintis, penyelidik akan mengedarkan set soalan yang sebenar kepada responden yang telah dipilih. Set soalan ini mengandungi 30 soalan dan akan diedarkan kepada 200 orang responden yang terdiri daripada pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor. Menurut Krejcie & Morgan (1970), jumlah responden yang diperlukan bagi populasi sebanyak 320 orang adalah 175 orang.⁵⁵ Namun, penyelidik telah melebihi jumlah responden yang terlibat iaitu seramai 200 orang responden. Ini dilakukan bagi mengelakkan sebarang ralat yang akan berlaku seperti soalan tidak dijawab dengan sempurna, borang soal selidik tidak

⁵⁴ Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penulisan Sosio-ekonomi*, (Kuala Lumpur: DBP, 1995), 52.

⁵⁵ Krejcie, R.V & Morgan, D.W (1970), *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 607-610.

dikembalikan dan sebagainya yang boleh mengganggu proses penyelidikan dan memungkinkan berlaku ketidaktepatan hasil kajian. Penyelidik akan mengedarkan sendiri set soalan di sana. Ini bagi memudahkan pengumpulan data serta penyelidik dapat memberikan penerangan yang sewajarnya kepada responden supaya tidak timbul salah faham. Jadual 1.2 menunjukkan taburan responden mengikut tingkatan di Sekolah Seni Malaysia Johor.

Tingkatan	Kekerapan	Peratus
Tingkatam Satu	74	39.4
Tingkatan Dua	70	37.2
Tingkatan Empat	44	23.4
Jumlah	188	100.0

Jadual 1.10.3 menunjukkan Jumlah Responden Mengikut Tingkatan

1.11.3 Prosedur Kajian

Prosedur bagi kajian ini melibatkan proses awal kajian dilakukan hingga proses akhir dalam kajian ini. Proses tersebut ialah :

1. Kajian ini bermula pada bulan Januari sesi 2017/2018, dengan mengisi borang kebenaran membuat kajian dari pihak Universiti Malaya.
2. Seterusnya pertemuan dengan penyelia akan dimulakan pada bulan Febuari sesi 2017/2018 dengan mengemukakan tajuk cadangan. Setelah perbincangan dibuat dengan penyelia bagi pemilihan tajuk, penyelidik akan memilih tajuk yang bersesuaian untuk dikaji.

3. Kemudian, kajian literatur akan dijalankan pada bulan Februari sehingga Mac sesi 2017/2018 selepas mendapat persetujuan dari penyelia yang mana penyelidik telah mula mencari bahan-bahan dan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.
4. Selesai pembinaan objektif, penyelidik akan menghadiri pembentangan proposal kajian pada bulan Jun sesi 2017/2018.
5. Seterusnya penyelidik akan membina item bagi soal selidik. Kemudian, satu kajian rintis akan dijalankan pada bulan Julai sesi 2017/2018 yang melibatkan seramai 30 orang responden sebelum set soal selidik yang sebenar diedarkan kepada responden kajian.
6. Setelah kajian rintis telah mencapai *alpha* 0.8, penyelidik memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor pada bulan Ogos sesi 2017/2018 untuk menjalankan kajian di Sekolah Seni Malaysia tersebut.
7. Setelah cadangan kajian diluluskan, penyelidik akan meminta kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada bulan September sesi 2017/2018 untuk menjalankan kajian di Sekolah Seni Malaysia Johor.
8. Kemudian, soal selidik sebenar mula diedarkan kepada responden pada bulan Oktober sehingga November sesi 2017/2018.
9. Setelah data mentah diperolehi daripada sampel yang terlibat, penyelidik akan menganalisis data yang diperolehi pada bulan Disember hingga Januari sesi 2017/2018. Borang soal selidik tersebut akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) for window version 22.0*.

Manakala data yang diperolehi melalui temu bual akan dianalisis menggunakan kaedah manual.

10. Hasil kajian akan dipersembahkan dalam satu pembentangan hasil kajian pada bulan April sesi 2018/2019.

11. Setelah pembetulan dilakukan pada bulan Julai sesi 2018/2019, kajian ini dijilidkan.

1.11.4 Metode Analisis

i. Metode Induktif

Metode ini merupakan pengambilan atau pembuktian data daripada sesuatu yang bersifat khusus kepada sesuatu yang bersifat umum. Penyelidik menggunakan metode ini untuk menganalisis tajuk kajian dan kemudian mengembangkan data-data yang diperolehi daripada subjek kajian, iaitu pelajar di Sekolah Seni Malaysia Johor. Data ini digunakan sebagai mewakili pelajar yang beragama Islam secara umum dan secara khususnya pelajar yang menuntut di Sekolah Seni Malaysia di negeri yang lain.

ii. Metode Deduktif

Metode deduktif pula merupakan satu cara membuat kesimpulan daripada kenyataan yang bersifat umum kepada yang khusus. Dalam mengaplikasi metode ini penyelidik mengambil kesimpulan umum iaitu „pengetahuan berkaitan hukum Islam“ dan „pengamalan terhadap perkara fardhu ain“ seperti „pengabaian terhadap suruhan menutup aurat“ untuk dibuktikan ke atas subjek kajian. Ringkasnya, kenyataan umum tersebut dibandingkan dengan subjek kajian (pelajar yang menuntut di Sekolah Seni) supaya kesimpulan khusus mengenai kajian dapat diambil.

iii. Metode Komparatif

Metode ini digunakan dengan membuat perbandingan terhadap data-data dan maklumat-maklumat yang diperolehi antara satu kenyataan dengan kenyataan yang lain, sama ada berbentuk pendapat, peristiwa, fakta dan sebagainya. Dalam konteks ini penyelidik membandingkan data-data umum dengan data-data khusus untuk merangka kesimpulan kajian.

Misalnya, pelbagai bentuk fakta yang diperolehi seperti maklumat mengenai status latar belakang seperti jantina, umur, tempat tinggal, pencapaian matapelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan, sebab memilih Sekolah Seni sebagai tempat menuntut ilmu, bidang pengkhususan dalam kesenian, umur mula menutup aurat dan faktor yang menyebabkan responden menutup aurat dan sebagainya akan dibandingkan antara satu sama lain untuk merangka kesimpulan yang dapat dikaitkan dengan topik kajian iaitu amalan menutup aurat dikalangan pelajar ketika aktiviti kesenian dijalankan. Melalui cara ini ketepatan hasil kajian dapat dimaksimumkan.

iv. Metode Analisis Data

Borang soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden akan dikutip dan dianalisis. Penyelidik akan menganalisis borang soal selidik tersebut dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) for window version 22.0*. Data yang diperolehi melalui soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan kaedah ini kerana perisian ini mudah untuk ditadbir. Bahagian A dianalisis untuk mengetahui maklumat latar belakang sampel secara deskriptif. Manakala bahagian B C dan D dianalisis dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min.

Bagi tujuan menganalisis, penyelidik mengkategorikan kembali 4 mata nilai skala likert kepada 3 peringkat. Ia bertujuan mengelaskan setiap item kepada tahap-tahap tertentu seperti jadual di bawah:

Min	Skala
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Jadual 1.10.4 di atas menunjukkan Peringkat Mata Nilai

Manakala data dari soalan temu bual pula akan dianalisis menggunakan perisian Nvivo versi 8.0. berdasarkan soalan-soalan yang diajukan kepada 4 informan yang terpilih.

1.12 Susunan Penyelidikan

Penyelidik membahagikan laporan kajian kepada bab pendahuluan dan diikuti lima bab yang lain. Bab pendahuluan merupakan pengamatan bagi kajian yang hendak dijalankan. Bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan skop kajian. Di samping itu kepentingan kajian turut dikemukakan sebagai satu usaha menerangkan kepentingan penyelidikan yang dikaji. Kajian diteruskan dengan menelusuri penyelidikan terdahulu dan metodologi yang digunakan dalam melaksanakan penyelidikan. Akhir sekali susunan penyelidikan dikemukakan sebagai gambaran awal terhadap kajian ini.

Bab 1 : Pendahuluan

Beberapa aspek penting akan dibincangkan oleh pengkaji di dalam bab satu ini. Perkara-perkara tersebut adalah berkaitan pengenalan tajuk, latar belakang masalah dan pernyataan masalah kajian. Selain itu, kajian menelusuri berkenaan objektif dan persoalan kajian. Di samping itu, turut dimasukkan kepentingan kajian ini dijalankan.

Bab 2 : Tinjauan Literatur

Beberapa aspek penting akan dibincangkan iaitu berkenaan bentuk-bentuk kajian lepas dengan membahagikannya kepada kajian lepas berkenaan aurat, dalil-dalil berkaitan kewajipan menutup aurat, faktor-faktor yang menyebabkan pengabaian terhadap kefardhuan menutup aurat dalam kalangan pelajar. Perbezaan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan sebelum ini dengan dengan kajian yang akan penyelidik jalankan berfokus kepada tahap pengetahuan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat dan tahap pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat ketika aktiviti kesenian.

Bab 3 : Latar belakang Tempat Kajian: Sekolah Seni Malaysia Johor (SSeMJ)

Bab ini akan membincangkan berkenaan penubuhan Sekolah Seni di Malaysia. Ini bersesuaian dengan tajuk kajian ini iaitu amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian di Sekolah Seni Malaysia Johor.

Menerusi bab ketiga, penyelidik membawa pembaca kepada latar belakang tempat kajian iaitu Sekolah Seni Malaysia Johor. Bab ini menghuraikan maksud pada hujung tajuk kajian ini. Selain pengenalan tentang sekolah ini sebagai tempat kajian,

penyelidik turut membincangkan keberkesanan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah bagi meningkatkan penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar. Turut dinyatakan pada bab ini ialah jadual harian dan keadaan hubungan sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah ini.

Oleh itu, hasil dapatan yang diharapkan dapat menjelaskan sejauhmana pengetahuan pelajar mengenai kewajipan menutup aurat dan juga dapat menilai sejauhmana pengamalan dan kepatuhan mereka kepada tuntutan agama Islam dalam kehidupan seharian. Tuntas dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak Sekolah Seni Malaysia dalam menangani isu berkaitan aurat dalam kalangan pelajar.

Selain itu, ia dapat memudahkan penyelidik melakukan kajian mengenai tahap kefahaman dan pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian sama ada ketika latihan kesenian mahupun persembahan pentas.

Bab 4 : Analisis Data

Bab ini akan menghuraikan analisis data daripada 200 orang responden yang akan mengembalikan set soal selidik kepada penyelidik. Dapatan kajian ini merangkumi soal selidik bahagian A, B, C dan D dan tema yang dibina berdasarkan temu bual ke atas infoman. Hasil dapatan kajian yang dilakukan akan membantu penyelidik untuk membuat rumusan dan membuat kesimpulan serta cadangan pada bab terakhir iaitu bab lima.

Bab 5 : Rumusan dan Cadangan

Bab ini akan membincangkan rumusan berkenaan objektif kajian yang ingin dikaji oleh penyelidik. Di samping itu, akan dikemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan pada masa akan datang.

Universiti Malaya

BAB DUA: PENSYARIATAN DAN AMALAN MENUTUP AURAT

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan beberapa perkara berkaitan pensyariatian terhadap kefardhuan menutup aurat. Hal ini adalah bertujuan untuk melihat asas penentuan mengenai kefardhuan menutup aurat jelas disisi syarak. Selain itu, topik pembahasan secara khusus yang dibincangkan di dalam bab ini adalah berkaitan dengan pengertian aurat, dalil-dalil pensyariatian kefardhuan menutup aurat, pendapat fuqaha berkaitan aurat, batasan aurat bagi lelaki dan wanita serta hikmah yang diperolehi dari ketaatan terhadap kewajipan memelihara aurat.

Permasalahan mengenai aurat juga telah menjadi kajian penting dalam hukum Islam dengan pelbagai pendekatan, sama ada dari al-Quran, hadis, pendapat ulama mazhab dan ulama kontemporari. Ini kerana isu berkaitan aurat ini merupakan sesuatu yang perlu untuk dibincangkan seiring dengan perkembangan umat Islam itu sendiri. Namun, bagi menyelesaikan permasalahan mengenai fiqh aurat ini, sudah pasti wujud keperluan untuk kita melihat kembali amalan dan perbuatan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Segala permasalahan yang timbul ini memerlukan kepada pengkajian yang lebih mendalam kerana isu aurat yang sangat kompleks.

2.2 Pengertian Aurat

Secara umum, perkataan aurat bermaksud aib atau kecacatan terhadap sesuatu perkara.⁵⁶ Keaiban dan kecacatan ini dikaitkan sebagai sesuatu yang memalukan sekiranya didedahkan kepada orang lain serta dianggap sebagai sesuatu yang keji.⁵⁷ Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan aurat sebagai bahagian tubuh yang tidak boleh kelihatan atau wajib ditutup.⁵⁸

Dari segi bahasa, perkataan aurat dalam bahasa Melayu adalah berasal daripada perkataan yang sama dengan bahasa Arab iaitu “*aurat*”. Perkataan aurat dari segi bahasa mempunyai pengertian yang sangat banyak. Salah satu pengertian aurat adalah *al-Sau''ā* yang memberi maksud kemaluan.⁵⁹ Menurut Ibnu Athīr, pengertian asal bagi perkataan *al-Sau''āt* ialah kemaluan wanita atau *al-Farj*. Oleh itu, ia memberi maksud kepada apa sahaja perkara yang memalukan apabila berlaku sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan.⁶⁰

Menurut „Abd al-Qādir al-Rāzī, perkataan aurat juga digunakan bagi apa sahaja perkara yang menyebabkan manusia berasa malu untuk diperlihatkan kepada orang lain.⁶¹ Pengertian lain bagi perkataan aurat adalah sesuatu yang perlu ditutup,⁶² sesuatu yang kurang dan hodoh,⁶³ tempat-tempat kelemahan yang mungkin akan dimasuki musuh⁶⁴ dan banyak lagi.

⁵⁶ Ibrahīm Mustafa, *al-Mu'jam al-Wasīt* (Turki: al-Maktabah al-Islāmīyyah, t.t), 636.

⁵⁷ Taha Hassan al-Nūr, *al-Mu'jam al-'Arabi al-Masyir* (Larus: al-Munazzamah al-„Arabīyyah li al-Tarbīyyah Wa al-Thaqafah Wa al-„Ulūm, 1991), 353.

⁵⁸ Noresah Baharom *et. al*, *Kamus Dewan*, Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 90.

⁵⁹ Ibnu Manzūr, *Lisān al-„Arab* Jld.4 (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 616.

⁶⁰ *Ibid.*, 97.

⁶¹ „Abd al-Qādir al-Rāzī, *Mukhtār al-Sahah* (Kaherah: Dār al-Hadīth, t.t), 461.

⁶² Ibnu Manzūr, *op.cit.*, Jld.4, 616.

⁶³ Majma“ al-Lughah, *al-Mu'jam al-Wasīt* Jld.2 (Kaherah: Dār al-Syu“un al-Dīnīyyah), 236.

⁶⁴ Ibnu Manzūr, *op.cit.*, Jld.4, 616.

Kesimpulan daripada pengertian aurat dalam bahasa Arab berdasarkan keterangan di atas, perkataan aurat mengandungi dua pengertian. Pertama, pengertian khusus iaitu kemaluan atau *al-Sau'ā* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Kedua, pengertian umum iaitu segala perkara yang dinilai sebagai kurang menyenangkan untuk dilihat atau diketahui oleh orang lain.

Dari segi pengertian syarak, aurat memberi maksud sesuatu yang haram untuk didedahkan dan wajib untuk ditutup serta tidak boleh mendedahkan kepada *ajnabi* iaitu orang asing selain dari mahramnya.⁶⁵ Walau bagaimanapun, definisi ini tidak diberikan secara teknikal oleh para fuqaha. Ini kerana dalam kitab-kitab klasik tidak wujud definisi aurat secara khusus, sama ada dalam kitab tafsir, kitab hadis mahupun kitab fiqh.

Ketiadaan definisi aurat secara khusus ini mungkin kerana pengertian mengenai aurat sangat jelas dan tidak perlu untuk didefinisikan lagi. Selain itu, di dalam kitab fiqh, tidak ada huraian mengenai aurat dibuat secara khusus melainkan ia hanya dihuraikan dalam bab solat sebagai masalah sampingan.⁶⁶

Menurut al-Syeikh Mamdūh Mahmūd „Abd al-Rahman,⁶⁷ definisi seperti yang dinyatakan di atas adalah bersumberkan kepada kitab *Fiqh Sunnah* karangan Sayyid Sābiq. Walau bagaimanapun, setelah diteliti definisi sepertimana yang dinyatakan itu, tidak wujud dalam kitab berkenaan.⁶⁸

⁶⁵ Mustafa Khin et. al, *al-Fiqh al-Manhāji „Ala Madhāhib al-Imām al-Syāfi“ī*(Beirut: Dār al-Syāmīyyah, 1996), 125.

⁶⁶ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī* Jld. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, 1994), 410, al- Nawawī, *al-Majmu“* Jld.3 (Beirut: Dār Ihyā“ al-Turāth al-Islāmī, 2001) 119, Ibn Rusyd, *Bidāyat al-Mujtahid* (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, 2002), 109.

⁶⁷ Mamdūh Mahmūd „Abd al-Rahman, *al-Zīnah wa al-Jamāl Fī Mīzān al-Islām* (Kaherah: Maktabah al-Zahrā“, 1996), 61.

⁶⁸ Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1977), 106.

Wahbah al-Zuhāilī dalam mendefinisikan aurat dalam istilah syarak menyatakan sebagai aurat adalah anggota tubuh badan yang wajib ditutup dan haram untuk dilihat.⁶⁹ Oleh yang demikian, aurat adalah bahagian tubuh badan bagi lelaki dan perempuan yang wajib untuk ditutup dan haram untuk didedahkan atau diperlihatkan kepada orang lain.

Definisi yang sama turut boleh dilihat dalam kitab *Mu'jam Lughah al-Fuqahā* yang menyatakan bahawa aurat ialah semua perkara yang boleh menimbulkan rasa malu dan dari segi hukum syarak adalah wajib untuk ditutup dari tubuh badan lelaki dan perempuan.⁷⁰

Dapat disimpulkan bahawa aurat merupakan anggota tubuh badan lelaki dan perempuan yang wajib untuk dilindungi sesuai dengan batasan aurat yang telah ditetapkan. Hukum bagi seseorang yang mendedahkan aurat secara sengaja adalah haram dan berdosa. Setiap individu yang beragama Islam wajib untuk mentaati dan memelihara aurat dalam kehidupan seharian. Ini kerana, tujuan utama menutup aurat adalah untuk menjaga maruah serta tidak menimbulkan kemungkaran yang boleh merosakkan diri dan orang lain.

Oleh kerana tidak terdapat definisi aurat secara khusus sepertimana yang telah dinyatakan, namun konsep aurat itu lebih utama untuk diberi penekanan dan difahami dengan jelas. Pemahaman mengenai konsep aurat ini boleh didapati dalam al-Quran dan al-Sunnah. Berdasarkan kepada konsep ini, apa yang dimaksudkan dengan aurat dalam kajian ini ialah bahagian tubuh badan yang wajib ditutup dan tidak boleh diperlihatkan kepada orang lain. Bagi memahami konsep aurat ini dengan lebih terperinci, huraian mengenai aurat mungkin boleh didapati pada tajuk yang seterusnya dalam bab ini.

⁶⁹ Wahbah al-Zuhāilī, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* j.1 (Damaskus: Dār al-Fikr, 2008), 633.

⁷⁰ Muhammad Rawas Qal'ah Ji, *Mu'jam Lughah al-Fuqahā* (Beirūt: Dār al-Nafais, 1988), 324.

2.3 Dalil Menutup Aurat Di dalam al-Quran

Pakaian merupakan salah satu nikmat terbesar yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para hambaNya. Fungsi utama pakaian adalah sebagai alat untuk menutup aurat, menahan tubuh badan dari kepanasan dan kedinginan serta mengelakkan berlakunya sebarang kemudaratan dan kerosakan kepada tubuh badan. Terdapat banyak dalil-dalil syarak yang menjelaskan mengenai hukum berpakaian secara terperinci. Di samping itu juga, syariat juga telah menerangkan perkara sunnah atau haram, makruh atau harus dalam berpakaian, baik dari segi jenis, batasan mahupun ukurannya.

Secara asas, al-Quran telah menjelaskan mengenai aurat dan perintah untuk menjaga dan memeliharanya. Sebagaimana firman Allah SWT:⁷¹

يَبْنَى ءآءَمَ قءَ أَنزَلْنَا عَلَيْكُمُ لِبَآسًا يُؤَآرِي سَوَآءَتِكُمْ وَرِيْشًا^ط

Al-A`rāf 7: 26

Terjemahan: “Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian untuk menutup auratmu dan pakaian yang indah untuk perhiasan”.

Menurut al-Qurtubī, ayat ini merupakan dalil khusus yang menyatakan hukum wajib untuk menutup aurat. Ini kerana pada ayat tersebut dengan jelas menyebut perkataan *menutupi auratmu*.⁷² Begitu juga dengan pandangan yang diberikan oleh al-

⁷¹ Musa`id Ibnu Qāsim, *Ahkām al-ʿAwrat wa al-Nadhar* (Riyādh: Maktabah Maʿarif, t.th.), 21.

⁷² Al-Qurtubī, *al-Jāmiʿ li Ahkām al-Qurān* Jld. 9 (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2006), 182.

Syaukānī yang menjelaskan bahawa ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT menciptakan pakaian bagi seluruh umat manusia untuk memelihara dan menutup aurat setelah dipamerkan oleh iblis pada diri Adam dan Hawa.⁷³

Berdasarkan kepada pandangan di atas dapat difahami bahawa fungsi utama pakaian adalah sebagai pelindung kepada tubuh badan manusia agar tidak dilihat oleh orang lain. Dalam konteks hukum syarak, aurat merupakan bahagian tertentu pada tubuh badan yang tidak boleh dilihat kecuali orang-orang tertentu yang dibenarkan syarak sahaja. Begitu juga dalam beribadah, menutup aurat merupakan syarat sah dalam solat. Sebagaimana firman Allah SWT:

﴿يَبْنَىٓ ءَادَمَ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ﴾

Al-A‘rāf 7: 31

Terjemahan: “Hai anak Adam, pakailah pakaian kamu yang indah di setiap (memasuki) masjid”.

Menurut al-Qurtubī, dalam *Sahih Muslim*, Ibn „Abbas meriwayatkan bahawa terdapat seorang perempuan yang telah melakukan tawaf di Ka‘bah secara bogel tanpa berpakaian. Al-Qādi Ibn „Iyādh menyatakan bahawa perempuan tersebut adalah Dhuba‘ah binti „Amīr Ibn Qurt. Manakala, Hisyām Ibn „Urwah dalam *Sahih Muslim* juga menjelaskan daripada bapanya, bahawa amalan melakukan tawaf secara berbogel

⁷³ Al-Shaukānī, *Fath al-Qādir* Jld. 2 (Beirūt: „Alam al-Kutub, t.t.), 197.

ini telah menjadi kebiasaan kepada semua orang Arab pada ketika itu kecuali dari suku bangsa Quraīsy. Setelah itu, ayat ini diturunkan bagi membatalkan amalan tersebut.⁷⁴

Menurut al-Qurtubī lagi, ayat ini adalah dalil khusus kepada hukum wajib dalam menutup aurat. Walau bagaimanapun, jumhur menyatakan bahawa ayat ini adalah hanya khusus bagi menutup aurat sewaktu solat sahaja. Menurut al-Abharī, ayat tersebut bukan hanya khusus ketika menunaikan solat, tetapi wajib menutup aurat dalam semua keadaan, sama ada dalam solat mahupun di luar solat.⁷⁵

Al-Kayaharrasī mempunyai pandangan berbeza dalam perkara ini. Menurut beliau ayat ini hanya bertujuan untuk menerangkan hukum memuliakan masjid dan tempat ibadah serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya sahaja dan tidak ada kena mengena dengan soal kewajipan menutup aurat sama ada dalam solat atau di luar solat.⁷⁶

Terdapat ayat al-Quran yang lain juga menerangkan tentang kewajipan memelihara dan menutup aurat. Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ قُلٌّ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ
عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبَابِهِنَّ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذِينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ

غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥١﴾

⁷⁴ Al-Qurtubī, *op.cit.*, Jld. 9, 192.

⁷⁵ *Ibid.*, 193.

⁷⁶ Al-Kayaharrasī, *Ahkām al-Qurān* Jld. 3 (Beīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, t.t), 135.

Terjemahan: “Wahai Nabi, Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: “Hendaklah mereka melabuhkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka”. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, kerana itu mereka tidak diganggu dan Allah adalah Maha Pengampun Lagi Maha Penyayang”.

Berdasarkan kepada ayat al-Quran di atas, jumhur ulama menetapkan bahawa hukum bagi menutup aurat adalah wajib bagi setiap orang Islam yang mukallaf.⁷⁷ Kesan mempersendakan hukum mengenai aurat akan menyebabkan iman seseorang itu akan terbatal. Ini kerana hukum berkaitan aurat termasuk dalam perkara yang telah diketahui umum secara darurat (*al-., Im fī al-Dīn bī al-Darūrah*).⁷⁸ Mendedahkan aurat dikhalayak orang awam bukan sahaja berdosa besar tetapi dianggap sebagai suatu kesalahan awam yang menjejaskan kepentingan umum dan mengganggu kerukunan sosial.⁷⁹

Dalil al-Quran yang menunjukkan bahawa kewajipan terhadap tuntutan dalam menutup aurat juga boleh dilihat pada ayat lain yang menyebut mengenai aurat seorang perempuan secara khusus. Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَحَفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا

يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ خُمُرَهُنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ^ص

⁷⁷ Al-Nawawī, *al-Majmu'*, *Alā Syarh al-Muhaddhab* Jld. 3 (Beirūt: Dār al-Fikr, t.t), 166.

⁷⁸ Al-Sharbasī, *Yas 'alūnaka Fī al-Dīn wa al-Hayāh* Jld. 3 (Beirūt: Dār al-Fikr, t.t.), 165.

⁷⁹ Ibn Hajar al-Haithamī, *al-Zawājir ,an Iqtirāf al-Kabā'ir* Jld. 1 (Beirūt: Dār al-Fikr, 1988), 258.

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ
 بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي
 إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ
 أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّبَاعِينَ غَيْرِ أُولِي الْأَرْبَابَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ
 الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ
 بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا تَخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ
 جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Al-Nūr 23: 31

Terjemahan: “Katakanlah kepada wanita yang beriman. Hendaklah mereka menahan pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka, dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dada mereka dan janganlah menampakkan perhiasan mereka kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau wanita-wanita Islam, atau hamba sahaya yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung”.

Menurut Ibn Kathīr, ayat di atas merupakan suatu suruhan dan perintah Allah SWT kepada setiap wanita yang beragama Islam bertujuan untuk menjaga perasaan suami mereka serta untuk membezakan mereka daripada perempuan jāhilīyyah dan musyrik.⁸⁰

Sebab turun ayat di atas adalah sepertimana yang telah dinyatakan oleh Jabir Ibn „Abdullah al-Ansārī yang meriwayatkan bahawa Asa“ binti Murthid merupakan seorang wanita bangsawan yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan Banī Hārithah. Oleh kerana beliau mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan bangsa, ramai golongan wanita yang menemui beliau. Suatu ketika beliau melihat wanita-wanita yang datang menemuinya tidak berpakaian lengkap, malah ada dalam kalangan mereka yang sengaja menampakkan gelang-gelang kaki mereka serta dada mereka yang terdedah. Beliau berkata kepada mereka: “Alangkah buruknya keadaan mereka itu”. Akhirnya Allah SWT menurunkan ayat 31 surah al-Nūr tersebut.⁸¹

Selain daripada dalil-dalil al-Quran yang menyebut berkaitan kewajipan menutup aurat, terdapat banyak lagi hadis-hadis Rasulullah SAW yang menyebut tentang kewajipan dan keperluan memelihara aurat secara umum, sama ada dalam kalangan lelaki mahupun perempuan.⁸² Kesemua dalil-dalil ini membuktikan bahawa masalah mengenai aurat merupakan isu yang sangat penting dalam Islam, ia bukan sahaja berkaitan soal ibadat seperti solat, tetapi melibatkan kehidupan manusia secara keseluruhannya.

⁸⁰ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-„Azīm* Jld. 3 (Beīrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1993), 293.

⁸¹ *Ibid.*, 294.

⁸² A.J Wensich & J.P Mensing, *al-Mu‘jam al-Mufahras Lī Alfāz al-Qurān* Jld. 4 (Istanbul: Dār al-Da‘wah, 1986), 432-433.

2.4 Dalil Menutup Aurat Di dalam al-Sunnah

Islam sangat mengambil berat berkaitan permasalahan aurat. Setiap wanita Islam diwajibkan untuk menutup aurat apabila mereka telah didatangi haid. Ini dapat difahami dengan meneliti hadis Nabi SAW iaitu:

يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ لَمْ تَصُلْحَ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا
وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ وَكَفَّيْهِ

Terjemahan: “Wahai Asma“! Sesungguhnya wanita jika sudah mencapai usia baligh, maka tidak boleh dilihat daripada dirinya kecuali ini dan ini”, Rasulullah SAW mengisyaratkan kepada wajah dan kedua tapak tangannya.⁸³

Hadis Rasulullah SAW yang dinyatakan di atas secara jelas menyebut mengenai tahap usia dan tuntutan menutup aurat bagi seseorang wanita adalah apabila mula mencapai umur baligh. Selain itu, hadis yang diriwayatkan oleh „Abdullah bin Mas‘ūd menyebut:

الْمَرْأَةُ عَوْرَةٌ فَإِذَا خَرَجَتْ اسْتَشْرَفَهَا الشَّيْطَانُ

⁸³ Hadith riwayat Abī Dāwūd, Kitab al-Libās, Bab Fī Mā Tubdī al-Mar‘āh Min Zīnatahā, no. Hadith 3580. Abū Dāwūd menyatakan bahawa hadith ini sebagai *mursal* kerana perawi hadis yang bernama Khālid bin Duraik tidak hidup sezaman dengan ‚aisyah r.a. Ibn Hajar al‘Asqalānī pula menukulkan pandangan Ibn Mu‘īn, al-Nasa‘ī dan Ibn Hibban bahawa Khālid bin Duraik merupakan seorang yang *thiqah*. Abū Dawūd, *Sunan Abī Dawūd*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), j.2, 460.

Terjemahan: “Wanita itu adalah aurat, apabila dia keluar (rumah), maka syaitan akan mengikutinya”.⁸⁴

Berdasarkan kepada dua hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa batasan bagi aurat seseorang wanita adalah seluruh tubuh kecuali wajah dan tapak tangan. Namun sebahagian para ulama berpendapat, sekiranya seseorang wanita itu dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah dan berada dalam kalangan orang yang fasik, maka adalah lebih baik seorang wanita itu menutup wajahnya.⁸⁵ Ini kerana pada wajah seseorang wanita itu dapat menunjukkan kecantikan dan dikhuatiri boleh menimbulkan syahwat kepada orang-orang yang fasik tersebut. Oleh yang demikian, ketaatan kepada suruhan untuk menutup aurat mempunyai kaitan dengan syahadah seseorang muslim kepada agama Islam. Pemakaian yang menutup aurat juga merupakan lambang kepada ketaatan kepada Allah dan Rasulullah SAW.

Selain daripada hadis yang menyebut berkaitan dengan tuntutan untuk menutup aurat kepada wanita secara khusus. Terdapat juga dalil dari sunnah yang melarang umat Islam dari memandang aurat orang lain secara sengaja. Daripada „Abd al-Rahman bin Abī Sa‘īd al-Khudrī r.a berkata: Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَنْظُرُ الرَّجُلُ إِلَى عَوْرَةِ الرَّجُلِ وَلَا تَنْظُرُ الْمَرْأَةُ إِلَى عَوْرَةِ الْمَرْأَةِ

⁸⁴ Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Ridā‘, No. Hadith 1176. Abu ‚Isa mengatakan bahawa hadith ini *Hasan Sahih*. Lihat Abu Isa Muhammad bin Isa al-Tirmidhī, “Sunan al-Tirmidhī,” dalam *al-Jami‘ al-Mukhtasar Min al-Sunan ‚An Rasūlullah wa Ma‘rifah al-ṣahih wa al-Ma‘lul wa Mā ‚Alāhi al-‚Amal*, ed. ṣudqī al-‚Aṭṭār (Beirūt: Dār al-Fikr, 2005), 358.

⁸⁵ Abū al-Ta‘īyib, Muhammad Syams al-Dīn al-‚Azīm, „*Aun al-Ma‘būd ‚Ala Syarh Sunan Abī Dāud J. 11*. (Beirūt: Dār al-Kutub al-‚Ilmīyyah, 1994), 109.

Terjemahan: “Orang lelaki tidak boleh memandang kepada aurat lelaki dan orang perempuan tidak boleh melihat kepada aurat orang perempuan”.⁸⁶

Berdasarkan kepada hadis ini, Imām al-Nawawī menjelaskan bahawa haram sekiranya seseorang lelaki itu melihat aurat lelaki dan wanita melihat aurat wanita yang lain. Begitu juga haram sekiranya seorang lelaki melihat aurat wanita dan haram bagi wanita untuk melihat aurat lelaki dengan sengaja.⁸⁷

Selain daripada hadis yang telah dinyatakan, terdapat banyak lagi hadis Rasulullah SAW yang menyebut mengenai tuntutan untuk menutup aurat secara umum, sama ada terhadap lelaki mahupun wanita. Ini membuktikan bahawa isu berkaitan aurat merupakan permasalahan yang sangat penting dalam syariat Islam, ia bukan sahaja berkait rapat dalam soal ibadat seperti solat sahaja, malah merangkumi kehidupan manusia secara umum.

2.5 Pandangan Fuqaha“Terhadap Batasan Aurat

Fuqaha bersepakat dengan menyatakan bahawa hukum mendedahkan aurat adalah haram. Namun, mereka mempunyai pandangan yang berbeza dalam menentukan batasan aurat tersebut. Batasan aurat yang dimaksudkan adalah dari aspek batasan terhadap hukum membuka, melihat dan menyentuh aurat tersebut.

⁸⁶ Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Adāb, Bab Mā Jā’a Fī Karāhiyati Mubāsharati al-Rajuli al-Rajula wa al-Mar’ati al-Mar’ah, No. Hadith 2802. . Abu Ḥsa mengatakan bahawa hadith ini *Hasan Sahih*. Lihat Abu Isa Muhammad bin Isa al-Tirmidhī, “Sunan al-Tirmidhī,” dalam *al-Jami’ al-Mukhtasar Min al-Sunan ,An Rasūlullah wa Ma’rifah al-ṣahih wa al-Ma’lul wa Mā ,Alāihi al-,Amal*, ed. ṣudqī al-,Attār (Beirūt: Dār al-Fikr, 2005), 796.

⁸⁷ Al-Nawawī, *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawī*, J.3. (Kaherah: Dār al-Fikr, 1981), 30.

2.5.1 Batasan Aurat Bagi Lelaki

Secara umum, batasan aurat atau anggota badan yang wajib ditutup bagi seorang lelaki yang mukallaf adalah antara pusat dan lutut. Selain itu, seorang lelaki juga tidak dibenarkan untuk melihat aurat yang ada pada dirinya kecuali ketika darurat. Seseorang itu juga harus untuk menutup aurat ketika dalam keadaan darurat sebagaimana keharusan untuk menutup aurat ketika *istinjak* dan mandi.

Oleh yang demikian, seseorang lelaki tidak boleh mendedahkan aurat dan anggota badan kepada orang lain meskipun tidak mendatangkan syahwat. Pendapat ini berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan daripada Bahz bin Hakim:

أَحْفَظْ عَوْرَتَكَ إِلَّا مِنْ زَوْجَتِكَ أَوْ مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ

Terjemahan: “Peliharalah (tutuplah) auratmu kecuali kepada isteri atau budak (hamba) yang kau miliki”.⁸⁸

Berdasarkan kepada pandangan ini, jumhur ulama telah bersepakat dengan menyatakan bahawa seseorang lelaki wajib untuk menutup aurat ketika berhadapan dengan orang lain kecuali isteri dan hamba. Namun, mereka mempunyai pandangan yang agak berbeza mengenai batasan aurat lelaki sama ada pusat dan lutut termasuk dalam anggota aurat yang wajib ditutup atau tidak.

⁸⁸ Hadith riwayat Abī Dāwūd, Kitab al-Hammām, Bab al-Nahī „An al-Ta‘arrī, no. Hadith 4017. Abū Dāwūd menyatakan bahawa sanad hadith ini *Sahih*. Abū Dawūd, *Sunan Abī Dawūd*, (Beirut: Dār al-Risālah al-‘ālamīyyah, 2009), j.6, 134.

Menurut mazhab Syafie, aurat bagi seorang lelaki itu adalah antara pusat dan lutut. Manakala, pusat dan lutut tidak termasuk anggota aurat yang perlu ditutup. Walau bagaimanapun, sebahagian dari pusat dan lutut juga perlu ditutup bagi menyempurnakan penutupan kawasan aurat tersebut.⁸⁹

Pandangan ini juga disepakati oleh mazhab Hanafi dan Hanbali yang menyatakan bahawa aurat bagi seorang lelaki adalah dari bawah pusat hingga ke lutut.⁹⁰

Mazhab Maliki pula membahagikan aurat kepada dua bahagian, iaitu aurat berat (*mughallazah*) dan aurat ringan (*mukhaffafah*). Aurat berat pada seorang lelaki adalah pada kemaluan dan dubur. Manakala, aurat ringan ialah selain dari kemaluan dan dubur.⁹¹

Majoriti ulama dalam kalangan mazhab Syafie, Hanafi dan Hanbali bersepakat menyatakan bahawa batasan aurat bagi lelaki adalah antara pusat dan lutut kecuali mazhab Maliki yang membahagikan aurat kepada dua bahagian iaitu aurat berat dan aurat ringan.

2.5.2 Batasan Aurat Wanita Islam

Sepertimana yang diketahui, agama Islam telah menetapkan batasan aurat bagi lelaki dan wanita. Jumhur ulama bersepakat mengenai batasan aurat bagi seseorang lelaki adalah antara pusat dan lutut. Selain itu, mereka juga dilarang untuk mendedahkan aurat kepada orang lain serta diperintah untuk tidak melihat aurat orang lain. Bagi seorang

⁸⁹ „Abd al-Rahman al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh „Ala al-Mazāhib al-Arba‘ah* (Berūt: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, 2003), 172.

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ *Ibid.*

wanita Islam, batasan aurat dan anggota badan yang wajib ditutup lebih luas berbanding batasan aurat seseorang lelaki.

Batasan aurat bagi wanita itu berbeza-beza mengikut keadaan, situasi dan dengan siapa wanita itu berhadapan. Jumhur ulama bersepakat menyatakan bahawa aurat bagi seorang wanita adalah seluruh tubuh badan mereka kecuali muka dan kedua tapak tangan.⁹² Secara umumnya, perbezaan batasan aurat bagi seseorang wanita adalah seperti berikut:

2.5.2.1 Batasan Aurat Wanita Islam Dengan Lelaki Mahram

Dalam permasalahan batasan aurat bagi wanita Islam dengan lelaki mahram, ulama mazhab fiqh mempunyai pandangan yang agak berbeza.

Menurut mazhab Syafie, aurat bagi wanita Islam ketika bersama lelaki mahram adalah antara pusat hingga ke lutut. Batasan aurat ini adalah sama dengan aurat wanita dengan seorang wanita yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian dari mazhab Syafie berpandangan bahawa anggota tubuh badan wanita yang boleh diperlihatkan kepada mahramnya ketika berada di dalam rumah adalah seperti kepala, leher, tangan hingga siku dan kaki hingga lutut.⁹³

Mazhab Maliki pula menyatakan bahawa aurat seorang wanita yang wajib ditutup ketika bersama lelaki mahram adalah seluruh anggota badan kecuali wajah dan sekitar wajah sahaja iaitu kepala dan leher. Maka haram bagi seorang wanita untuk menampakkan dada dan anggota tubuh lain kepada mahramnya.

⁹² Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, 2002), 110.

⁹³ Al-Sharbinī, *Muḥnā al-Muhtāj* (Beirut: Dār al-Makrifah, 1997), 285.

Bagi mazhab Hanafi dan Hanbali, aurat seorang wanita ketika berhadapan dengan lelaki mahram adalah sama dengan pandangan mazhab Maliki iaitu seluruh tubuh badan kecuali wajah, kepala dan leher. Mazhab Hanafi berpandangan dada wanita juga salah satu anggota yang tidak termasuk aurat sekiranya tidak mendatangkan syahwat terhadap mahramnya.

2.5.2.2 Batasan Aurat Wanita Islam Dengan Lelaki Bukan Mahram

Batasan aurat bagi wanita Islam mengikut jumhur fuqaha⁹⁴ adalah seluruh tubuh badan mereka kecuali muka dan tapak tangan.⁹⁴ Oleh yang demikian, seseorang wanita muslim wajib untuk menutup seluruh anggota tubuh badan mereka dan haram untuk mendedahkannya kepada yang bukan mahram kecuali muka dan tapak tangan sahaja. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT:⁹⁵

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا

يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا^ط

Al-Nūr 24: 31

Terjemahan: “Katakanlah kepada wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah

⁹⁴ Abdul Karim Zaydan, *al-Mufasssal fī Ahkām al-Mar‘āh Wa Bayt al-Muslim fī al-Syarī‘ah al-Islāmīyah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000), 183.

⁹⁵ Fakhruddin al-Razi, *Tafsir al-Kabir* (Dar al-Kutub al-Alamiyah, t.th., Jilid XII), 178.

mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya.

Ayat di atas dengan jelas menunjukkan bahawa wujudnya larangan untuk memperlihatkan perhiasan yang ada pada tubuh badan seorang wanita yang tersembunyi iaitu aurat kecuali kepada individu yang telah diizinkan syarak sahaja seperti suami, bapa dan bapa saudara mereka.⁹⁶

Menurut pandangan mazhab Syafie, batasan aurat wanita ketika berhadapan dengan lelaki yang bukan mahram bagi dirinya adalah seluruh anggota tubuh badan kecuali wajah, tapak tangan dan kaki. Bahagian atas kaki masih termasuk aurat tetapi pada bahagian bawah kaki tidak dikira sebagai aurat.⁹⁷

Bagi mazhab Maliki pula, aurat bagi seorang wanita adalah seluruh tubuh badan ketika berhadapan dengan lelaki yang bukan mahram kecuali wajah. Namun menutup muka sangat dianjurkan dan menjadi wajib sekiranya boleh menimbulkan fitnah. Menurut al-Zarqānī dalam kitab fiqh Imam Malik iaitu *Syarh Muhktasar Khalīl* „*Alā Mukhtasar Saīdī Khalīl*, beliau menjelaskan bahawa aurat wanita dalam kalangan lelaki *ajnabī* adalah seluruh tubuh badan kecuali wajah dan tapak tangan. Suara wanita juga merupakan salah satu aurat. Wajah dan tangan boleh dilihat oleh lelaki yang bukan mahram meskipun wanita itu masih muda sama ada sekadar untuk dilihat mahupun

⁹⁶ Muhammad „Ali, *Safwah al-Tafāsir Tafsir al-Qurān al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Sabūnīy, 1997), 307.

⁹⁷ Muhammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm* (Beirūt: Dār al-Fikr, 2001), 89.

untuk tujuan pengobatan. Sekiranya boleh mendatangkan fitnah dan syahwat bagi lelaki yang melihatnya, maka hukumnya haram.⁹⁸

Pendapat yang sama juga boleh dilihat pada pandangan mazhab Imam Hanafi yang menyatakan bahawa keseluruhan anggota badan wanita adalah aurat kecuali wajah dan tapak tangan luar dan dalam. Memakai pakaian yang menutup wajah sangat dianjurkan sekiranya boleh menimbulkan fitnah. Menurut al-Syaranbalālī, pendapat ini merupakan pandangan yang paling tepat dan sahih dalam mazhab Imam Abu Hanifah.⁹⁹ Dalam kitab *al-Bahru al-Rāiq* karangan Ibnu Najīm menjelaskan bahawa para ulama mazhab Hanafi sangat melarang wanita Islam untuk mempamerkan wajah mereka dikhalayak umum pada hari ini kerana dikhuatiri akan menimbulkan fitnah.¹⁰⁰

Menurut Ibn Muflih dalam kitab *al-Furū'*; Imam Ahmad bin Hanbal telah menyatakan bahawa setiap bahagian tubuh badan seorang wanita yang mukallaf itu adalah aurat termasuk kuku mereka. Sekiranya mereka ingin keluar rumah, hendaklah mereka menutup semua anggota tanpa menampakkannya kepada orang lain.¹⁰¹ Pandangan ini turut dinyatakan oleh Syeikh Mansūr al-Bahūtī dalam *Kasyāf al-Qinā'* „*An Matnī al-īqnā'*” dengan menyatakan bahawa kedua tapak tangan dan wajah termasuk anggota aurat bagi seorang wanita Islam meskipun di luar solat sepertimana anggota tubuh badan yang lain.¹⁰²

⁹⁸ Al-Zarqānī, „Abd al-Baqī bin Yūsuf bin Ahmad bin Muhammad al-Zarqānī al-Misrī, *Syarh al-Zarqānī* „*Alā Mukhtasar Saīdī Khalīl*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 2002), 313.

⁹⁹ Al-Sharanbalālī, *Matan Nūr al-īdhāh Fī al-Fiqh* „*Ala Mazhab al-Imām al-„Azam Abī Hanīfah al-Nu'mān* (t.t.p, t.t) , 25.

¹⁰⁰ Ibn Najīm, Syeikh Zāin al-Dīn bin Ibrāhīm bin Muhammad al-Ma'rūf Ibn Najīm, *al-Bahru al-Rāiq Syarh Kanz al-Daqāiq Fī Furū'ī al-Hanafiyyah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1997), 470.

¹⁰¹ Ibn Muflih, Syams al-Dīn Muhammad bin Muflih al-Maqdisī, *al-Furū'* (Ammān: Baīt al-Afkār al-Daūliyyah, 2004), 161.

¹⁰² Mansūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūtī, *Kasyāf al-Qinā'* „*An Matnī al-īqnā'*” (Beirūt: „ālam al-Kutub, 1983), 264.

2.5.2.3 Batasan Aurat Anak Perempuan

Terdapat beberapa perbezaan pendapat ulama mazhab dalam menentukan tahap umur seorang kanak-kanak perempuan dalam permasalahan aurat. Menurut pandangan Imam Mazhab Maliki, aurat bagi kanak-kanak lelaki mahupun perempuan berbeza-beza mengikut tahap umur mereka. Bagi kanak-kanak lelaki di bawah umur lapan tahun, tidak ada aurat pada anggota badannya. Seseorang wanita itu boleh untuk memandang seluruh anggota tubuh badan kanak-kanak lelaki tersebut ketika memandikan mayatnya. Manakala, kanak-kanak yang berumur sembilan hingga dua belas tahun pula, Imam Malik berpandangan bahawa dibolehkan untuk melihat aurat kanak-kanak tersebut tetapi tidak harus untuk melihat aurat ketika memandikannya. Sekiranya seorang kanak-kanak itu mencapai usia tiga belas tahun dan ke atas, maka batasan aurat yang ditetapkan adalah seperti aurat seorang lelaki yang dewasa.¹⁰³

Imam Malik juga menetapkan bahawa seorang kanak-kanak perempuan yang berumur tiga hingga empat tahun tidak ada batasan aurat pada dirinya. Walau bagaimanapun, kanak-kanak perempuan yang berumur sepuluh tahun wajib menutup aurat sebagaimana wanita dewasa sekiranya lelaki yang memandang pada diri kanak-kanak tersebut boleh menimbulkan syahwat.¹⁰⁴

Menurut pandangan mazhab Hanafi, kanak-kanak lelaki dan perempuan tidak mempunyai batasan aurat pada diri mereka. Beliau menetapkan usia kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah empat tahun. Anggota tubuh badan kanak-kanak yang wajib ditutup adalah kemaluan dan dubur. Walau bagaimanapun, Imam Hanafi berpendapat sekiranya mengundang syahwat, maka aurat kanak-kanak tersebut adalah sama dengan

¹⁰³ „Abd al-Rahman al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh „Ala al-Mazāhib al-Arba‘ah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, 2003), 176.

¹⁰⁴ *Ibid.*

aurat perempuan dewasa meskipun usia kanak-kanak tersebut di bawah usia sepuluh tahun.¹⁰⁵

Bagi mazhab Imam Ahmad pula, usia baligh bagi kanak-kanak adalah 10 tahun dan tidak ada hukum aurat pada mereka. Beliau menyatakan bahawa batasan aurat bagi kanak-kanak lelaki yang berumur sembilan tahun adalah kemaluan dan dubur sahaja sama ada ketika solat dan di luar solat. Batasan aurat bagi kanak-kanak perempuan adalah antara pusat dan lutut ketika solat serta ketika berhadapan dengan mahramnya. Sekiranya kanak-kanak perempuan tersebut bersama lelaki yang bukan mahram, aurat yang wajib ditutup adalah seluruh anggota tubuh badan kecuali wajah, leher, kepala, kedua belah tangan hingga siku dan juga kaki.¹⁰⁶

Pandangan mazhab Syafie mengenai aurat kanak-kanak lelaki dan perempuan agak berbeza dengan mazhab yang lain. Beliau mengatakan bahawa aurat kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah sama dengan batasan aurat seseorang yang mukallaf ketika dalam solat. Begitu juga batasan aurat kanak-kanak tersebut di luar solat adalah sama seperti seseorang yang telah baligh. Seseorang yang bukan mahram haram untuk melihat aurat kanak-kanak tersebut.¹⁰⁷

2.5.2.4 Batasan Aurat Wanita Islam Dengan Perempuan Islam

Jumhur ulama dari mazhab Abu Hanifah, Maliki, Hanbali dan Syafie berpendapat bahawa aurat wanita dengan wanita Islam yang lain adalah sama dengan aurat seorang

¹⁰⁵ *Ibid.*

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ *Ibid.*

lelaki iaitu antara pusat hingga lutut.¹⁰⁸ Menurut Imam Syafie, batasan aurat bagi wanita Islam sesama wanita Islam yang lain adalah seluruh tubuh badan kecuali bahagian-bahagian lain yang terbuka untuk melakukan sesuatu pekerjaan.¹⁰⁹

Walau bagaimanapun, agama Islam sangat menganjurkan setiap wanita Islam untuk menjaga kehormatan, maruah dan memelihara adab sebagai seorang muslimah ketika bersama wanita Islam yang lain meskipun batasan aurat yang disepakati adalah antara pusat dan lutut.

2.5.2.5 Batasan Aurat Wanita Islam Dengan Perempuan Bukan Islam

Menurut pandangan majoriti ulama fiqh, mereka menyatakan bahawa aurat bagi seseorang wanita Islam dengan perempuan yang bukan beragama Islam adalah seperti batasan aurat wanita dengan lelaki *ajnabi* iaitu seluruh anggota tubuh badan kecuali muka dan kedua tapak tangan. Seseorang wanita Islam harus untuk mendedahkan wajah, kepala, leher, tangan hingga siku dan kaki hingga ke lutut ketika melaksanakan sesuatu tugas sama ada bekerja atau menguruskan urusan seharian.

Kesimpulan yang boleh difahami adalah majoriti ulama bersepakat mengenai batasan aurat seorang wanita Islam dengan perempuan kafir adalah seluruh anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Pemeliharaan dan penjagaan aurat ini sangat penting agar tidak menimbulkan fitnah dan boleh menjatuhkan maruah seorang wanita muslimah dalam kalangan perempuan yang bukan Islam.

¹⁰⁸ *Ibid.*, 175.

¹⁰⁹ Abū Bakr bin al-Saiyīd Muhammad Syathā al-Dimyathi, *Hāsiyah I, ānah al-Thālibīn* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1994), j.1, 134.

2.5.2.6 Batasan Aurat Ketika Solat

Majoriti ulama bersepakat mengatakan bahawa aurat bagi wanita yang baligh ketika solat adalah seluruh anggota badan kecuali wajah dan tapak tangan. Menurut mazhab Hanbali dan Syafie, aurat wanita ketika solat adalah keseluruhan tubuh badan kecuali wajah dan tapak tangan bahagian luar dan dalam, sekiranya anggota aurat terbuka dalam keadaan seorang wanita itu mampu untuk menutupnya, maka solat terbatal. Tetapi, jika aurat tersebut terdedah atas sebab bukan kehendaknya seperti ditiup angin, maka dia hendaklah segera untuk menutup dan melindungi aurat tersebut dan solat itu tidak batal.¹¹⁰ Muhammad bin Qāsim al-Ghazi dalam bukunya bertajuk *Fath al-Qārib* turut menjelaskan perkara yang sama iaitu seluruh tubuh badan wanita adalah aurat kecuali wajah dan tapak tangan.¹¹¹

Pendapat yang sama turut diperolehi dari mazhab Imam Abu Hanifah yang menyatakan bahawa aurat bagi wanita ketika solat adalah seluruh bahagian tubuh badan kecuali tapak tangan bahagian dalam dan bahagian luar tapak kaki. Bagi Imam Abu Hanifah, bahagian luar tapak tangan dan bahagian dalam tapak kaki merupakan aurat yang perlu ditutup.¹¹²

Mazhab Maliki membahagikan aurat wanita ketika solat kepada dua bahagian iaitu *mughallazah* dan *mukhaffafah*. Aurat *mughallazah* adalah aurat yang berat meliputi seluruh anggota tubuh badan selain kepala, dada, punggung dan antara pusat hingga lutut. Aurat *mukhaffafah* ialah aurat yang ringan merangkumi seluruh badan kecuali leher, tangan hingga siku dan lutut hingga tapak kaki. Sekiranya terbuka aurat

¹¹⁰ Abu Bakr bin al-Saīyyid Muhammad Syathā al-Dimyāthī, *Hāsyiyah I'ānah al-Thālibīn* (Damaskus: Dār al-Qalam, 1990), Jld.1, 134.

¹¹¹ Abī „Abdillah Syamsu al-Dīn Muhammad bin Qāsim bin Muhammad al-Ghazzi, *Fath al-Qarīb al-Mujīb Fī Syarh al-Fāz al-Taqrīb* (Beirūt: Dār Ibn Hazam, 2005), 84.

¹¹² „Abd al-Rahman al-Jazīrī, *Kitab al-Fiqh „Ala al-Mazāhib al-Arba‘ah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 2003), 172.

mughallazah ketika solat, hukum bagi solat tersebut adalah batal. Namun, jika aurat *mukhaffafah* terdedah ketika solat dilakukan, solat itu tidak terbatal.¹¹³

Oleh itu, dapat difahami bahawa pensyariatian dalam menutup aurat mempunyai hikmah dan objektif khusus dalam memelihara maruah dan kemuliaan peribadi seseorang manusia sebagaimana yang dikehendaki dalam *maqāsid al-Syarī'ah*.

2.6 Memelihara Aurat Dari Sudut Maqāsid al-Syarī'ah

Maqāsid al-Syarī'ah membawa maksud objektif-objektif syariah yang telah digariskan oleh syarak bagi memenuhi kepentingan manusia.¹¹⁴ Konsep Maqāsid al-Syarī'ah yang dijelaskan oleh al-Raysunī ini merupakan hasil gabungan beliau terhadap penelitian kepada konsep maqasid menurut pandangan Ibnu „Asyur¹¹⁵ dan „Alal al-Fasi.¹¹⁶

Kesemua konsep ini merujuk kepada matlamat syarak yang mengambil kira kepentingan sesama manusia sama ada mengenai sesuatu perkara yang mendatangkan *masalahah* atau bagi menolak *mafsadah*. Oleh yang demikian, syariat Islam merupakan satu perlembagaan dan peraturan dalam kehidupan manusia bagi memenuhi keperluan masa dan masyarakat secara menyeluruh. Ia berbeza dengan peraturan dan undang-undang buatan manusia yang tidak bersifat universal serta mempunyai kecacatan dan kelemahannya yang tersendiri. Jesteru itu, setiap pensyariatian hukum dan peraturan ke atas seseorang yang mukallaf dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besar pensyariatian mempunyai matlamat yang ingin dicapai dan mengikut garis panduan Maqāsid al-Syarī'ah iaitu untuk menjaga *masalahah* dan menghilangkan *mafsadah*.

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ Ahmad, *Nazarīyah al-Maqāsid „Inda Syātibi* (Riyadh: Dār al-„Ilmīyyah Kitāb al-Islāmi, 1992), 19.

¹¹⁵ Muhammad al-Tāhir, *Maqāsid al-Syarī'ah al-Islāmīyyah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2012), 51.

¹¹⁶ „Alal, *Maqāsid al-Syarī'ah al-Islāmīyyah Wa Makārimuhā* (Iskandāriah: Dār al-Salām, 2011), 42.

Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW menyuruh setiap wanita Islam secara khususnya supaya berpegang kepada adab Islam, mengikut petunjuk agama serta peraturannya yang mengandungi hikmah agar mendapat kemuliaan diri seterusnya memperolehi kebahagiaan dalam komuniti masyarakat yang lebih luas skopnya. Matlamat atau objektif syariah ini boleh dicapai apabila wanita Islam khususnya memenuhi tuntutan pemakaian menurut garis panduan yang telah ditetapkan syarak.

Ini kerana perintah menutup aurat mempunyai objektif yang sangat luas konteksnya bukan sahaja kepada individu bahkan kepada masyarakat secara tidak langsung. Kedudukan menutup aurat adalah berbeza mengikut situasi. Secara umumnya, ia merupakan suatu perkara *tahsīnīyyat* bagi menggambarkan kecantikan akhlak dan ketinggian adab.

Sebagai contoh, apabila berlakunya situasi pertembungan antara wajib untuk menunaikan solat sedangkan pada ketika itu tidak mempunyai pakaian yang boleh menutup aurat, maka boleh untuk menunaikan solat walaupun tanpa menutup aurat. Ini kerana perbuatan mengerjakan solat adalah bertujuan untuk mendirikan agama yang merupakan suatu perkara *darūrīyyat*. Namun begitu, perbuatan menutup aurat di luar solat merupakan perkara *darūrīyyat* kerana ia adalah suatu kaedah untuk memelihara maruah dan keturunan. Ia dianggap sebagai *wasīlah* kerana dengan menutup aurat merupakan perbuatan yang boleh sampai kepada merealisasikan Maqāsid al-Syarī'ah iaitu memelihara maruah tersebut.¹¹⁷

Oleh itu, Maqāsid al-Syarī'ah disebalik pensyariatian menutup aurat ini menjadi keutamaan dalam pelbagai situasi termasuk dalam isu pemahaman dan pengamalan remaja yang masih menuntut ilmu di sekolah.

¹¹⁷ Mustafa Karāmah, *Qawā'id al-Wasā'il Fī al-Syarī'ah al-Islāmīyyah: Dirāsah Usūlīyyah Fī Daw' al-Maqāsid al-Syarī'ah* (Riyādh: Dār Asybilā, 1999), 47.

2.7 Hikmah Pensyariatan Menutup Aurat

Setiap peraturan dan hukum yang ditetapkan di dalam agama Islam mempunyai hikmah dan kesan yang tersendiri. Seseorang muslim yang menunaikan tanggungjawab dalam beribadah dengan penuh keikhlasan dan rasa tunduk patuh kepada Allah SWT, maka kesan baik dari ibadah tersebut dapat dilihat dan dirasakan dengan nyata.¹¹⁸ Demikian juga sebaliknya sesiapa yang mengabaikan ibadah tanpa rasa malu dan bersalah, maka kesan buruknya akan didatangkan oleh Allah SWT kepada pelakunya sejak di dunia lagi.

Begitu juga dengan pensyariatan untuk menutup aurat, sudah pasti ianya mempunyai berbagai-bagai hikmah dan kesan yang baik kepada setiap orang Islam yang mengamalkannya. Ini kerana setiap perintah dan peraturan yang Allah SWT tetapkan bertujuan untuk menjaga kemaslahatan hidup manusia dan bukannya untuk menyusahakan kehidupan manusia.

2.7.1 Supaya Mudah Dikenali

Tuntutan menutup aurat merupakan keistimewaan yang menjadi ciri penting bagi umat Islam. Ini kerana apabila seseorang yang beragama Islam menutup aurat terutamanya wanita Islam, maka ia akan mudah dikenali sebagai seorang muslim.¹¹⁹ Ini memberikan suatu identiti yang berbeza antara seorang yang muslim dengan kafir yang tidak menutup aurat. Perbezaan identiti ini sangat dituntut dalam Islam sama ada antara wanita Islam dengan wanita kafir mahupun antara lelaki dengan wanita yang merangkumi perkara-perkara seperti pakaian, perhiasan, percakapan dan suara, gaya

¹¹⁸ Uдах Mohsin, *Kesan Ibadah Dalam Pembangunan Akhlak Seorang Muslim* (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1986), 2.

¹¹⁹ Muhammad Athiyah Khumais, *Fiqih Wanita* (Selangor: Masterpiece Publication, 2006), 207.

berjalan dan gerak badan serta bentuk fizikal badan.¹²⁰ Ia juga akan menonjolkan keperibadian yang istimewa dari seorang muslim dan muslimah yang teguh dengan akidah dan beramal dengan akhlak Islam.¹²¹

2.7.2 Supaya Tidak Diganggu

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzāb ayat 59:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ
عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبَابِهِنَّ^ج ذَلِكَ آدَبٌ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ^ط وَكَانَ اللَّهُ
غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥٩﴾

Terjemahan: “Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan perempuan-perempuan yang beriman supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar), dengan demikian lebih sesuai untuk mereka dikenali (sebagai perempuan yang baik-baik), maka dengan itu mereka tidak akan diganggu. Dan (ingatlah) bahawa Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”.

Al-Ahzāb 33: 59

¹²⁰ Zulkifli al-Bakri, *Hukum Penyerupaan Menurut Islam*, (Selangor: Darul Fuqaha, 2005), 1.

¹²¹ Abu Syuqqah, *Busana dan Perhiasan Wanita Menurut al-Quran dan Hadis*, (Bandung: Penerbit al-Bayan, 1990), 249.

Hikmah ini merujuk kepada perkataan “*fala yukzaina*” dari surah al-Ahzāb ayat 59 yang memberi maksud “*maka mereka tidak akan diganggu*”. Apabila seseorang menutup aurat dengan sempurna, maksiat dapat dielakkan. Pakaian yang menutup aurat berperanan sebagai pendering, kalis dan benteng dari segala maksiat dan pencerobohan.¹²²

Perbuatan mendedahkan aurat akan menyebabkan berlakunya gejala keruntuhan moral dan jenayah seperti pencabulan. Perbuatan mendedahkan aurat akan menarik minat perhatian lelaki untuk melakukan perkara-perkara yang tidak baik terhadap wanita. Oleh itu, dapat difahami bahawa pensyariatian menutup aurat bertujuan untuk menjaga kemuliaan seseorang muslim khususnya terhadap wanita supaya tidak diganggu oleh lelaki yang berniat jahat serta dapat menundukkan pandangan lelaki terhadap wanita.

2.7.3 Sebagai Lambang Ketinggian Dan Kemuliaan Maruah Wanita

Maruah adalah suatu nilai yang sangat tinggi bagi seseorang. Sekiranya maruah seseorang individu itu tercemar, maka seluruh ahli keluarga dan orang yang bertanggungjawab terhadapnya turut terasa.¹²³

Seseorang muslim bebas untuk berada di luar rumah selaras dengan taraf kesolehan, kesopanan dan maruah seperti yang dikehendaki oleh Islam. Ini tidak sama dengan kebebasan yang tidak terkawal. Wanita Islam mengikut satu ketertiban sama ada dalam berpakaian mahupun kelakuan. Pakaian yang dipakai mestilah menutup aurat dan

¹²² Shofian Ahmad, Lutfiah Zainol Abidin, *Aurat Kod Pakaian Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2004), 23.

¹²³ Rokiah Ahmad, *Mengapa Aurat Haram Didedah? Satu Realiti Masa Kini*, (Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 2004), 22.

perbuatan bercampur gaul dengan lelaki yang bukan mahram adalah dilarang sama sekali dalam Islam. Ini membuktikan bahawa kemuliaan peribadi dan ketinggian maruah seseorang yang bergama Islam sangat dititikberatkan.¹²⁴ Pensyariatan menutup aurat ini dapat menjamin ketinggian dan kemuliaan maruah seseorang yang beragama Islam terutamanya golongan wanita serta mengelakkan dari sebarang tanggapan buruk dan menunjukkan kemuliaan akhlak seseorang wanita yang mengagungkan serta melaksanakan tuntutan syariat Allah SWT.

2.7.4 Mengelakkan Seseorang Wanita Daripada Fitnah

Pensyariatan dalam menutup aurat juga dapat mengelakkan seseorang individu khususnya wanita daripada difitnah oleh golongan yang mempunyai niat yang tidak baik. Fitnah yang dimaksudkan adalah sama ada tuduhan sebagai wanita Islam yang tidak sopan, tidak berakhlak, pelacur dan lain-lain fitnah. Apabila mengambil tindakan menutup aurat serta tidak mempamerkan perhiasan secara keterlaluan serta meninggalkan segala perkara yang membawa kepada fitnah seperti gerak geri yang memikat, kata-kata yang memberangsangkan melalui suara yang lembut, merdu, bererti pintu ke arah kejahatan telah ditutup. Dengan demikian, tidak ada lagi peluang atau jalan syaitan menghasut dan menggoda seterusnya menjadikan jiwa tenang dan bebas dari sebarang gejala maksiat yang boleh merosakkan anak Adam.¹²⁵

¹²⁴ Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah*, Jld. V (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 332.

¹²⁵ Rokiah Ahmad, *Ibid.*, 33.

2.7.5 Mengelakkan Seksaan Dan Azab Di Akhirat

Rasulullah SAW telah diperlihatkan tentang kaum perempuan yang diazab dalam neraka dengan pelbagai rupa azab ketika peristiwa Israk dan Mi'raj. Sebagai contoh, Rasulullah SAW melihat perempuan yang digantung dengan rambutnya, menggelegak otaknya disebabkan keengganannya untuk menutup aurat ketika di dunia.¹²⁶

Sebagai kesimpulan, tuntutan menutup aurat ini bukan suatu perkara yang boleh dipandang ringan tetapi ia wajib untuk dilaksanakan sebaik mungkin. Allah SWT telah menjelaskan ancaman dan azab kepada mereka yang enggan untuk melaksanakan perintah menutup aurat ini. Oleh yang demikian, sebagai seorang hamba Allah SWT, kita hendaklah melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangannya sebagai tanda kepatuhan, ketaatan dan kesyukuran kepadaNya.

2.8 Kesimpulan

Berdasarkan keterangan yang telah dijelaskan di dalam bab ini, memelihara dan menutup aurat itu merupakan suatu kewajipan kepada seluruh umat Islam sama ada lelaki mahupun wanita yang mukallaf. Ini berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang sangat jelas.

Dari segi batasan aurat, fuqaha mempunyai pandangan yang agak berbeza-beza. Pendapat yang paling ketat adalah mengatakan bahawa semua anggota tubuh badan wanita itu merupakan aurat. Walau bagaimanapun, pandangan yang paling ramai adalah dengan mengecualikan muka dan tapak tangan. Perbezaan ini berlaku kerana para fuqaha mempunyai pandangan yang berbeza dalam memahami sesuatu dalil sama ada

¹²⁶ Abu Urwah, *Risalah Usrah*, Jld. 2, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1992), 39.

dari al-Quran atau al-Hadis. Selain itu, perintah untuk menutup aurat juga mempunyai banyak kelebihan dan hikmah kepada orang Islam terutama kepada golongan wanita. Seseorang yang menutup aurat sudah pasti mempunyai nilai adab dan akhlak yang tinggi sebagai seorang muslim yang mempunyai identiti yang berbeza berbanding penganut agama lain.

Universiti Malaya

BAB TIGA: LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN: SEKOLAH SENI MALAYSIA JOHOR, PASIR GUDANG

3.1 Pengenalan

Sekolah Seni Malaysia Johor, Pasir Gudang merupakan antara lima sekolah seni yang ditubuhkan di Malaysia. Sekolah ini merupakan antara sekolah yang terbaik dalam Daerah Pasir Gudang. Pencapaian ini meliputi kecemerlangan di bidang akademik, sahsiah dan juga kesenian. Sekolah yang pada asalnya merupakan sebuah pusat pengajian berkonsepkan menumpang di sekolah lain, kini telah melalui pelbagai bentuk perubahan sehinggalah sampai ke tahap sepertimana hari ini.

3.2 Sejarah Penubuhan Sekolah Seni Malaysia Johor¹²⁷

Sekolah Seni Malaysia merupakan sekolah projek khas Kementerian Pendidikan Malaysia yang menawarkan 4 bidang seni kepada pelajar-pelajar bermula dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Empat bidang seni yang ditawarkan di Sekolah Seni Malaysia adalah Seni Tari, Seni Teater, Seni Muzik dan Seni Visual.

Cadangan penubuhan Sekolah Seni Malaysia telah diputuskan dalam Persidangan Perancangan Strategik Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2004. Sehubungan dengan itu, Y.B Menteri Pendidikan Malaysia pada ketika itu, Dato^o Hishamuddin bin Tun Hussein mengumumkan penubuhan dua buah sekolah seni di

¹²⁷ Majalah Citra Sari (2009), Sekolah Seni Malaysia Johor, Pasir Gudang, 15.

bawah Rancangan Malaysia ke 9, iaitu Sekolah Seni Malaysia Johor dan Sekolah Seni Malaysia Kuching di Sarawak.

Sekolah Seni Malaysia Johor mula beroperasi pada Januari 2007 dengan berkonsepkan sekolah menumpang di Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd Khalid, Johor Bahru kerana bangunan Sekolah Seni Malaysia Johor belum siap dibina. Pengambilan kumpulan pertama adalah dari lepasan UPSR tahun 2006 untuk ke Tingkatan Satu. Pada awal penubuhannya, Sekolah Seni Malaysia Johor hanya mempunyai 4 orang guru sahaja, iaitu seorang guru bagi setiap bidang seni. Guru-guru akademik pula adalah terdiri daripada guru-guru yang sedia ada di SMK Mohd Khalid. Begitu juga dengan pentadbiran sekolah seni yang juga terletak dibawah pentadbiran SMK Mohd Khalid.

Mulai Januari 2008, Sekolah Seni Malaysia Johor tidak lagi berkongsi pentadbiran dan guru-guru akademik dengan SMK Mohd Khalid. Pada tahun tersebut, Sekolah Seni Malaysia Johor mempunyai seorang Pengetua, empat orang Guru Penolong Kanan, 11 orang guru akademik, 7 orang Jurulatih Kesenian dan 132 orang pelajar. Kini, Sekolah Seni Malaysia Johor ditadbir dan diuruskan oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekolah Seni Malaysia Johor juga diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan dan merupakan salah sebuah sekolah berasrama penuh.

3.3 Visi, Misi, Matlamat, Falsafah Dan Piagam Pelanggan SSeMJ¹²⁸

Sebagai sebuah institusi pendidikan yang unik dan menawarkan bidang kesenian, sekolah ini telah berpegang kepada beberapa prinsip kecemerlangan yang menjadi asas setiap sekolah seni di Malaysia dan digabungkan dengan beberapa garis panduan yang telah diputuskan oleh pihak Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak sekolah sendiri sepertimana berikut:

3.3.1 Visi SSeMJ

Sekolah Seni Malaysia Johor Penjana Pewaris Budaya Bangsa.

3.3.2 Misi SSeMJ

Membangun dan menggilap potensi dan bakat murid dalam bidang kesenian ke tahap optimum melalui pendidikan berkualiti.

3.3.3 Matlamat SSeMJ

1. Memberi peluang kepada pelajar berkongsi khazanah seni global melalui sistem pendidikan berasaskan ICT.
2. Membina generasi pelapis penggiat seni masa kini.
3. Merealisasikan seni sebagai satu profesion.

¹²⁸ Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2015), Sekolah Seni Malaysia Johor. 35.

4. Memberi peluang pendidikan kepada individu pelajar yang kecenderungannya adalah lebih kepada aspek seni.
5. Membuka peluang pendidikan pilihan kepada individu pelajar yang kecenderungan dan minatnya juga mencakupi aspek kesenian selain bidang akademik biasa.
6. Memangkin perkembangan kesenian dalam tamadun bangsa.
7. Memperluas dimensi penerokaan ilmu dalam bidang kesenian khususnya budaya dan sastera.
8. Mengangkat martabat seni budaya dan sastera dan memupuk serta membina seni, budaya dan sastera kebangsaan.
9. Mengekalkan warisan seni budaya tanah air agar dapat dimapankan untuk generasi yang akan datang.

3.3.4 Falsafah SSeMJ

Sebuah institusi yang memberi peluang pendidikan untuk memperkembang potensi individu secara seimbang dan bersepadu melalui penggiatan secara jelas aspek peradaban sosial dan kemantapan akhlak melalui program pendidikan bersepadu yang merangkumi aspek intelek, emosi, jasmani dan rohani. Pembangunan seimbang individu berasaskan kesepaduan tersebut dihasratkan dapat mewujudkan warga Malaysia yang lebih bertanggungjawab dan keperibadian kental dengan ketahanan nasional yang mantap.

3.3.5 Piagam Pelanggan SSeMJ¹²⁹

Kami warga Sekolah Seni Malaysia Johor dengan penuh tekad dan iltizam berikrar dan berjanji akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk:

1. Memastikan sistem pendidikan berjalan dengan baik bagi memenuhi kehendak individu, masyarakat dan negara serta memenuhi matlamat perpaduan.
2. Memastikan staf yang mencukupi serta berdedikasi, komited, berdisiplin, bertanggungjawab dan produktif.
3. Memastikan pengajaran dan pembelajaran dimulakan pada hari pertama persekolahan.
4. Menentukan setiap guru dan kakitangan sokongan sekolah dapat berkhidmat dengan cekap dan berkesan sepanjang masa.
5. Memastikan sentiasa peka dan responsif kepada kehendak dan keperluan pelanggan yang terdiri daripada pelajar, ibu bapa, masyarakat dan kerajaan.
6. Memberi layanan mesra, perkhidmatan yang cekap dan jawapan segera kepada setiap pelanggan yang berurusan dengan kami.
7. Menentukan segala urusan surat menyurat, laporan dan maklumat diberi perhatian dan tindakan segera dengan tepat kepada yang berkenaan.
8. Mewujudkan persekitaran dan budaya sekolah yang kondusif ke arah melahirkan pelajar yang seimbang dan harmonis selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.
9. Sentiasa bersedia dan sanggup menerima pendapat, cadangan, syor dan teguran yang membina daripada semua pihak demi meningkatkan prestasi perkhidmatan dan kecemerlangan akademik.

¹²⁹ Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2016), Sekolah Seni Malaysia Johor. 21.





3.4 Logo Sekolah Seni Malaysia Johor¹³⁰



Penerangan Logo:

<p>PERKATAAN „SENI“DALAM TULISAN JAWI <i>Menjadi tunjang kepada pembentukan jati diri pelajar: warisan bangsa yang hakiki.</i></p>	<p>BENTUK GEOMETRI (BULATAN) <i>Diumpamakan sebagai „Dunia“ yang membawa maksud falsafah Pendidikan Kesenian bukan sahaja menitikberatkan warisan bangsa bahkan menjadikan murid di sekolah ini menyahut cabaran global.</i></p>
<p>PERKATAAN MELENGKUNG MOTTO SEKOLAH <i>Satu kata-kata keramat yang sentiasa tersemat di sanubari warga Sekolah Seni Malaysia Johor: “Pewaris Budaya Bangsa”</i></p>	<p>PERKATAAN MELENGKUNG SEKOLAH SENI MALAYSIA JOHOR <i>Penegasan tentang nama sekolah yang diidentitikan.</i></p>
<p>“EXCELLENT SPEED” <i>Kelajuan Kecemerlangan atau “Excellent Speed” melambangkan sikap murid yang sentiasa bersatu mengejar kecemerlangan.</i></p>	

Pengertian Warna:

-  Kuning membawa maksud kegemilangan dan kedaulatan budaya bangsa yang diwarisi.
-  Merah membawa maksud keyakinan dan daya juang yang tinggi.
-  Putih membawa maksud kesucian budaya, kesenian dan adat resam bangsa.
-  Hitam membawa maksud warna seni: keunggulan dan menawan.

¹³⁰ Majalah Citra Sari (2009), Sekolah Seni Malaysia Johor, Pasir Gudang, 18.

3.5 Lagu Sekolah¹³¹

Keringat ini sentiasa membasahi bumi
Demi negara, agama, jati dan nurani
Kami berjanji mewarisi budaya murni
Memperjuangkan nadi budaya ibu pertiwi

Gerak akar tariku, gemalai iramaku
Setajam ekspersiku, seindah lukisanku
Teater pentasku, lakon layar perakku
Merdu muzikku, semerdu buluh perindu

Kami tak akan hanyut, akan kami menyahut
Berganding bahu, bersatu padu, menuntut ilmu
Demi mewarisi budaya bangsa
Di persada Sekolah Seni Malaysia Johor
Di persada Sekolah Seni Malaysia Johor

Lirik: Encik Mohd Zain bin Ahmad

Lagu: Encik Ahmad Nazri bin Nordin

3.6 Latar belakang Tenaga Pengajar, Kakitangan Dan Pelajar SSeMJ¹³²

Sekolah Seni Malaysia Johor menjalankan dua sesi pengajian iaitu kelas akademik pada waktu pagi dan kelas kesenian disebelah petang. Sekolah ini memiliki tenaga pengajar akademik, jurulatih kesenian, kakitangan dan pelajar yang terpilih demi memastikan kecemerlangannya terus berkekalan.

¹³¹ *Ibid.*, 21.

¹³² Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2017), Sekolah Seni Malaysia Johor. 28-30.

3.6.1 Tenaga Pengajar Akademik

Bagi sesi pengajian 2017, sekolah ini mempunyai tenaga pengajar akademik seramai 34 orang tidak termasuk pengetua dan 4 orang Guru Penolong Kanan. Kesemua guru akademik ini mempunyai Ijazah Sarjana Pendidikan pengkhususan dalam pelbagai bidang. Setiap tenaga pengajar akademik sekolah ini mempunyai kelayakan akademik dalam bidang masing-masing. Bidang tugas guru akademik ini tidak terhad kepada pencapaian akademik pelajar sahaja, bahkan mereka turut bertanggungjawab memastikan tahap sahsiah dan akhlak pelajar sentiasa pada aras yang memuaskan. Ada dalam kalangan guru-guru ini yang telah berkhidmat di sekolah ini semenjak penubuhannya pada tahun 2007 yang lalu. Manakala tenaga pengajar yang baru memulakan tugas di sekolah ini ialah pada awal tahun 2017. Bagi memastikan prestasi setiap tenaga pengajar akademik semakin meningkat dari semasa ke semasa, pelbagai kursus dan program peningkatan profesionalisma keguruan sering diadakan oleh pihak pentadbiran sekolah.

Bil.	Jawatan	Jumlah Guru
1	Guru Sains	6
2	Guru Bahasa Melayu	5
3	Guru Bahasa Inggeris	5
4	Guru Matematik	5
5	Guru Pendidikan Islam	4
6	Guru Sejarah	4
7	Guru Bimbingan dan Kaunseling	1
8	Guru Prinsip Perakaunan	1
9	Guru Teknik dan Vokasional	1
10	Guru Data	1
11	Guru Perpustakaan dan Media	1
Jumlah		34

Jadual 3.6.1 di atas menunjukkan Bilangan Guru Berjawatan Tetap, Sekolah Seni Malaysia Johor bagi tahun 2017¹³³

¹³³ Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2017), Sekolah Seni Malaysia Johor. 28-30.

3.6.2 Jurulatih Kesenian

Fungsi penubuhan Sekolah Seni Malaysia adalah untuk memastikan potensi serta bakat pelajar dalam bidang kesenian dapat dibangun dan digilap ketahap yang optimum melalui pendidikan formal di sekolah. Oleh kerana itu, kepakaran tenaga pengajar dalam bidang kesenian merupakan salah satu perkara yang sangat penting diberi perhatian. Sepertimana sekolah sukan yang ditubuhkan mempunyai jurulatih sukan dalam pelbagai pengkhususan sukan, begitu juga dengan sekolah seni. Sekolah ini mempunyai jurulatih kesenian berjawatan tetap seramai 16 orang pengkhususan dalam bidang seni tari, seni teater, seni muzik dan seni visual. Selain itu, keistimewaan yang ada pada sekolah ini adalah dengan wujudnya jawatan khas sebagai Guru Penolong Kanan Kesenian berbanding sekolah aliran perdana. Tugas utama jurulatih kesenian ini adalah memastikan setiap pelajar di sekolah ini mendapat pendidikan dan latihan dalam bidang kesenian secara khusus melalui sistem pembelajaran yang sesuai mengikut sukatan pelajaran yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain memastikan tenaga pengajar kesenian ini bertanggungjawab dalam mendidik pelajar, jurulatih kesenian ini juga mempunyai tugas lain seperti menjadi panel pemilihan pelajar dalam temuduga kemasukan ke sekolah ini yang dibuat pada setiap tahun.

Bil.	Jawatan	Jumlah JU
1	Guru Penolong Kanan Kesenian	1
2	Jurulatih Seni Visual	6
3	Jurulatih Seni Tari	4
4	Jurulatih Seni Muzik	5
5	Jurulatih Seni Teater	1
Jumlah		17

Jadual 3.6.2 di atas menunjukkan Jurulatih Kesenian Berjawatan Tetap, Sekolah Seni Malaysia Johor bagi tahun 2017¹³⁴

¹³⁴ Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2017), Sekolah Seni Malaysia Johor. 30.

3.6.3 Kakitangan Sekolah

Sepertimana sekolah yang lain, Sekolah Seni Malaysia Johor mempunyai kakitangan sokongan sendiri dalam memastikan sistem persekolahan berjalan dengan lancar. Daripada 19 orang kakitangan, seorang merupakan ketua pembantu tadbir, dua orang pembantu tadbir, dua orang pembantu makmal, dua orang penyelia asrama, dua orang juruteknik audiovisual, seorang juruteknik komputer, seorang ahli fotografi, seorang juruteknik elektrik, lima orang pembantu am pejabat dan dua orang pemandu. Ada dalam kalangan kakitangan telah berkhidmat di sekolah ini selama 10 tahun yang lalu dan kakitangan terakhir memulakan perkhidmatannya di sini ialah kira-kira dua tahun yang lepas.

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah Kakitangan
1	Ketua Pembantu Tadbir	W17	1
2	Pembantu Tadbir	N17	2
3	Penyelia Asrama	N22/N17	2
4	Pembantu Makmal	C17	2
5	Juruteknik Komputer	FT17	1
6	Juruteknik Audiovisual	J17	2
7	Juruteknik Elektrik	N17	1
8	Ahli Fotografi	B17	1
9	Pembantu Am Pejabat	N1	5
10	Pemandu	R3	2
Jumlah			19

Jadual 3.6.3 di atas menunjukkan Jumlah kakitangan sokongan Sekolah Seni Malaysia Johor bagi tahun 2017¹³⁵

¹³⁵ Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2017), Sekolah Seni Malaysia Johor. 32.

3.6.4 Pelajar

Bagi sesi pengajian tahun 2017, jumlah pelajar yang berdaftar ialah seramai 329. Kesemua pelajar ini menetap di asrama yang disediakan oleh pihak sekolah. Pemilihan para pelajar untuk mendapat tempat untuk bersekolah disini adalah keputusan akhir ketika mereka berada di sekolah rendah iaitu dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Selain itu, calon pelajar di sekolah ini juga wajib menghadiri temuduga mengikut kemahiran yang mereka miliki dalam bidang kesenian. Keutamaan diberikan kepada pelajar yang mempunyai kelebihan dalam bidang kesenian seperti boleh bermain sebarang alat muzik, kemahiran berlakon, menari dan mempunyai kemahiran melukis dengan baik ketika ujian bakat dijalankan. Kebanyakan pelajar berasal dari negeri Johor namun, terdapat juga pelajar yang berasal dari luar negeri johor.

Tingkatan	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah Besar
	L	P	L	P	L	P	L	P	
1 Balada	11	12	1	1	-	-	-	-	25
1 Jazz	14	13	-	-	-	1	-	1	29
1 Tango	7	17	-	-	-	-	-	-	24
Jumlah	32	42	1	1	-	1	-	1	78
2 Inang	6	19	1	-	-	-	-	-	26
2 Masri	10	14	-	-	1	-	-	-	25
2 Zapin	14	10	-	-	1	-	-	-	25
Jumlah	30	43	1	-	2	-	-	-	76
3 Bangsawan	6	16	-	-	-	-	-	1	23
3 Boneka	9	12	-	-	-	-	-	-	21
3 Muzikal	13	5	-	-	-	1	-	1	20
Jumlah	28	33	-	-	-	1	-	2	64
4 Cindai	8	12	-	2	-	-	-	-	22
4 Songket	14	9	-	-	1	-	-	-	24
4 Sutera	5	6	-	-	-	1	-	-	12
Jumlah	27	27	-	2	1	1	-	-	58
5 Budayawan	7	13	-	-	-	1	-	-	21

5 Karyawan	9	6	-	-	-	1	-	-	16
5 Seniman	9	7	-	-	-	-	-	-	16
Jumlah	25	26	-	-	-	2	-	-	53
Jumlah keseluruhan Pelajar	142	171	2	3	3	5	-	3	329

Jadual 3.6.4 di atas menunjukkan Jumlah Taburan Pelajar mengikut Tingkatan, Bangsa dan Jantina bagi tahun 2017¹³⁶

3.7 Kemudahan Asas Sekolah Seni Malaysia Johor¹³⁷

Sebagai sebuah Sekolah Kluster Kecemerlangan, Sekolah Seni Malaysia Johor memiliki kemudahan dan prasarana lengkap serta mampu memenuhi keperluan pelajarannya dalam pelbagai aspek. Sekolah ini mempunyai 10 blok merangkumi:

1. Pejabat Sekolah
2. Bilik Pengetua
3. Bilik Guru
4. Bilik Mesyuarat
5. Kelas Pelajar
6. Studio Seni Tari
7. Studio Seni Muzik
8. Studio Seni Teater
9. Studio Seni Visual
10. Bengkel Kraftangan
11. Auditorium
12. Dewan Terbuka
13. Perpustakaan

¹³⁶ Maklumat diperolehi hasil lawatan penyelidikan ke Sekolah Seni Malaysia Johor dan sumber dari pihak sekolah pada 3 Oktober 2017.

¹³⁷ *Ibid.*

14. Surau
15. Bilik Unit Bimbingan dan Kaunseling
16. Bilik Unit Sukan Sekolah
17. Bilik Rawatan Pelajar
18. Bilik Pendidikan Pencegahan Dadah
19. Bilik Unit Peperiksaan
20. Bilik Buku Teks
21. Makmal Sains
22. Asrama
23. Dewan Makan

Bagi kemudahan penginapan pelajar sekolah ini, pihak sekolah telah menyediakan 2 blok asrama bagi pelajar lelaki dan perempuan, dewan makan, bilik pentadbiran dan pengurusan asrama serta beberapa lagi kemudahan lain demi memastikan keselesaan dan keperluan penghuni.

Penempatan pelajar diasingkan antara lelaki dan perempuan termasuk bilik mengulangkaji dan padang untuk beriadah. Pihak penyelia asrama dan warden asrama telah dilantik oleh pihak pentadbiran sekolah berfungsi untuk menjaga dan menyelia semua aktiviti penghuni agar sentiasa berada pada tahap yang memuaskan dan memenuhi matlamat yang ingin dicapai.

3.8 Jawatankuasa Kecemerlangan Sekolah Seni Malaysia Johor

Pihak Sekolah Seni Malaysia Johor telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kecemerlangan Sekolah yang berfungsi untuk memastikan sistem pengurusan dan kualiti pelajar sentiasa berada ditahap yang memuaskan. Jawatankuasa ini berada dibawah naungan pihak pentadbiran sekolah ini yang bertindak secara langsung dalam menguruskan pencapaian akademik, kokurikulum, kesenian dan sahsiah pelajar.

3.8.1 Jawatankuasa Pentadbiran dan Pengurusan¹³⁸

Jawatankuasa ini bertindak sebagai badan induk dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua urusan merangkumi urusan pentadbiran sekolah, kewangan, verifikasi stok, tata tertib sekolah, jadual waktu serta pengurusan alatan dan buku sekolah. Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli pentadbiran tertinggi sekolah yang terdiri daripada Pengetua, Guru Penolong Kanan Pentadbiran dan Akademik, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Guru Penolong Kanan Kokurikulum dan Guru Penolong Kanan Kesenian.

3.8.2 Jawatankuasa Akademik dan Kecemerlangan Murid¹³⁹

Jawatankuasa ini bertanggungjawab secara menyeluruh dalam memastikan matlamat kurikulum sekolah tercapai. Ia berperanan merancang dan melaksanakan pelbagai program dan kursus sebagai usaha meningkatkan kualiti dan intelek para guru. Selain itu, jawatankuasa ini juga dalam merancang dan merangka program peningkatan

¹³⁸ Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2017), Sekolah Seni Malaysia Johor, 36.

¹³⁹ *Ibid.*, 60.

akademik dan kesenian pelajar seterusnya merancang audit akademik bagi setiap peperiksaan yang dilaksanakan.

3.8.3 Jawatankuasa Kurikulum Sekolah¹⁴⁰

Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi menyediakan program pendidikan termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan menyampaikan pengetahuan secara menyeluruh kepada semua murid.

Pada setiap masa, program akademik mestilah diletakkan pada tempat yang pertama. Ini bermakna sekiranya program akademik bertembung dengan program lain, maka program akademik akan lebih diutamakan. Disamping melaksanakan kurikulum mengikut kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, jawatankuasa ini berperanan untuk menyebarkan maklumat terkini mengenai pendidikan dan kurikulum semasa kepada semua guru dan pelajar.

3.8.4 Jawatankuasa Majlis Kokurikulum¹⁴¹

Jawatankuasa ini secara umumnya berfungsi untuk merancang dan memutuskan dasar-dasar sekolah yang berkaitan dengan pelaksanaan kokurikulum. Ia meliputi aktiviti persatuan, kelas, badan beruniform dan sukan. Terdapat beberapa aktiviti yang

¹⁴⁰ *Ibid.*, 57.

¹⁴¹ *Ibid.*, 123.

menjurus secara langsung kepada akhlak dan sahsiah pelajar iaitu Pergerakan Puteri Islam, Kelab Rukun Negara, Kelab Pencegahan Jenayah dan Bimbingan Kaunseling. Jawatankuasa ini juga berperanan dalam memastikan pihak sekolah memiliki tenaga pengajar yang cekap dan berkebolehan dalam semua bidang agar bertepatan dengan keperluan sistem pendidikan di Malaysia.

3.8.5 Jawatankuasa Profesionalisme Staf¹⁴²

Jawatankuasa ini berfungsi untuk memajukan dan mempertingkatkan profesionalisme dalam kalangan guru dan staf sokongan melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Skop pengisian perkembangan guru dan staf ini berdasarkan kepada keperluan-keperluan profesional guru dan juga keperluan sebagai penjawat awam. Oleh sebab itu, keutamaan hanya akan diberikan kepada kursus yang berkaitan pedagogi dan ICT sahaja.

Bagi pemantauan keberkesanan program perkembangan dan kursus yang dihadiri oleh guru dan staf, satu pelaporan lengkap perlu dihantar kepada pihak sekolah sebaik sahaja sesi tersebut selesai yang mengandungi matlamat program, objektif, tempat, masa, sasaran, tajuk dan pengisian, profil penceramah dan kajian impak kursus berserta dengan gambar.

¹⁴² *Ibid.*, 61.

3.8.6 Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (JBPS)¹⁴³

Jawatankuasa ini bertindak sebagai perantara dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan program dengan menggembelngkan tenaga golongan guru, pelajar, ibu bapa dan masyarakat. Disamping meningkatkan penglibatan pelajar dengan masyarakat setempat, ia turut bertanggungjawab menerapkan nilai-nilai sosial yang positif, membina sikap, tabiat dan budi pekerti yang baik dalam kalangan pelajar.

3.8.7 Jawatankuasa Pembangunan Sahsiah dan Kemenjadian Murid¹⁴⁴

Jawatankuasa ini untuk mengurus dan mentadbir mengikut garis panduan atau polisi sekolah bagi menjana keberhasilan murid yang tinggi dan berkualiti. Ia bertindak untuk memberi perkhidmatan, bimbingan dan kebajikan sama rata serta mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua permasalahan murid tanpa membezakan jantina, bangsa dan agama.

Lembaga Disiplin Sekolah bertanggungjawab memastikan mutu disiplin pelajar sentiasa berada pada paras yang memuaskan. Tanggungjawab guru dalam pengurusan disiplin pelajar adalah sentiasa meletakkan kepentingan dan kebajikan pelajar paling utama dalam semua bentuk tindakan dan keputusan yang dibuat.

¹⁴³ *Ibid.*, 123.

¹⁴⁴ *Ibid.*, 99.

3.8.8 Jawatankuasa Kebajikan¹⁴⁵

Jawatankuasa ini bertindak dalam menguruskan hal ehwal kebajikan pelajar melalui mentor serta biro yang dibentuk diperingkat asrama. Disamping menguruskan bantuan biasiswa, e-kasih, KWAPM, eDamak, bantuan-bantuan KPM dan NGO kepada semua pelajar, ia turut bertanggungjawab memberi bantuan kepada pelajar yang mempunyai masalah kewangan yang kritikal dalam waktu persekolahan mereka melalui saluran PIBG dan Tabung Kebajikan Murid.

3.8.9 Jawatankuasa Pengurusan Asrama¹⁴⁶

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memastikan objektif dan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan kemudahan asrama kepada pihak sekolah dapat dicapai. Setiap aktiviti dan program yang dijalankan kepada penghuni asrama dirancang dan dikawal selia dengan baik oleh pihak sekolah. Guru bertugas harian dan warden asrama sentiasa berusaha menjalankan tugas dengan sempurna ibarat ibu dan bapa kepada semua pelajar yang tinggal di asrama.

3.8.10 Jawatankuasa 3K (Keselamatan/ Kebersihan/ Kesihatan)¹⁴⁷

Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan murid akan sentiasa dilindungi dan dijaga sepenuhnya sepanjang mereka berada di sekolah serta asrama kecuali waktu murid balik kampung. Guru yang bertanggungjawab berkaitan

¹⁴⁵ *Ibid.*, 102.

¹⁴⁶ *Ibid.*, 104.

¹⁴⁷ *Ibid.*, 101.

dengan soal keselamatan juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada murid agar sentiasa menjaga harta benda sekolah dan asrama dengan baik. Sekiranya berlaku kerosakan pada peralatan dan kelengkapan sekolah, murid yang melakukan kerosakan tersebut perlu menggantikannya mengikut harga pasaran. Murid juga perlu didedahkan dengan kawad kebakaran sekiranya berlaku insiden kebakaran di sekolah dan asrama.

Bagi memastikan tahap kesihatan murid sentiasa terjaga, jawatankuasa ini berfungsi untuk merancang dan melaksanakan program-program kesihatan seperti program pemeriksaan kesihatan dan gigi, suntikan HPV dan kancing dagu, Kempen Pencegahan Denggi, ceramah penjagaan kesihatan diri dan gotong-royong diperingkat sekolah dan asrama.

Secara keseluruhannya, melalui 10 Jawatankuasa Kecemerlangan Sekolah ini, penyelidik berpendapat pihak sekolah telah berusaha menyediakan satu kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik kepada setiap warga Sekolah Seni Malaysia Johor serta sentiasa memastikan segala perancangan yang ingin dilakukan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

3.9 Hubungan Sosial Pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor

Pemahaman mengenai sosiologi dan hubungan sosial dalam bidang pendidikan sangat penting kepada setiap tenaga pengajar dan ibu bapa agar permasalahan yang timbul dalam kalangan pelajar dapat diselesaikan dengan cara yang sewajar.¹⁴⁸ Oleh yang demikian, penglibatan semua pihak yang terdiri daripada golongan tenaga pengajar iaitu

¹⁴⁸ Mohd Salleh Lebar, *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan* (Selangor: Thinkers Library, 2007), 22.

guru dan ibu bapa ini akan dapat mengelakkan masalah gejala sosial yang sering berlaku dalam masyarakat Malaysia pada hari ini.¹⁴⁹

Bagi menjelaskan hubungan sosial yang dilalui oleh pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor, penyelidik akan menghuraikannya dengan cara menjelaskan aktiviti harian pelajar sekolah ini. Aktiviti yang akan diterangkan ini merangkumi aktiviti pelajar semasa sesi persekolahan dan aktiviti ketika mereka berada di asrama.

3.9.1 Aktiviti Pelajar Ketika Sesi Persekolahan

Secara umumnya, aktiviti yang harian yang diikuti oleh semua pelajar di Sekolah Seni Malaysia Johor adalah sama dengan pelajar sekolah harian yang lain terutama berkaitan dengan jadual waktu belajar mereka. Namun, sebagai sebuah sekolah seni, pihak sekolah amat menitikberatkan suasana pembelajaran yang lebih terarah kepada bidang kesenian.

Setiap pagi sebelum pelajar memulakan kelas pengajian, semua pelajar dikehendaki untuk berkumpul di dataran sekolah seawal jam 7.00 pagi. Seorang guru yang bertugas secara mingguan akan memantau pergerakan pelajar setiap pagi. Setelah jam 7.20 pagi, seorang Guru Pendidikan Islam akan membacakan doa belajar dengan menggunakan pembesar suara yang diletakkan di pejabat sekolah. Kemudian, semua pelajar akan masuk ke kelas masing-masing dengan keadaan teratur untuk memulakan pengajian.¹⁵⁰

¹⁴⁹ Asmah Bee Md. Noor, "Seminar Menangani Gejala Sosial" (Kertas Kerja, Dewan Besar Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 5 Ogos 2006), 3.

¹⁵⁰ Maklumat hasil lawatan penyelidik ke Sekolah Seni Malaysia Johor dan sumber dari pihak sekolah.

Jadual belajar di Sekolah Seni Malaysia Johor bermula 7.30 pagi hingga 2.30 petang bagi kelas pengajian akademik. Bagi kelas kesenian, pengajian akan bermula pada jam 3.15 petang selepas pelajar berehat untuk makan tengahari dan menunaikan solat zohor secara berjemaah di surau sekolah. Kelas kesenian ini akan tamat sekitar jam 5.00 petang mengikut keperluan pembelajaran.¹⁵¹

Sukatan pelajaran yang digunakan di sekolah ini adalah dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebahagian modul tambahan adalah dari panitia setiap matapelajaran sekolah ini. Bagi menghidupkan syiar Islam dalam kalangan pelajar di sekolah ini, pihak sekolah telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar dalam menguasai penghayatan hidup Islam melalui pelaksanaan program-program dan sambutan hari-hari kebesaran Islam dan kursus-kursus kemahiran ibadah dalam Islam. Antara program berbentuk keagamaan yang dilaksanakan ialah sambutan Awal Muharam, Maulid al-Rasul, Bulan Penghayatan Ramadhan, Program Pemantapan Kerohanian, Program Membudayakan al-Quran, Kursus Haji dan Umrah, Kursus Pengurusan Jenazah, Program Bulan Dakwah dan Majlis Khatam al-Quran. Sukatan pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di sekolah ini membolehkan pelajar mengamalkan apa yang dipelajari dengan sempurna. Kelas Kemahiran al-Quran turut diadakan berfokus kepada pelajar yang lemah bertujuan untuk memastikan pelajar dapat membaca al-Quran dengan baik setelah tamat pengajian di sekolah ini. Kelas Kemahiran al-Quran ini dilaksanakan oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah ini pada setiap hari selepas solat zohor.¹⁵²

Selain mengikut pembelajaran akademik dan kesenian secara formal dalam bilik darjah, pelajar turut didedahkan dengan aktiviti luar bilik darjah seperti aktiviti

¹⁵¹ Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2017), Sekolah Seni Malaysia Johor. 44.

¹⁵² Maklumat hasil temubual penyelidik dengan Guru Pendidikan Islam SSeMJ, Encik Mohd. Firdaus bin Mohd Jalil pada 3 Oktober 2017.

kokurikulum, seminar peningkatan akademik seperti bengkel Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), program motivasi untuk meningkatkan nilai dan sahsiah diri serta majlis Sambutan Hari Guru. Bagi setiap program yang dianjurkan, pelajar dilatih untuk melaksanakan sendiri program tersebut dengan bantuan dan tunjuk ajar dari guru dan kakitangan sekolah. Dengan cara ini, pelajar akan terdedah kepada cara untuk menjalankan sesuatu program serta berupaya untuk menjalinkan hubungan sosial dengan lebih baik dengan semua warga sekolah.

3.9.2 Jadual Harian Penghuni Asrama SSeMJ

Masa	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis
6.00 Pagi	Solat Subuh (Murid yang beragama Islam)				
6.30 Pagi	Sarapan				
7.00 Pagi	Perhimpunan Pagi				
7.30 Pagi – 2.30 Petang	Waktu Persekolahan				
2.30 Petang – 3.15 Petang	Makan Tengahari/ Solat/ Rehat				
3.15 Petang – 5.00 Petang	Waktu Persekolahan				
5.00 Petang – 5.30 Petang	Minum Petang / Solat Asar				
5.30 Petang – 8.30 Malam	Waktu Riadah/ Solat Maghrib dan Isyak				
8.30 Malam – 10.00 Malam	Sesi Ulangkaji Pelajaran				

Jadual 3.9.1 di atas menunjukkan Jadual Harian Penghuni Asrama SSeMJ¹⁵³

Setiap penghuni asrama Sekolah Seni Malaysia Johor sentiasa melibatkan diri dalam semua aktiviti dan program yang dianjurkan dengan patuh serta penuh semangat. Antara perkara yang diberi perhatian oleh pihak asrama terhadap penghuninya adalah dari aspek pergaulan sesama penghuni, warden dan kakitangan asrama, kepatuhan kepada disiplin masa dan peraturan asrama serta etika berpakaian yang bersesuaian dengan syariat. Setiap penghuni asrama sentiasa diberi peringatan agar sentiasa

¹⁵³ Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2017), Sekolah Seni Malaysia Johor, 44.

mengamalkan cara hidup Islam tidak kira di mana mereka berada. Perkara penting yang selalu diingatkan adalah setiap penghuni wajib berpakaian lengkap dan menutup aurat apabila keluar dari bilik masing-masing.

Bagi aktiviti sukan dan riadah, penghuni perempuan diasingkan dengan penghuni lelaki ketika aktiviti tersebut dijalankan. Perkara asas yang ditekankan kepada semua penghuni asrama di sekolah ini sekiranya terlibat dengan aktiviti sukan ialah berpakaian sukan yang menutup aurat.

3.10 Masalah Disiplin Pelajar

Sungguhpun sekolah ini merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan dari aspek akademik dan kesenian, namun sebagai seorang yang meningkat usia remaja, pelajar sekolah ini juga tidak terlepas dari permasalahan yang melibatkan akhlak dan sahsiah diri seorang remaja. Walau bagaimanapun, permasalahan disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar adalah berada pada tahap yang sangat rendah berbanding sekolah lain disekitar Daerah Pasir Gudang. Untuk tempoh kajian ini dijalankan iaitu sekitar tahun 2015 hingga 2017, masalah disiplin yang berlaku adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Kesalahan	Bilangan Kes
1	Ponteng Sekolah (berada di surau dan asrama)	20
2	Kekemasan Diri (etika berpakaian)	60
3	Mencuri	2
4	Berpasangan (antara lelaki dan perempuan)	2
5	Vandalisme	5
6	Merokok	3
7	Keluar Asrama Tanpa Izin	3

Jadual 3.10.1 di atas menunjukkan Masalah Disiplin Pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor sekitar tahun 2015 hingga 2017.¹⁵⁴

¹⁵⁴ Maklumat hasil temubual penyelidik dengan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SSeMJ, Encik Tee Tiam Chai pada 3 Oktober 2017. Namun, di atas permintaan beliau demi menjaga nama baik sekolah, penyelidik hanya menyatakan maklumat secara umum sahaja.

3.11 Tindakan Disiplin Pelajar

Pihak sekolah melalui Lembaga Disiplin Sekolah telah menetapkan hukuman bagi setiap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Berdasarkan kepada Buku Peraturan Sekolah dan Asrama, setiap pelajar perlu menandatangani surat akujanji serta melafazkan ikrar untuk mematuhi peraturan dan undang-undang sekolah dan asrama. Pelajar yang melanggar peraturan sekolah akan dikenakan tindakan disiplin sepertimana yang terkandung dalam Buku Panduan Peraturan Sekolah dan Asrama.

Pelajar yang melakukan kesalahan melanggar peraturan sekolah dan asrama dalam konteks kesalahan berat, akan dihadapkan ke Lembaga Disiplin Sekolah untuk diputuskan akan tindakan disiplin atau hukuman yang sewajarnya. Pelajar tersebut juga akan diberikan surat amaran, gantung sekolah dan dibuang dari sekolah. Seterusnya, ibu bapa pelajar yang melakukan kesalahan akan dipanggil untuk hadir ke sekolah berjumpa dengan pengetua bagi membincangkan jalan penyelesaian menangani isu berbangkit. Pelajar boleh dikenakan tindakan disiplin dan digantung aktiviti kesenian sekiranya kesalah laku boleh menjejaskan nama baik sekolah dan dikategorikan sebagai kesalahan berat. Sekolah ini mengamalkan pendekatan “*caring and friendly*” dalam menangani isu berkaitan disiplin dan hal ehwal murid.

Bagi kesalahan kecil dan sederhana seperti tidak hadir ke sekolah tanpa sebab selama tiga hari berturut-turut akan dikira sebagai ponteng sekolah, maka surat amaran ketidakhadiran akan dikeluarkan. Surat amaran ketidakhadiran yang dikeluarkan ini mengikut garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jenis Ponteng	Ponteng Berturut	Ponteng Tidak Berturut
Amaran Pertama	Pada hari ke 3	Pada hari ke 10
Amaran Kedua	7 hari selepas Amaran Pertama	10 hari selepas Amaran Pertama
Amaran Terakhir	7 hari selepas Amaran Kedua	20 hari selepas Amaran Kedua
Buang Sekolah	14 hari selepas Amaran Terakhir	20 hari selepas Amaran Terakhir
Jumlah Hari Tidak Hadir	31 Hari	60 Hari bagi kes tidak berturut-turut

Jadual 3.11.1 menunjukkan Prosedur Pengeluaran Surat Ponteng Sekolah, KPM¹⁵⁵

Senarai salahlaku pelajar asrama dan tindakan yang boleh dikenakan ke atas pelakunya adalah ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan diletakkan dibawah bidang kuasa sekolah untuk dilaksanakan setelah diadili serta dihakimi oleh pihak pentadbiran sekolah. Kesalahan yang dikenakan hukuman dan tindakan buang sekolah adalah:

1. Merokok atau memiliki rokok.
2. Keluar asrama tanpa izin.
3. Bergaduh.
4. Ragging (buli).
5. Mencuri atau menceroboh asrama.
6. Memiliki atau bermain mercun.
7. Membawa atau memiliki bahan-bahan lucah seperti VCD dan buku lucah.
8. Merosakkan harta benda guru/ warden/ pekerja sekolah.
9. Mengugut.
10. Mencabul.
11. Menghisap dadah atau menghidu gam.

¹⁵⁵ Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor (2017), Sekolah Seni Malaysia Johor, 75.

12. Menganggotai kumpulan haram.
13. Mengancam warden.
14. Berdua-duaan.

Mereka yang didapati melakukan mana-mana kesalahan di atas akan dilucutkan hak untuk menduduki asrama atau dikeluarkan dari asrama tanpa amaran. Kesalahan dalam kategori ini dianggap kesalahan dan salahlaku serius.

Bagi kesalahan yang dikenakan “amaran terakhir” tanpa amaran awal tetapi tidak dikenakan tindakan buang asrama adalah seperti:

1. Tidak berpuasa (dalam bulan Ramadhan).
2. Memiliki pemetik api atau mancis.
3. Tidak solat Subuh dan Maghrib secara berjemaah.
4. Biadab atau melawan guru/warden.
5. Khalwat.
6. Membawa senjata.

Bagi pelajar yang melakukan kesalahan di atas, pelaku kesalahan tersebut akan diberikan “amaran terakhir”. Ini bermakna sebarang kesalahan berulang yang dilakukan selepas amaran ini dikeluarkan, pelajar berkenaan akan dikeluarkan dari asrama atau ditarik keistimewaan mendiami asrama.

Selain dari kesalahan yang disebutkan di atas, terdapat kesalahan lain sekiranya dilakukan secara berulang-ulang sehingga lima kali turut dikenakan tindakan buang asrama:

1. Tidak menepati masa solat/ riadah/ sekolah.
2. Tidak memakai baju rasmi sekolah ketika pergi dan balik asrama.
3. Berkeliaran di sekitar sekolah dan asrama selepas jam 1 pagi.
4. Tidak memasang cadar.
5. Membawa barang terlarang seperti seluar jeans, walkman dan sebagainya.
6. Tidak berpakaian lengkap ketika solat Jumaat.
7. Bising semasa prep.
8. Solat di bilik.
9. Menipu guru/ warden/ kakitangan.
10. Bersukan atau bermain diluar waktu asrama.
11. Menconteng dinding/ katil/ bilik.
12. Membuat sambungan elektrik secara haram.
13. Menyidai pakaian selain dari penyidai yang disediakan.
14. Merayau-rayau semasa prep.
15. Mengganggu pelajar perempuan atau sebaliknya.
16. Lewat balik dari kampung.
17. Melawan Jawatankuasa Asrama.
18. Tidak tidur di bilik sendiri.
19. Berseluar pendek atau berpakaian tidak sopan.
20. Memalsukan surat cuti sakit.

3.12 Kesimpulan

Kesimpulannya, pihak Sekolah Seni Malaysia Johor telah merangka dan melaksanakan suatu sistem pendidikan yang baik serta sempurna bagi memastikan visi dan misi sekolah dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan kesenian tercapai dengan jayanya.

Sistem yang diwujudkan ini seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara yang mengandungi unsur pembinaan insan yang amat penting dalam sistem pendidikan di negara Malaysia.¹⁵⁶

Selain itu, kemudahan dan infrastruktur yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah turut menyumbang dalam memenuhi Matlamat Pendidikan Negara. Peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi menjamin kejayaan dan kecemerlangan pelajar dari sudut akademik, kesenian dan sahsiah diri.¹⁵⁷

¹⁵⁶ Abd. Rahim Abd Rashid, *KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 87.

¹⁵⁷ A.D.C. Peterson (t.t). Abdullah Hassan (terj.), *Pendidikan Seratus Tahun* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 44.

BAB EMPAT: ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk melihat amalan dan pemahaman mengenai fiqh aurat dalam kalangan pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor khususnya ketika aktiviti kesenian dijalankan. Pada bab ini, perbincangan lebih tertumpu tentang hasil kajian yang diperolehi melalui instrumen kajian iaitu soal selidik yang telah diedarkan kepada responden dan temubual ke atas guru yang berkhidmat di sekolah tersebut. Penyelidik menggunakan perisian „*Statistical Package for Social Science Version 22 for Windows (SPSS)*” untuk menganalisis data bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci.

Borang soal selidik yang telah diedarkan mengandungi 45 set soalan dan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A merupakan analisis tentang latar belakang responden seperti jantina, tingkatan, tempat tinggal, bidang kesenian, pencapaian bagi matapelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan yang terdahulu, umur ketika menutup aurat dan tahap pendidikan sekolah rendah agama responden. Manakala bahagian B mengandungi sebanyak 15 item soalan berkaitan tahap pengetahuan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat. Bahagian C pula mengandungi 15 item soalan bagi mengenal pasti tahap pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian dan bahagian D mengandungi 15 item soalan berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan pengabaian terhadap kefardhuan menutup aurat dalam kalangan pelajar khususnya ketika melakukan aktiviti kesenian. Analisis data soal selidik dilakukan untuk menentukan kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item. Kesemua data dan hasil kajian yang diperolehi dapat dilihat melalui jadual dan carta yang ditunjukkan.

4.2 Ujian Rintis.

Penyelidik telah melakukan ujian rintis terhadap set soal selidik untuk menguji tahap dan kaitan antara soalan-soalan tersebut. Ini supaya sebahagian daripada konsep kajian dapat diukur melalui instrumen ini. Sebanyak 15 set soal selidik yang mengandungi 45 soalan telah diedarkan kepada 15 orang responden yang terdiri daripada pelajar Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur pada 8 November 2017.

Penyelidik telah melakukan kajian rintis ke atas pelajar yang menuntut di Sekolah Seni Kuala Lumpur kerana mereka mempunyai ciri-ciri yang sama dengan responden kajian sebenar yang ingin dikaji. Semua set telah diterima untuk ujian kesahan. Hasil ujian Alpha Cronbach menunjukkan bahawa instrumen yang dibina menunjukkan nilai kesahan yang tinggi. Tahap kebolehpercayaan instrumen kajian ini dapat ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai Alpha Cronbach (α) yang mengandungi julat antara 0.00 hingga 1.0. Sekiranya nilai skala menghampiri 1.0, ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan berada pada tahap yang sangat baik, tinggi dan berkesan. Manakala, julat yang semakin menghampiri 0.00 pula akan menggambarkan tahap kebolehpercayaan yang rendah.

Dapatan bagi kajian rintis yang telah dilakukan oleh penyelidik mendapati, nilai kebolehpercayaan adalah merujuk kepada nilai Alpha Cronbach 0.716. Nilai yang diperolehi ini menunjukkan bahawa instrumen yang akan digunakan ke atas penyelidikan sebenar berada dalam keadaan baik dan boleh diterima sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual dibawah:

Jadual 4.2.1 Interpretasi Skor Alpha Cronbach Model Rasch¹⁵⁸

Skor Alpha Cronbach	Tahap Kebolehpercayaan
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi tinggi
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
< 0.6	Item perlu diperbaiki
< 0.5	Item perlu digugurkan

Jadual 4.2.2 di bawah pula menunjukkan hasil ujian Alpha Cronbach (α) bagi kajian rintis yang dilakukan oleh penyelidik:

Jadual 4.2.2 Ujian Gelombang Cronbach

Case Processing Summary		
	N	%
Valid	15	100.0
Excluded ^a	0	.0
Total	15	100.0

Ujian Gelombang Cronbach (α)	
N of Items	Cronbach's Alpha
45	0.716

4.3 Analisis Dapatan Kajian Lapangan Sebenar

Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden pada 15 November 2017. Sebanyak 209 set soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada

¹⁵⁸ Bond, T. G., & Fox, C. M., *Applying The Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. (New York & London: Routledge & T. & F. Group, Eds., Third Edition, 2015).

pelajar yang sedang menuntut di Sekolah Seni Malaysia Johor. Namun, hanya 188 set soal selidik yang dapat dikumpulkan oleh penyelidik. Jumlah 188 orang ini meliputi 58 peratus daripada keseluruhan populasi iaitu seramai 329 orang pelajar.

Analisis soal selidik ini merangkumi dua pecahan utama iaitu bahagian A meliputi latar belakang responden dan bahagian B, C dan D yang merujuk kepada analisis jawapan kepada ketiga-tiga persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab satu.

Dapatan kajian yang dianalisis adalah seperti berikut:

- i. Bahagian A: Analisis latar belakang responden.
- ii. Bahagian B: Analisis tahap pengetahuan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat.
- iii. Bahagian C: Analisis tahap pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian.
- iv. Bahagian D: Analisis faktor-faktor yang menyebabkan pengabaian terhadap kefardhuan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian.

4.3.1 Bahagian A: Analisis Data Latar Belakang Responden

Bahagian A merupakan analisis tentang latar belakang responden. Terdapat tujuh item dalam bahagian ini iaitu jantina, tingkatan, tempat tinggal, bidang kesenian, pencapaian matapelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan yang terdahulu, umur ketika mula menutup aurat dan tahap pendidikan sekolah rendah agama responden.

Jadual 4.3.1 Maklumat Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	81	43.1
Perempuan	107	56.9
Jumlah	188	100.00

Jadual 4.3.1 di atas menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan jantina iaitu seramai 81 orang (43.1%) terdiri daripada responden pelajar lelaki. Manakala responden pelajar perempuan seramai 107 orang (56.9%) menjadikan jumlah kesemua responden ialah seramai 188 orang.

Jadual 4.3.2 Maklumat Kelas Responden

Kelas	Kekerapan	Peratus
Tingkatan 1	74	39.4
Tingkatan 2	70	37.2
Tingkatan 4	44	23.4
Jumlah	188	100.00

Jadual 4.3.2 di atas menunjukkan taburan kelas belajar responden yang terlibat dalam kajian ini. Seramai 74 orang responden dari Tingkatan Satu (39.4%) diikuti pelajar Tingkatan Dua seramai 70 orang (37.2%). Manakala seramai 44 orang (23.4%) responden dari Tingkatan Empat.

Jadual 4.3.3 Maklumat Kawasan Tempat Tinggal.

Tempat tinggal	Kekerapan	Peratus
Kawasan perkampungan	21	11.2
Kawasan taman perumahan	127	67.6
Kawasan bandar	40	21.3
Jumlah	188	100.00

Jadual 4.3.3 di atas menunjukkan tempat tinggal pelajar. Seramai 21 orang (11.2%) tinggal di kawasan perkampungan, 127 orang (67.6%) di kawasan taman perumahan dan 40 orang (21.3%) tinggal di kawasan bandar. Ini menunjukkan bahawa majoriti dari jumlah responden tinggal di kawasan taman perumahan.

Jadual 4.3.4 Maklumat Bidang Kesenian Pelajar.

Bidang kesenian	Kekerapan	Peratus
Seni Visual	60	31.9
Seni Tari	44	23.4
Seni Teater	42	22.3
Seni Muzik	42	22.3
Jumlah	188	100.00

Jadual 4.3.4 di atas menunjukkan taburan bidang kesenian pelajar di Sekolah Seni Malaysia Johor. Seramai 60 orang responden (31.9%) bidang Seni Visual, 44 orang (23.4%) Seni Tari, 42 orang (22.3%) Seni Teater dan responden yang mengambil bidang Seni Muzik seramai 42 orang (22.3%). Ini menunjukkan bahawa responden paling ramai yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam kalangan pelajar bidang Seni Visual.

Jadual 4.3.5 Tahap Pencapaian Matapelajaran Pendidikan Islam.

Pencapaian	Kekerapan	Peratus
Cemerlang	92	48.9
Kepujian	68	36.2
Lulus	28	14.9
Gagal	0	0
Jumlah	188	100.00

Jadual 4.3.5 menunjukkan tahap pencapaian terkini responden bagi matapelajaran Pendidikan Islam. Seramai 92 orang (48.9%) mendapat keputusan Cemerlang dengan pencapaian gred A, 68 orang responden (36.2%) mendapat Kepujian dan jumlah responden yang mencapai gred Lulus seramai 28 orang (14.9%). Ini menunjukkan bahawa prestasi pelajar yang menuntut di Sekolah Seni Malaysia Johor berada pada tahap yang baik kerana tiada pelajar yang gagal dalam ujian Pendidikan Islam untuk penilaian yang terkini.

Jadual 4.3.6 Maklumat Umur Mula Menutup Aurat.

Umur Mula Menutup Aurat	Kekerapan	Peratus
Sebelum 7 tahun	51	27.1
Sekolah Rendah	103	54.8
Sekolah Menengah	34	18.1
Jumlah	188	100.00

Jadual 4.3.6 di atas menunjukkan maklumat berkaitan umur responden ketika mula menutup aurat. Seramai 51 orang responden (27.1%) telah mula menutup aurat sebelum umur mereka mencapai tujuh tahun. Manakala seramai 103 orang (54.8%) menutup

aurat ketika mereka berada di peringkat sekolah rendah dan selebihnya 34 orang (18.1%) mula menutup aurat ketika berada di sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden telah mula menutup aurat sebelum berumur dua belas tahun lagi. Adalah menjadi suatu kewajipan bagi ibubapa menekankan aspek cara berpakaian dalam kalangan anak-anak kerana ia merupakan antara tuntutan agama yang utama.

Jadual 4.3.7 Maklumat Pendidikan Sekolah Agama.

Pendidikan Sekolah Agama	Kekerapan	Peratus
Tamat Darjah Enam	116	61.7
Tidak Tamat	36	19.1
Tidak Bersekolah Agama	36	19.1
Jumlah	188	100.00

Jadual 4.3.7 adalah maklumat tentang responden yang mendapat pendidikan awal agama sebelum memasuki Sekolah Seni Malaysia Johor. Seramai 116 orang (61.7%) telah mendapat pendidikan agama dan tamat Darjah Enam sebelum mula belajar di sekolah ini, manakala seramai 36 orang (19.1%) tidak tamat Darjah Enam. Responden yang tidak mendapat pendidikan sekolah agama pula seramai 36 orang (19.1%). Ini menunjukkan bahawa hampir semua responden telah mendapat pendidikan awal agama sebelum mula mendapat pendidikan di sekolah ini.

Pendidikan awal agama merupakan suatu tuntutan dalam Islam terhadap setiap ibubapa supaya dapat melatih anak-anak mereka untuk taat kepada ajaran Islam yang sebenar kerana pada usia tujuh tahun pertama merupakan tempoh kritikal permulaan hidup bagi seorang anak. Pendidikan agama merupakan suatu keperluan untuk

diterapkan dalam jiwa anak-anak agar mereka mempunyai asas yang kukuh dalam diri mereka dalam melaksanakan perintah agama.

4.3.2 Bahagian B, C dan D: Analisis Data Maklum Balas Responden

Bahagian B, C dan D merupakan analisis mengenai 45 item soal selidik yang disediakan bagi menjawab persoalan kajian. Ini merupakan rangkaian analisis daripada maklum balas yang diberikan oleh responden terhadap pernyataan item-item soal selidik. Responden perlu menjawab mengikut Skala Likert yang mewakili „Sangat Tidak Setuju“ (STS), „Tidak Setuju“ (TS), „Setuju“ (S) dan „Sangat Setuju“ (SS).

Item ditujukan kepada 188 orang sebagai responden kajian. Terdapat tiga persoalan kajian yang cuba dikupas dalam kajian ini iaitu tahap pengetahuan terhadap kewajipan menutup aurat, tahap pengamalan terhadap kewajipan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian dan faktor-faktor yang menyebabkan pengabaian terhadap kefardhuan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika melaksanakan aktiviti kesenian.

4.3.2.1 Bahagian B: Analisis Tahap Kefahaman Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor.

Bahagian ini akan membincangkan berkaitan tahap kefahaman berkaitan kewajipan menutup aurat dalam kalangan pelajar di Sekolah Seni Malaysia Johor. Item-item yang dianalisis berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah disediakan oleh penyelidik. Analisis tentang tahap pengetahuan pelajar terhadap kewajipan menutup

aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian dipecahkan kepada empat kategori iaitu pengetahuan responden berkaitan perintah kewajipan menutup aurat, hukum menutup aurat, batasan aurat dan kesan menutup aurat terhadap responden.

4.3.2.1.1 Kefahaman Pelajar Berkaitan Perintah Kewajipan Menutup Aurat

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	B01: Kewajipan menutup aurat suatu tuntutan.	0	1 (0.5%)	0.5	20 (10.6%)	167 (88.8%)	99.4	3.88
2	B12: Kewajipan menutup aurat merupakan suatu perintah daripada Allah SWT.	0	1 (0.5%)	0.5	17 (9.0%)	170 (90.4%)	99.4	3.90
3	B13: Perintah terhadap kewajipan menutup aurat sesuai mengikut peredaran zaman	26 (13.6%)	36 (19.1%)	32.9	46 (24.5%)	80 (42.6%)	67.1	2.96

Jadual 4.3.8 Kefahaman Pelajar Berkaitan Perintah Kewajipan Menutup Aurat

Jadual 4.3.8 menunjukkan item B01 mengenai pengetahuan pelajar tentang perintah kewajipan menutup aurat yang merupakan satu tuntutan agama yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Seramai 167 responden (88.8%) sangat setuju bahawa perintah dan tuntutan menutup aurat telah terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah manakala 20 orang (10.6%) bersetuju dengan kenyataan ini. Namun, seorang responden (0.5%) tidak setuju dengan kenyataan ini. Hasil kekerapan yang tinggi ini telah menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar berkaitan perintah kewajipan menutup aurat berada pada tahap yang positif.

Dapatan ini disokong pada item B12 yang memberi nilai min tertinggi iaitu 3.90 iaitu seramai 170 orang responden (90.4%) sangat setuju dengan kenyataan ini, 17

orang (9.0%) setuju manakala seorang (0.5%) tidak setuju bahawa kewajipan menutup aurat merupakan suatu perintah daripada Allah SWT. Ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pelajar sangat memahami dan mengetahui berkaitan kewajipan menutup aurat berdasarkan kepada silibus Pendidikan Islam yang diajarkan oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah ini. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan maklumat yang diterima oleh penyelidik melalui soal selidik yang mendapati majoriti responden memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan matapelajaran Pendidikan Islam ketika berada di sekolah ini yang menunjukkan bahawa pelajar sangat menguasai subjek ini dengan baik.

Bagi item B13 pula menunjukkan peratus pengetahuan pelajar berkaitan perintah Allah SWT terhadap kewajipan menutup aurat sesuai mengikut peredaran zaman dan tempat. Seramai 80 orang responden (42.6%) sangat bersetuju dengan kenyataan ini, 46 orang (24.5%) bersetuju, 36 orang (19.1%) tidak bersetuju manakala 26 orang (13.6%) sangat tidak setuju bahawa perintah menutup aurat sesuai untuk dipraktikkan mengikut zaman dan tempat. Hanya peratusan kecil sahaja responden yang tidak bersetuju berkaitan kenyataan ini. Walau bagaimanapun, dapatan ini agak berlawanan dengan item B01 dan B12 yang menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang kewajipan menutup aurat telah termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah dan ia merupakan suatu perintah daripada Allah SWT.

Hasil temubual penyelidik dengan Guru Pendidikan Islam di sekolah juga telah menyokong pernyataan di atas. Menurut mereka, para pelajar sangat mengetahui mengenai kewajipan menutup aurat dalam kehidupan seharian kerana mereka telah diajarkan berkaitan perintah menutup aurat semasa berada di dalam kelas subjek Pendidikan Islam seawal Tingkatan Satu dan Tingkatan Tiga. Selain itu, tahap pencapaian pelajar dalam subjek Pendidikan Islam juga berada pada tahap yang sangat

baik kerana setiap kali peperiksaan, pelajar-pelajar di sekolah ini mampu mencapai keputusan yang sangat membanggakan.¹⁵⁹

Dapatan kajian ini juga sejajar dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Asmawati Suhid (2013) yang menyatakan bahawa majoriti umat Islam sewajarnya mengetahui tentang kewajipan menutup aurat yang telah diperintahkan namun dari segi pelaksanaan masih kurang. Ini kerana mereka hanya berpakaian menutup aurat mengikut fesyen dan trend yang sesuai dengan peredaran zaman. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah umat Islam masih wujud ketidakfahaman dan ketidakjelasan tentang kaedah dan konsep menutup aurat dalam Islam.¹⁶⁰

4.3.2.1.2 Kefahaman Pelajar Berkaitan Hukum Menutup Aurat

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	B02: Wajib menutup aurat di dalam solat dan luar solat.	0	1 (0.5%)	0.5	19 (10.1)	168 (88.8%)	99.5	3.89
2	B05: Haram dedahkan aurat kepada individu bukan mahram.	2 (1.1%)	3 (1.6%)	2.7	25 (13.3%)	158 (84.0%)	97.3	3.80
3	B06: Individu yang telah baligh wajib tutup aurat dengan sempurna.	0	2 (1.1%)	1.1	17 (9.0%)	169 (89.9%)	98.9	3.89

Jadual 4.3.9 Kefahaman Pelajar Berkaitan Hukum Menutup Aurat

¹⁵⁹ Mohd Firdaus Mohd Jalil (Guru Pendidikan Islam, Sekolah Seni Malaysia Johor), dalam temubual dengan penyelidik, 10 April 2018 jam 9 pagi.

¹⁶⁰ Asmawati Suhid et al., "Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum," *Jurnal of Islamic Education*, no.1 (2013), 41.

Jadual 4.3.9 menunjukkan tahap pengetahuan pelajar tentang hukum menutup aurat. Bagi item B02, seramai 168 orang (89.4%) sangat setuju dengan kenyataan ini, 19 orang (10.1%) bersetuju manakala seorang (0.5%) tidak setuju dengan kenyataan ini. Walau bagaimanapun, dapatlah dinyatakan di sini bahawa sebahagian besar responden telah memahami hukum menutup aurat adalah wajib sebagaimana wajib menutup aurat ketika solat.

Item B05 pula menunjukkan seramai 158 orang responden (84.0%) sangat setuju dan 25 orang (13.3%) bersetuju menyatakan bahawa hukum haram sekiranya mendedahkan aurat kepada individu yang bukan mahram. Peratus yang tinggi bagi item ini membuktikan bahawa pengetahuan pelajar tentang hukum mendedahkan aurat berada pada tahap yang sangat baik. Namun begitu, terdapat segelintir responden yang kurang bersetuju dengan kenyataan pada item ini. Seramai 3 orang (1.6%) tidak bersetuju dan 2 orang (1.1%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa hukum haram sekiranya mendedahkan aurat kepada individu yang bukan mahram. Walau bagaimanapun, nilai min pada item B05 masih berada pada tahap positif yang menunjukkan bahawa kekerapan yang tinggi bersetuju dengan kenyataan ini.

Item B06 pula menunjukkan seramai 169 orang responden (89.9%) sangat setuju dan 17 orang (9.0%) bersetuju dengan kenyataan bahawa seseorang individu yang telah mencapai usia baligh wajib untuk menutup aurat dengan sempurna. Manakala 2 orang (1.1%) responden tidak bersetuju dengan kenyataan pada item ini. Dapatan ini disokong oleh maklumat yang diterima oleh penyelidik pada soal selidik bahagian pertama berkaitan umur responden ketika mula menutup aurat yang menunjukkan majoriti responden telah mula menutup aurat sejak berumur tujuh tahun dan sekolah rendah lagi. Nilai min tertinggi dalam jadual di atas adalah 3.89 pada item B02 dan B06 manakala nilai min yang terendah 3.80. Nilai min tertinggi dan terendah ini memberi gambaran

awal bahawa majoriti responden bersetuju dengan item-item yang terdapat dalam bahagian B ini.

Hasil kajian turut disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Nor Azliza Shariff (2005) yang menyatakan dalam kajian beliau bahawa majoriti responden memberikan maklum balas yang positif terhadap pernyataan berkaitan aurat dan hukum yang ditetapkan oleh Islam. Ini berdasarkan kepada item satu dan tiga soal selidik kajian tersebut yang menyatakan hukum menutup aurat adalah wajib dan kewajipan tersebut termaktub di dalam al-Quran dan Hadis menunjukkan nilai kekerapan dan peratusan yang sangat tinggi iaitu sebanyak 90%. Dapatan kajian ini secara jelas menunjukkan bahawa majoriti responden dalam kajian beliau sangat mengetahui hukum kewajipan menutup aurat bagi seorang pelajar muslim.

4.3.2.1.3 Kefahaman Pelajar Tentang Batasan Aurat

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	B03: Aurat lelaki dari lutut hingga pusat.	0	0	0	23 (12.2%)	165 (87.8%)	100	3.88
2	B04: Aurat perempuan seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan.	0	2 (1.1%)	1.1	18 (9.6%)	168 (89.4%)	99	3.88
3	B08:Memakai pakaian yang jarang dan ketat juga dikira mendedahkan aurat.	0	2 (1.1%)	1.1	30 (16.0%)	156 (83.0%)	99	3.82
4	B09: Seorang perempuan tidak perlu bertudung apabila bersama rakan perempuan mereka.	12 (6.4%)	32 (17.0%)	23.4	86 (45.7%)	58 (30.9%)	76.6	3.01

5	B10: Seorang ayah boleh melihat aurat anak perempuan kecuali dari pusat ke lutut.	29 (15.4%)	52 (27.7%)	43.1	60 (31.9%)	47 (25.0%)	56	2.66
6	B11: Seorang anak boleh memakai seluar pendek ketika berhadapan dengan ibu dan ayah.	33 (17.6%)	88 (46.8%)	64.4	52 (27.7%)	15 (8.0%)	35.7	2.26

Jadual 4.3.10 Kefahaman Pelajar Tentang Batasan Aurat

Jadual 4.3.10 menunjukkan tahap pengetahuan pelajar tentang batasan aurat. Hasil kekerapan yang tinggi ini telah memberikan kesan-kesan yang positif dalam kalangan pelajar. Bagi item B03, seramai 165 orang (87.8%) sangat setuju dan 23 orang (12.2%) bersetuju dengan kenyataan yang menyatakan bahawa aurat bagi seseorang lelaki adalah dari pusat hingga ke lutut. Nilai min 3.88 yang tinggi pada item ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden berada pada tahap yang sangat baik. Dapatan ini sejajar dengan item B04 yang menunjukkan seramai 168 orang (89.4%) sangat setuju, 18 orang (9.6%) setuju manakala 2 orang (1.1%) responden tidak setuju dalam menyatakan bahawa aurat bagi seseorang perempuan seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan. Respon-respon yang kepada item B03 dan B04 menunjukkan kaitan yang sangat signifikan terhadap kenyataan ini. Oleh kerana kekerapan yang tinggi berkaitan tahap pengetahuan batas aurat dalam kalangan responden, didapati sebahagian besar pelajar tidak menghadapi sebarang masalah untuk mengamalkan tuntutan menutup aurat dengan sempurna dalam kehidupan mereka.

Item B10 dan B11 pula menunjukkan tahap pengetahuan pelajar mengenai batasan aurat ketika bersama ibu bapa mereka. Seramai 47 orang (25.0%) sangat setuju dan 60 orang (31.9%) setuju dengan kenyataan ini. Manakala, seramai 52 orang (27.7%) tidak setuju dan 29 orang (15.4%) sangat tidak setuju tentang batasan aurat ketika bersama ibu bapa mereka. Hampir separuh responden berasa yakin bahawa aurat ketika

bersama ibu bapa masih perlu dijaga sepertimana orang asing yang bukan mahram. Ini dapat dilihat pada item B11 yang menunjukkan seramai 15 orang (8.0%) sangat bersetuju, 52 orang (27.7%) setuju, 88 orang (46.8%) tidak setuju dan 33 orang (17.6%) sangat tidak setuju menyatakan bahawa seorang anak boleh memakai seluar pendek ketika bersama ibu bapa mereka.

Selain itu, dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan Nur Afzan Muhamad (2008) yang mendapati bahawa majoriti responden sangat mengetahui konsep menutup aurat secara umum. Mereka juga dapat menyatakan anggota-anggota badan yang merupakan aurat serta mengetahui batasan aurat dengan baik. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dilakukan oleh beliau, didapati pengamalannya agak berbeza dengan kenyataan yang diberikan oleh responden. Para responden tidak memelihara aurat mereka sebagaimana yang mereka ketahui, sama ada dari sudut syarat berpakaian menutup aurat mahupun batasan aurat ketika bersama orang yang bukan mahram.¹⁶¹

Dapatan kajian ini agak berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Shofiah Ahmad (2004) dalam buku beliau bertajuk "*Aurat: Kod Pakaian Islam*"¹⁶², beliau mendapati terdapat segelintir mahasiswa dan mahasiswi di universiti awam di Malaysia masih tidak mengetahui batasan aurat yang telah ditetapkan oleh syarak, mereka hanya memakai tudung kerana terikut-ikut dengan apa yang telah diterapkan oleh kedua ibu bapa sejak kecil dan bukan kerana syariat Islam.

¹⁶¹ Nur Afzan Muhamad, "Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan dan Pengamalan Dikalangan Masyarakat" (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008), 49.

¹⁶² Shofiah Ahmad, *Aurat: Kod Pakaian Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd. 2004), 125.

4.3.2.1.4 Kefahaman Pelajar Berkaitan Kesan Mendedahkan Aurat

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	B07: Individu yang mendedahkan aurat berdosa besar.	0	2 (1.1%)	1.1	37 (19.7%)	149 (79.3%)	99	3.78
2	B14: Orang Islam yang menutup aurat akan menyerlahkan keperibadian muslim yang baik.	0	1 (0.5%)	0.5	34 (18.1%)	153 (81.4%)	99.5	3.81
3	B15: Seorang muslim yang mendedahkan aurat akan dimurkai oleh Allah SWT.	8 (4.3%)	2 (1.1%)	5.4	42 (22.3%)	136 (72.3%)	94.6	3.63

Jadual 4.3.11 Kefahaman Pelajar Berkaitan Kesan Mendedahkan Aurat

Jadual 4.3.11 menunjukkan tahap pengetahuan pelajar berkaitan kesan kepada seseorang yang mendedahkan aurat. Seramai 149 orang (79.3%) sangat setuju dengan pernyataan ini, 37 orang (19.7%) setuju bahawa individu yang mendedahkan aurat berdosa besar manakala 2 orang (1.1%) tidak setuju bahawa perbuatan mendedahkan aurat boleh mendatangkan dosa besar.

Dapatan pada item B07 ini sejajar dengan dapatan pada item B15 yang menunjukkan bahawa seramai 136 orang (72.3%) sangat setuju dan 42 orang (22.3%) setuju seorang muslim yang mendedahkan aurat akan dimurkai Allah SWT. Walau bagaimanapun, seramai 2 orang (1.1%) tidak setuju dan 8 orang (4.3%) sangat tidak setuju dengan kenyataan ini yang menunjukkan bahawa sebilangan responden masih ragu-ragu dan tidak faham berkaitan kesan dari perbuatan yang boleh mendatangkan dosa terhadap seseorang individu muslim.

Manakala menerusi item B14 pula, majoriti responden bersetuju dengan pernyataan bahawa orang Islam yang menutup aurat akan menyerlahkan keperibadian muslim yang baik kepada orang lain. Seramai 136 orang (72.3%) sangat bersetuju dengan kenyataan ini, 42 orang (22.3%) setuju dan seorang (0.5%) tidak bersetuju. Peratusan tinggi responden yang setuju menutup aurat menyerlahkan peribadi muslim yang baik ini menunjukkan bahawa mereka sudah boleh menilai kesan atau hikmah disebalik suruhan dan perintah oleh Allah SWT terhadap setiap hambaNya.

Dapatan kajian yang dilakukan oleh Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad (2005) turut mendapati bahawa pelajar Islam yang memahami hukum asas menutup aurat dan memakai pakaian yang menutup aurat sepertimana yang dituntut oleh syariat akan menyebabkan adab dan tingkah laku mereka terpelihara. Dapatan kajian ini memperlihatkan persepsi responden bahawa pakaian yang menutup aurat dapat menampilkan imej yang anggun pada pemakainya.¹⁶³

4.3.2.2 Bahagian C: Analisis Tahap Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Ketika Melaksanakan Aktiviti Kesenian

Analisis tentang tahap pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian dipecahkan kepada tiga kategori iaitu amalan menutup aurat responden dalam kehidupan seharian, amalan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian dan kecenderungan pelajar untuk menutup aurat melalui aktiviti yang dijalankan di sekolah.

¹⁶³ Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad, "Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian di Fakulti Pendidikan" (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2010), 5.

4.3.2.2.1 Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kehidupan Sehari-hari

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	C16: Saya memakai pakaian yang menutup aurat apabila keluar rumah.	6 (3.2%)	27 (14.4%)	17.6	77 (41.0%)	78 (41.5%)	82.5	3.21
2	C17: Saya sentiasa menjaga batasan aurat dengan orang yang bukan mahram.	4 (2.1%)	35 (18.6%)	20.7	78 (41.5%)	71 (37.8%)	79.3	3.15
3	C18: Saya memakai pakaian yang nipis dan menampakkan bentuk badan.	76 (40.4%)	72 (38.3%)	78.7	30 (16.0%)	10 (5.3%)	21.3	1.86
4	C19: Saya menutup aurat ketika berada di sekolah sahaja.	61 (32.4%)	57 (30.3%)	62.7	41 (21.8%)	29 (15.4%)	37.2	2.20
5	C20: Saya menutup aurat semenjak baligh.	19 (10.1%)	54 (28.7%)	38.8	55 (29.3%)	60 (31.9%)	61.2	2.83
6	C21: Menutup aurat bukan bebanan bagi saya.	11 (5.9%)	13 (6.9%)	12.8	58 (30.9%)	106 (56.4%)	87.3	3.38

Jadual 4.3.12 Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kehidupan Sehari-hari

Jadual 4.3.12 menerangkan pengamalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat dalam kehidupan sehari-hari mereka. Item C16 menunjukkan bahawa kekerapan responden yang sentiasa melakukan amalan menutup aurat apabila mereka keluar rumah. Seramai 78 orang (41.5%) sangat bersetuju dengan kenyataan ini, 77 orang (41.0%) bersetuju, 27 orang (14.4%) tidak bersetuju manakala 6 orang (3.2%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Walau bagaimanapun, dapatlah dinyatakan di sini bahawa sebahagian besar responden telah berjaya mengamalkan perintah untuk menutup aurat mereka semasa berada di luar rumah.

Manakala item C17 menunjukkan bahawa mereka bersetuju untuk menutup aurat dengan sempurna apabila bersama orang yang bukan mahram. Seramai 71 orang (37.8%) sangat setuju, 78 orang (41.5%) bersetuju, 35 orang (18.6%) tidak setuju dan 4 orang (2.1%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Majoriti responden masih mematuhi perintah untuk menjaga dan memelihara aurat mereka ketika bersama orang yang bukan mahram kerana didorong oleh faktor bahawa amalan menutup aurat bukan suatu bebanan bagi responden seperti yang ditunjukkan oleh item C21 iaitu seramai 106 orang (56.4%) sangat bersetuju, 58 orang (30.9%) setuju, manakala 13 orang (6.9%) tidak setuju dan 11 orang (5.9%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Kenyataan ini dapat dilihat dengan jelas apabila rujukan pada item C20 yang menunjukkan seramai 60 orang (31.9%) sangat setuju dan 55 orang (29.3%) bersetuju menyatakan bahawa responden telah mula menutup aurat apabila mereka sudah mencapai usia baligh. Namun demikian, terdapat juga sebilangan kecil responden yang masih tidak menutup aurat meskipun telah baligh. Seramai 54 orang (28.7%) tidak bersetuju dan 19 orang (10.1%) sangat tidak setuju dengan kenyataan item C20 ini.

Item C18 pula menunjukkan bahawa 76 orang (40.4%) sangat tidak bersetuju dan 72 orang (38.3%) tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka mengenakan pakaian yang nipis dan menampakkan bentuk tubuh badan mereka. Item ini memberi gambaran bahawa responden sentiasa berusaha untuk menutup aurat dengan sempurna. Namun demikian terdapat sebilangan responden masih mengenakan pakaian yang nipis dan menampakkan bentuk tubuh badan. Seramai 10 orang (5.3%) sangat setuju dan 30 orang (16.0%) bersetuju dengan kenyataan pada item ini. Ini didorong oleh faktor bahawa sebilangan responden hanya menutup aurat ketika berada di sekolah sahaja. Kenyataan ini dapat dilihat pada item C19 yang menunjukkan seramai 29 orang (15.4%) sangat setuju dan 41 orang (21.8%) bersetuju bahawa mereka hanya mematuhi amalan

menutup aurat hanya ketika berada di sekolah sahaja. Walau bagaimanapun, item C19 menunjukkan bahawa 62.7% responden masih menutup aurat dengan sempurna sama ada ketika berada di sekolah dan di luar sekolah iaitu seramai 61 orang (32.4%) sangat tidak setuju dan 57 orang (30.3%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Hasil temubual penyelidik dengan guru-guru Pendidikan Islam juga telah menyokong pernyataan di atas. Menurut mereka, majoriti pelajar sentiasa patuh kepada peraturan sekolah yang menghendaki mereka untuk menutup aurat sepanjang mereka berada di sekolah. Namun, apabila mereka terlibat dengan sebarang aktiviti kesenian, sebahagian pelajar lebih memilih untuk mendedahkan aurat atas sebab permintaan daripada beberapa orang jurulatih kesenian yang menginginkan mereka untuk berpakaian dalam keadaan mendedahkan aurat.¹⁶⁴ Temubual yang dijalankan ke atas jurulatih kesenian juga mendapati bahawa pelajar yang lebih terdedah kepada pakaian yang mendedahkan aurat adalah terdiri daripada pelajar yang mengambil bidang seni tari dan seni teater. Ini kerana pelajar yang berada dalam bidang ini lebih banyak membuat persembahan pentas berbanding pelajar yang mengambil bidang seni visual dan seni muzik.¹⁶⁵

Dapatan kajian turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Saadah Ibrahim (2012) yang mendapati bahawa walaupun majoriti responden mengetahui dan memahami kewajipan menutup aurat, tetapi tahap amalan mereka tidak selari dengan apa yang mereka fahami. Ini kerana, pendedahan aurat masih berlaku dalam kalangan

¹⁶⁴ Mohd Abd. Hadi Abdullah (Guru Pendidikan Islam, Sekolah Seni Malaysia Johor), dalam temubual dengan penyelidik, 10 April 2018 jam 11.30 pagi.

¹⁶⁵ Izu Hana Zilza Imran (Jurulatih Seni Tari, Sekolah Seni Malaysia Johor), dalam temubual dengan penyelidik, 10 April 2018 jam 10 pagi.

pelajar dari segi pendedahan kaki, memakai pakaian yang nipis lagi jarang serta memakai pakaian yang menyerlah warnanya.¹⁶⁶

4.3.2.2.2 Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Ketika Aktiviti Kesenian

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	C23: saya sentiasa menutup aurat ketika aktiviti kesenian.	4 (2.1%)	35 (18.6%)	20.7	49 (26.1%)	100 (53.2%)	79.3	3.30
2	C25: Saya pernah mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian.	47 (25.0%)	38 (20.2%)	45.2	56 (29.8%)	47 (25.0%)	54.8	2.55
3	C27: Saya memilih untuk mendedahkan aurat untuk berjaya dalam subjek kesenian.	47 (25.0%)	55 (29.3%)	54.3	64 (34.0%)	22 (11.7%)	45.7	2.32
4	C28: Saya tidak perlu mengur rakan-rakan yang mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian.	51 (27.1%)	84 (44.7%)	71.8	45 (23.9%)	8 (4.3%)	28.2	2.05
5	C29: Saya rasa tidak bersalah mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian.	90 (47.9%)	70 (37.2%)	85.1	17 (9.0%)	11 (5.9%)	14.9	1.73
6	C30: Untuk mencapai kemenangan dalam pertandingan kesenian, aurat	96 (51.1%)	50 (26.6%)	77.7	26 (13.8%)	16 (8.5%)	22.3	1.80

¹⁶⁶ Saadah Ibrahim, "Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefardhuan Menutup Aurat Dikalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan" (Open University Malaysia, 2012), 43.

	bukan perkara utama yang perlu djaga.							
--	---------------------------------------	--	--	--	--	--	--	--

Jadual 4.3.13 Pengamalan Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Ketika Aktiviti Kesenian

Jadual 4.3.13 menunjukkan tahap pengamalan responden terhadap kewajipan menutup aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian seperti latihan kesenian, persembahan dan pertandingan kesenian yang melibatkan pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor. Seramai 100 orang responden (53.2%) sangat bersetuju bahawa mereka sentiasa patuh kepada kewajipan menutup aurat ketika melakukan aktiviti kesenian, manakala seramai 49 orang responden (26.1%) pula bersetuju dengan kenyataan tersebut yang menunjukkan bahawa majoriti responden mematuhi etika menutup aurat dengan sempurna. Nilai min yang tertinggi pada item C23 iaitu 3.30 menyokong kenyataan ini. Namun tidak dinafikan terdapat sejumlah kecil responden yang masih mengabaikan tanggungjawab menutup aurat iaitu seramai 35 orang (18.6%) tidak bersetuju dan 4 orang (2.1%) sangat tidak bersetuju bahawa mereka menutup aurat ketika aktiviti kesenian dijalankan.

Kenyataan ini disokong oleh item C25 yang menunjukkan seramai 47 orang (25.0%) sangat bersetuju dan 56 orang (29.8%) bersetuju bahawa mereka pernah mendedahkan aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian. Peratus yang tinggi pada item ini menunjukkan bahawa kesedaran untuk menutup aurat dengan sempurna dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap yang sederhana. Responden yang bersetuju dengan kenyataan ini menunjukkan bahawa mereka seolah-olah masih belum bersedia menerima pakaian yang menutup aurat sebagai etika berpakaian mereka terutama ketika melaksanakan aktiviti kesenian. Bagi responden yang menafikan bahawa mereka pernah mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian menunjukkan bahawa mereka telah terbiasa dan selesa menutup aurat dengan sempurna. Ini dapat dilihat seramai 38 orang (20.2%)

tidak bersetuju dan 47 orang (25.0%) sangat tidak bersetuju bahawa mereka pernah mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian dijalankan.

Penyelidik yakin sebahagian responden yang masih mengabaikan etika berpakaian ketika melaksanakan aktiviti kesenian adalah disebabkan keinginan responden yang tinggi untuk mencapai kejayaan dalam bidang kesenian mereka terutama untuk mencapai gred yang baik dalam peperiksaan bagi subjek kesenian. Ini dapat dilihat pada item C27 yang menunjukkan seramai 64 orang (34.0%) bersetuju dan 22 orang (11.7%) sangat bersetuju bahawa mereka mendedahkan aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian kerana responden ingin berjaya dengan cemerlang dalam bidang kesenian. Dapatan ini sangat bertepatan dengan temubual yang dijalankan oleh penyelidik bersama jurulatih kesenian yang menyatakan bahawa setiap pelajar perlu untuk berpakaian mengikut tema persembahan meskipun terpaksa mendedahkan aurat. Sekiranya pelajar tidak mengikut tema berpakaian dalam persembahan mereka, maka ia akan boleh memberi kesan kepada markah persembahan pelajar khususnya dalam Ujian Pentaksiran Tingkatan Tiga dan Sijil Pelajaran Malaysia.

Namun tidak dinafikan terdapat juga sebahagian responden yang lebih mengutamakan untuk menutup aurat dengan sempurna berbanding pencapaian mereka dalam subjek kesenian. Ini dapat dilihat seramai 55 orang (29.3%) tidak bersetuju dan 47 orang (25.0%) sangat tidak bersetuju untuk mendedahkan aurat semata-mata untuk berjaya dalam subjek kesenian mereka.

Dapatan pada item C27 agak berbeza dengan item C30 yang menunjukkan majoriti responden beranggapan bahawa aurat merupakan perkara yang paling utama untuk dijaga berbanding kememangan yang ingin dicapai oleh mereka dalam sesuatu pertandingan pentas yang dianjurkan. Seramai 50 orang (26.6%) tidak bersetuju dan 96

orang (51.5%) sangat tidak bersetuju bahawa mereka tidak perlu menutup aurat ketika melakukan aktiviti kesenian bagi mencapai kemenangan dalam sesuatu pertandingan. Namun masih terdapat sebilangan kecil responden yang masih yakin bahawa mereka perlu untuk mendedahkan aurat untuk mencapai kemenangan dalam sesuatu pertandingan kesenian. Ini dapat dilihat seramai 26 orang (13.8%) bersetuju dan 16 orang (8.5%) sangat bersetuju dengan kenyataan ini.

Item C29 menunjukkan bahawa kesedaran yang timbul dalam diri responden sekiranya mereka mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian. Seramai 160 orang responden (85.1%) merasakan diri mereka bersalah apabila mendedahkan aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian. Peratus yang tinggi ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa perbuatan mendedahkan aurat merupakan salah satu kesalahan yang tidak boleh diingkari. Namun tidak dinafikan terdapat sejumlah kecil responden yang masih menganggap perbuatan mendedahkan aurat bukan kesalahan pada diri mereka.

Item C28 pula menunjukkan sikap ambil peduli responden terhadap rakan-rakan yang mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian. Peratus pelajar yang sangat tidak setuju bahawa mereka tidak perlu untuk menegur dan menasihati rakan-rakan yang mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian adalah seramai 51 orang (27.1%) dan 55 orang (29.3%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini yang menunjukkan peratus keseluruhan sebanyak 71.8%. Manakala seramai 45 orang (23.9%) setuju dan 8 orang (4.3%) sangat setuju bahawa mereka tidak perlu untuk menegur rakan-rakan mereka yang mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian dijalankan. Peratus yang bersetuju bahawa mereka tidak perlu untuk menegur rakan-rakan yang mendedahkan aurat ini juga turut menerangkan bahawa sebilangan responden yang masih tidak memahami konsep *amar makruf nahi mungkar* dalam diri mereka untuk membantu rakan-rakan

untuk mendapatkan kefahaman tentang ibadah atau melaksanakan tuntutan agama dengan lebih sempurna. Ini merupakan antara dapatan dan fakta penting untuk diambil berat oleh pihak sekolah, guru Pendidikan Islam, warden asrama dan ibubapa kerana agama Islam menyarankan untuk sentiasa mengamalkan konsep menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran sesama umatnya.

Apa yang penyelidik temui hasil temubual dengan guru-guru Pendidikan Islam ialah selain semua pelajar diwajibkan untuk menutup aurat semasa mereka berada di asrama, pelajar juga tidak sama sekali dibenarkan untuk mendedahkan aurat sepanjang mereka berada di kawasan sekolah. Ini kerana guru-guru sentiasa mengingatkan kepada pelajar untuk menutup aurat dengan sempurna bukan sahaja ketika proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas malah setiap kali program-program kerohanian seperti tazkirah pada hari Khamis, guru-guru khususnya guru Pendidikan Islam sentiasa mengingatkan dan menerapkan konsep menutup aurat kepada pelajar. Selain mengakui apa yang dinyatakan oleh segelintir pelajar tersebut, para guru turut menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah dengan sebilangan pelajar yang tidak menjaga aurat ketika mereka melakukan aktiviti kesenian terutama ketika persembahan pentas dan pertandingan kesenian.¹⁶⁷

Dapatan kajian ini disokong dengan kenyataan yang dilakukan oleh Zuraini Ujang (2007) yang menunjukkan bahawa majoriti responden dalam kajian beliau hanya menutup aurat dan bertudung ketika bekerja sahaja.¹⁶⁸ Ini menunjukkan bahawa amalan

¹⁶⁷ Maklumat hasil temubual penyelidik dengan Guru Pendidikan Islam, Sekolah Seni Malaysia Johor pada 10 April 2018 di surau SSeMJ jam 9 pagi.

¹⁶⁸ Zuraini Ujang, "Konsep Menutup Aurat dan Trend Berpakaian Muslimah Masa Kini. Satu Kajian Dikalangan Guru di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Jempol, Negeri Sembilan" (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2007), 43.

menutup aurat bukan dijadikan amalan harian tetapi hanya mengikut trend dan berdasarkan kepada aktiviti yang bersesuaian dengan kehendak mereka semata-mata.

4.3.2.2.3 Kaitan Amalan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Melalui Aktiviti Yang Dijalankan Di Sekolah

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	C22: Aktiviti keagamaan sangat membantu untuk saya menutup aurat.	1 (0.5%)	10 (5.3%)	5.8	69 (36.7%)	108 (57.4%)	94.1	3.51
2	C24: Matapelajaran Pendidikan Islam turut menerapkan konsep menutup aurat dengan sempurna.	1 (0.5%)	2 (1.1%)	1.6	43 (22.9%)	142 (75.5%)	98.4	3.73
3	C26: Amalan solat berjemaah menjadikan saya taat kepada perintah menutup aurat.	3 (1.6%)	14 (7.4%)	9.0	64 (34.0%)	107 (56.9%)	90.9	3.46

Jadual 4.3.14 Kaitan Amalan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Melalui Aktiviti Yang Dijalankan Di Sekolah

Jadual 4.3.14 menunjukkan kaitan amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar melalui aktiviti keagamaan seperti majlis sambutan Hari Kebesaran Islam dan Program Membudayakan al-Quran yang dijalankan secara mingguan di sekolah. Pada item C22 menunjukkan seramai 108 orang (57.4%) sangat setuju dan 69 orang (36.7%) bersetuju bahawa penyertaan mereka dalam aktiviti keagamaan di sekolah dapat meningkatkan penghayatan ibadah mereka khususnya berkaitan amalan menutup aurat dalam

kehidupan seharian mereka. Responden seramai 10 orang (5.3%) pula tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut manakala seorang pelajar (0.5%) yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Penyelidik yakin peratus yang tinggi pada pernyataan ini adalah disebabkan oleh pendedahan dalam Matapelajaran Pendidikan Islam yang diajarkan kepada mereka yang turut menerapkan konsep menutup aurat dengan sempurna. Subjek Pendidikan Islam yang diajarkan oleh Guru Pendidikan Islam ini telah memberikan mereka pendedahan yang sempurna tentang amalan menutup aurat yang dianjurkan oleh Islam. Ini dapat dilihat pada item C24 yang menunjukkan seramai 142 orang (75.5%) sangat bersetuju dan 43 orang (22.9%) bersetuju bahawa mereka telah mendapat pendedahan awal berkaitan kewajipan menutup aurat dalam subjek Pendidikan Islam yang diajarkan di sekolah. Dapatan ini juga memberi satu gambaran bahawa objektif pengajaran bagi subjek Pendidikan Islam yang diajarkan oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah ini telah dicapai dengan baik. Nilai min pada item ini berada pada tahap tertinggi iaitu sebanyak 3.73 yang memberi gambaran bahawa majoriti responden bersetuju mereka telah mempelajari, mengetahui dan memahami tentang konsep menutup aurat ketika subjek Pendidikan Islam.

Item C26 pula menunjukkan bahawa amalan solat berjemaah yang dilakukan oleh responden sepanjang mereka berada di sekolah telah membuatkan mereka menutup aurat dengan lebih sempurna. Seramai 107 orang (56.9%) sangat setuju dan 64 orang (34.0%) bersetuju bahawa penglibatan mereka dalam solat berjemaah ketika berada di sekolah menjadikan mereka lebih taat dengan kefardhuan menutup aurat. Seramai 14 orang responden (7.4%) pula tidak bersetuju manakala 3 orang (1.6%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Peratus yang tinggi pada item ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa dengan mengikuti aktiviti dan program keagamaan

yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan asrama telah membantu mereka untuk menjadi seorang pelajar yang berperibadi muslim yang baik dengan mentaati segala perintah dan suruhan Allah SWT.

Apa yang penyelidik temui hasil temubual dengan guru-guru Pendidikan Islam ialah selain pelajar dididik dan diajar mengenai kefardhuan menutup aurat melalui program-program kerohanian dan aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh pihak sekolah, pelajar juga seharusnya diberi didikan agama yang sempurna semasa mereka berada bersama ibu bapa dan keluarga di rumah. Ini kerana didikan agama dalam kalangan pelajar perlu dilaksanakan pada semua peringkat dan bukan hanya meletakkan tugas mendidik pada guru-guru yang berada di sekolah sahaja.¹⁶⁹

4.3.2.3 Bahagian D: Analisis Faktor-faktor Yang Menyebabkan Pengabaian Terhadap Kefardhuan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Ketika Aktiviti Kesenian.

Analisis tentang faktor-faktor yang menyebabkan pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian dipecahkan kepada tujuh kategori iaitu faktor diri sendiri, ibubapa, rakan sebaya, Jurulatih Kesenian, pihak sekolah, faktor keselesaan dan faktor kehendak pertandingan kesenian. Huraianya adalah seperti berikut:

¹⁶⁹ Mohd Abd. Hadi Abdullah (Guru Pendidikan Islam, Sekolah Seni Malaysia Johor), dalam temubual dengan penyelidik, 10 April 2018 jam 11.30 pagi.

4.3.2.3.1 Faktor Diri Sendiri

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	D31: Saya memilih untuk mendedahkan aurat kerana kehendak diri sendiri.	53 (28.2%)	49 (26.1%)	54.3	61 (32.4%)	25 (13.3%)	45.7	2.31

Jadual 4.3.15 Faktor Diri Sendiri

Jadual 4.3.15 menunjukkan peratus pelajar yang mengabaikan kewajipan menutup aurat kerana kehendak diri mereka sendiri. Seramai 86 orang responden (45.7%) menyokong pernyataan ini, 49 orang (26.1%) tidak bersetuju manakala 53 orang (28.2%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Peratus responden yang bersetuju bahawa mereka mendedahkan aurat kerana diri sendiri sewajarnya diberi perhatian.

Setiap pelajar samada pelajar tingkatan satu, dua atau empat mempunyai sifat dan keperibadian yang berbeza antara satu sama lain. Terdapat pelajar yang dapat melaksanakan kewajipan menutup aurat dengan sangat baik sedangkan sebahagian pelajar yang lain masih mengabaikan tanggungjawab tersebut.

Pelajar yang mematuhi kehendak syariat berkaitan tuntutan menutup aurat sebenarnya adalah pelajar yang telah berjaya menerima didikan yang telah diberikan oleh ibu bapa dan pihak sekolah. Kehidupan yang berteraskan kepada kehendak syariat dalam diri pelajar juga telah membuktikan bahawa mereka mempunyai nilai keimanan yang tinggi kepada Allah SWT dengan merasakan setiap amalan dan perbuatan seharian mereka tidak terlepas dari pandangan dan perhitungan Allah SWT.

4.3.2.3.2 Faktor Ibu bapa

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	D32: Ibu bapa cenderung mempengaruhi saya untuk mendedahkan aurat.	93 (49.5%)	70 (37.2%)	86.7	22 (11.7%)	3 (1.6%)	13.3	1.65
2	D33: Ibu bapa menggesa saya untuk berpakaian seperti artis.	91 (48.4%)	71 (37.8%)	86.2	20 (10.6%)	6 (3.2%)	13.8	1.69

Jadual 4.3.16 Faktor Ibutapa

Jadual 4.3.16 menunjukkan peratus pelajar yang mengabaikan kewajipan menutup aurat kerana dipengaruhi oleh faktor ibu bapa mereka. Seramai 163 orang responden (86.7%) tidak menyokong pernyataan ini, 22 orang (11.7%) bersetuju manakala 3 orang (1.6%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Peratus yang tinggi ini menjelaskan bahawa ibu bapa responden bukan faktor utama dalam menentukan cara mereka berpakaian khususnya dalam mematuhi adab menutup aurat dengan sempurna.

Bagi responden yang bersetuju bahawa mereka cenderung untuk mendedahkan aurat kerana dipengaruhi oleh ibu bapa adalah disebabkan keadaan ibu bapa yang tidak menghalang mereka untuk mendedahkan aurat dan tidak mendapat suasana dan gaya hidup yang bercirikan keislaman yang sempurna dalam kehidupan seharian keluarga mereka. Kehidupan responden semasa berada di rumah juga memberikan kesan kepada amalan dan tanggungjawab sebagai seorang muslim yang baik. Keadaan ini menjelaskan bahawa tiada pantauan terhadap aktiviti keagamaan yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap pelajar. Ibu bapa yang tidak tegas dalam larangan meninggalkan solat, tiada ingatan atau amaran tentang kesalahan yang dilakukan pelajar dan tiada penekanan terhadap didikan agama Islam serta tiada pengawalan dalam pergaulan atau

adab berpakaian menjadi punca kepada permasalahan ini. Bahkan lebih parah terdapat segelintir ibu bapa dan keluarga yang tidak mempamerkan suatu gaya hidup yang islamik sedang responden sangat menginginkan pengamalan dalam beribadah ketika bersama keluarga mereka.

Dapatan ini juga dikukuhkan dengan item D33 yang menunjukkan seramai 91 orang (48.4%) sangat tidak bersetuju dan 71 orang (37.8%) tidak setuju bahawa ibu bapa mereka menggesa untuk berpakaian seperti artis yang ada pada masakini. Peratus yang tinggi ini menunjukkan bahawa ibu bapa tidak menggalakkan mereka untuk meniru gaya berpakaian seperti seseorang artis yang pada kebiasaannya lebih menjurus kepada pendedahan aurat. Manakala seramai 20 orang (10.6%) bersetuju dan 6 orang (3.2%) sangat bersetuju bahawa ibu bapa menggesa mereka untuk berpakaian seperti seorang artis. Responden yang menyokong pernyataan ini membuktikan bahawa ibu bapa mereka lebih cenderung untuk memberi galakan dengan meniru gaya berpakaian seorang artis. Dapatan ini memberi gambaran bahawa sebahagian responden masih mendedahkan aurat disebabkan didikan yang diberi oleh ibu bapa mereka.

Hasil dari pemerhatian penyelidik terhadap ibu bapa yang hadir ke sekolah pada hari mereka menjemput dan menghantar pelajar di asrama, hari pendaftaran pelajar baru serta Hari Akademik turut menyokong dakwaan responden. Terdapat segelintir ibu bapa yang hadir ke sekolah dan asrama dalam keadaan berpakaian yang tidak sempurna sepertimana yang dikehendaki oleh agama.¹⁷⁰

Dapatan kajian ini turut disokong oleh pandangan yang diberikan oleh Abu al-Maududi dalam buku beliau yang telah diterjemah ke Bahasa Melayu bertajuk "*Sikap*

¹⁷⁰ Maklumat hasil lawatan penyelidik ke Sekolah Seni Malaysia Johor dan sumber dari pihak sekolah.

Islam Terhadap Pakaian”¹⁷¹ menyatakan bahawa faktor penyumbang kepada permasalahan aurat adalah kerana kurangnya teguran atau kurang mengambil berat dan tiada tindakan apabila ianya berlaku dalam masyarakat. Pendapat beliau membuktikan bahawa antara faktor penyebab kepada pengabaian menutup aurat ini adalah disebabkan oleh faktor tiada teguran dan didikan daripada masyarakat sekeliling seperti ibu bapa, ahli keluarga dan masyarakat setempat.

Pandangan beliau turut disokong dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Abd. Rahim Abd. Rashid (2006) dalam buku bertajuk “*KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*”, beliau menjelaskan bahawa ibu bapa merupakan unit masyarakat yang berperanan dalam mencorakkan sesebuah masyarakat. Ini kerana, institusi kekeluargaan menjadi tempat bagi menjana nilai-nilai kekeluargaan dan kemanusiaan melalui pemupukan kasih sayang dan didikan agama seterusnya bagi melahirkan generasi bermoral dan beretika tinggi.¹⁷²

4.3.2.3.3 Faktor Rakan Sebaya

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	D34: Rakan cenderung mempengaruhi saya untuk mendedahkan aurat.	53 (28.2%)	85 (45.2%)	73.4	40 (21.3%)	10 (5.3%)	26.6	2.04

Jadual 4.3.17 Faktor Rakan Sebaya

¹⁷¹ Abū al Maudūdi, terj. Mat Sa’ad Abd. Rahman, “*Sikap Islam Terhadap Pakaian*” (Kuala Lumpur: Penerbit Hizbi, 1986), 36.

¹⁷² Abd. Rahim Abd. Rashid, “*KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*” (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, KPM, 1993), 157.

Jadual 4.3.17 menunjukkan peratus pelajar yang mengabaikan kewajipan menutup aurat kerana dipengaruhi oleh faktor rakan sebaya mereka. Peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa mereka mendedahkan aurat kerana dipengaruhi oleh rakan mereka adalah seramai 85 orang responden (45.2%), 53 orang (28.2%) sangat tidak bersetuju manakala 40 orang (21.3%) bersetuju dan 10 orang (5.3%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini.

Peratus yang tidak bersetuju bahawa mereka mendedahkan aurat kerana cenderung dipengaruhi oleh rakan sebaya menerangkan bahawa responden tidak mudah terpengaruh dengan gaya berpakaian oleh rakan mereka yang lain ketika berada di sekolah khususnya semasa mereka melakukan aktiviti kesenian. Namun, masih wujud sebilangan pelajar yang mendedahkan aurat atas sebab terpengaruh dengan cara berpakaian rakan mereka yang lain.

Hasil temubual penyelidik dengan beberapa orang jurulatih kesenian juga mendapati bahawa terdapat segelintir pelajar yang mudah terpengaruh dengan rakan-rakan mereka yang lain dalam aspek berpakaian terutama ketika melakukan aktiviti kesenian. Apabila sebahagian pelajar melihat rakan mereka yang tanpa segan silu mengabaikan tanggungjawab memelihara aurat, maka mereka dengan mudah terikut dan merasakan perbuatan mendedahkan aurat itu tidak salah dan tidak berdosa.¹⁷³

¹⁷³ Mohamad Nizam Mohd. Yamin (Jurulatih Seni Teater, Sekolah Seni Malaysia Johor), dalam temubual dengan penyelidik, 10 April 2018 jam 12.30 tengahari.

4.3.2.3.4 Faktor Jurulatih Kesenian

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	D35: Jurulatih Kesenian tidak menetapkan pakaian yang perlu dipakai ketika aktiviti kesenian.	36 (19.1%)	75 (39.9%)	59	53 (28.2%)	24 (12.8%)	41	2.35

Jadual 4.3.18 Faktor Jurulatih Kesenian

Jadual 4.3.18 menunjukkan peratus pelajar yang mengenakan pakaian ketika aktiviti kesenian kerana dipengaruhi oleh faktor Jurulatih Kesenian mereka. Seramai 53 orang (28.2%) bersetuju dan 24 orang (12.8%) sangat setuju bahawa Jurulatih Kesenian tidak pernah menetapkan pakaian yang perlu dipakai ketika aktiviti kesenian. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar diberi hak sepenuhnya untuk memilih cara mereka berpakaian terutamanya ketika melaksanakan latihan, persembahan dan pertandingan kesenian. Dapatan turut juga membuktikan bahawa pelajar mempunyai pilihan samada ingin mengekalkan cara berpakaian menutup aurat atau bebas untuk mendedahkan aurat.

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian responden tidak menyokong pernyataan ini. Seramai 75 orang (39.9%) tidak bersetuju dan 36 orang (19.1%) sangat tidak bersetuju bahawa Jurulatih Kesenian tidak pernah menetapkan cara berpakaian ketika melakukan aktiviti kesenian. Bagi responden yang tidak bersetuju bahawa Jurulatih Kesenian tidak menetapkan cara mereka berpakaian menunjukkan Jurulatih Kesenian memainkan peranan dalam memilih pakaian yang sesuai untuk dipakai oleh pelajar termasuk pakaian yang mendedahkan aurat.

Hasil temubual penyelidik dengan Jurulatih Kesenian mendapati bahawa pelajar akan sentiasa menutup aurat ketika melakukan latihan kesenian iaitu mereka akan memakai *t-shirt*, seluar *track* dan bertudung bagi pelajar perempuan sepanjang proses latihan kesenian tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian pelajar yang masih memakai seluar yang ketat dan tudung yang diikat kebelakang serta mendedahkan bahagian dada. Jurulatih Kesenian juga menyatakan bahawa pelajar-pelajar kurang memberi penekanan terhadap aspek menjaga aurat ketika mereka melakukan proses persiapan sebelum persembahan.

Terdapat juga sebilangan pelajar perempuan yang tidak mengambil berat aspek aurat hingga mereka sanggup mendedahkan aurat di hadapan pelajar lelaki sebelum mereka melakukan persembahan dan pertandingan iaitu ketika proses persiapan diri dalam bilik studio.

Perkara ini berlaku disebabkan oleh pelajar-pelajar ini tidak mampu untuk mengawal diri mereka agar terus mempertahankan kewajipan menutup aurat dalam diri mereka kerana ingin kelihatan cantik dan keinginan untuk mempamerkan tubuh badan mereka kepada orang lain yang selama ini ditutup. Keadaan ini membuktikan bahawa keinginan mereka untuk kelihatan cantik dikhalayak umum lebih diutamakan berbanding perintah agama yang mewajibkan agar aurat dijaga dan ditutup dengan sempurna.¹⁷⁴

¹⁷⁴ Izu Hana Zilza Imran (Jurulatih Seni Tari, Sekolah Seni Malaysia Johor), dalam temubual dengan penyelidik, 10 April 2018 jam 10 pagi.

4.3.2.3.5 Faktor Pihak Sekolah

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	D36: Pihak sekolah mewajibkan saya untuk menutup aurat ketika aktiviti kesenian.	11 (5.9%)	27 (14.4%)	20.3	48 (25.5%)	102 (54.3%)	79.8	3.28

Jadual 4.3.19 Faktor Pihak Sekolah

Jadual 4.3.19 menunjukkan peratus pelajar yang menutup aurat kerana faktor arahan dan peraturan pihak sekolah yang mewajibkan setiap pelajar untuk menutup aurat ketika melakukan aktiviti kesenian. Seramai 102 orang (54.3%) sangat bersetuju dan 48 orang (25.5%) bersetuju bahawa mereka menutup aurat kerana arahan daripada pihak sekolah yang mewajibkan mereka untuk menutup aurat ketika aktiviti kesenian dijalankan. Responden seramai 27 orang (14.4%) pula tidak bersetuju manakala pelajar yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut adalah seramai 11 orang (5.9%). Bagi responden yang menafikan bahawa pihak sekolah tidak mewajibkan setiap pelajar menutup aurat ketika melakukan aktiviti kesenian menunjukkan bahawa mereka kurang memahami peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah yang sentiasa mengarahkan setiap pelajar untuk menutup aurat ketika sepanjang mereka berada di sekolah.

Beberapa orang guru dan jurulatih juga menyatakan bahawa kebanyakan pelajar ketika ditemui di asrama dan kawasan sekolah masih berpakaian menutup aurat tetapi terdapat sebahagian masa dan waktu mereka tidak mengambil kira atau mengambil

berat dari aspek menutup aurat terutama ketika membuat persembahan kesenian.¹⁷⁵

Hasil temubual dengan jurulatih kesenian turut mendapati bahawa tiada sebarang peraturan atau garis panduan berpakaian yang perlu dipatuhi oleh pelajar ketika melakukan aktiviti kesenian khususnya ketika melakukan persembahan dan pertandingan pentas.¹⁷⁶

Dapatan kajian turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Nur Afzan Muhamad (2008) yang menyatakan bahawa kebanyakan responden mampu untuk menutup aurat seawal usia 13 hingga 15 tahun kerana faktor kesedaran diri sendiri tanpa paksaan dari sesiapa. Mereka juga berpendapat bahawa sekolah sepatutnya berperanan dalam menerapkan ilmu agama dan pergaulan dengan rakan sebaya yang baik akhlaknya merupakan faktor yang mendorong untuk mereka menutup aurat.¹⁷⁷

4.3.2.3.6 Faktor Keselesaian

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	D39: Menutup aurat menjadikan saya tidak selesa untuk melakukan aktiviti kesenian.	78 (41.5%)	52 (27.7%)	69.2	34 (18.1%)	24 (12.8%)	30.9	2.02
2	D43: Memakai pakaian yang menutup aurat membataskan pergerakan saya untuk	45 (23.9%)	63 (33.5%)	57.4	61 (32.4%)	19 (10.1%)	42.5	2.29

¹⁷⁵ Maklumat diperolehi dari Guru Pendidikan Islam, Ustaz Mohd Firdaus bin Mohd Jalil dan Ustaz Mohd. Abd. Hadi bin Abdullah melalui temubual penyelidik di Sekolah Seni Malaysia Johor.

¹⁷⁶ Mohamad Nizam Mohd. Yamin (Jurulatih Seni Teater, Sekolah Seni Malaysia Johor), dalam temubual dengan penyelidik, 10 April 2018 jam 12.30 tengahari.

¹⁷⁷ Nur Afzan Muhamad, "Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan dan Pengamalan Dikalangan Masyarakat" (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008), 85.

	melakukan persembahan kesenian.							
--	---------------------------------	--	--	--	--	--	--	--

Jadual 4.3.20 Faktor Keselesaan

Jadual 4.3.20 menunjukkan faktor keselesaan pelajar dengan cara berpakaian menutup aurat ketika melibatkan diri dalam aktiviti kesenian. Seramai 34 orang (18.1%) bersetuju dan 24 orang (12.8%) sangat bersetuju bahawa mereka tidak selesa untuk melakukan aktiviti kesenian jika mereka menutup aurat dengan sempurna. Manakala, 52 orang (27.7%) tidak bersetuju dan 78 orang (41.5%) sangat tidak bersetuju bahawa menutup aurat menjadikan mereka tidak selesa untuk melakukan aktiviti kesenian. Ini menunjukkan sebahagian besar responden telah berjaya menutup aurat ketika melakukan aktiviti kesenian dan faktor keselesaan bukan faktor utama untuk mereka mendedahkan aurat.

Bagi item D43 pula menunjukkan bahawa pemakaian yang menutup aurat akan membataskan pergerakan responden untuk melakukan aktiviti kesenian. Seramai 61 orang (32.4%) responden telah bersetuju dan seramai 19 orang (10.1%) sangat bersetuju dengan kenyataan ini. Ini menunjukkan bahawa sebahagian pelajar merasakan dengan berpakaian yang menutup aurat akan menjejaskan serba sedikit pergerakan mereka dalam aktiviti kesenian. Namun melalui perbualan tidak rasmi penyelidik dengan beberapa orang pelajar mendapati bahawa majoriti pelajar yang lebih terdedah kepada amalan berpakaian yang mendedahkan aurat ini adalah terdiri daripada pelajar yang mengambil bidang seni tari dan bidang seni teater. Bagi pelajar yang mengambil bidang seni visual dan seni muzik, permasalahan berkaitan cara berpakaian mendedahkan aurat berada pada tahap yang rendah kerana keperluan untuk mereka berpakaian mengikut tema persembahan sangat sedikit. Ini dapat dilihat pada item D43 iaitu seramai 63 orang (33.5%) tidak setuju dan 45 orang (23.9%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Dapatan kajian turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd. Zazali Mohamad Zin (2008) yang menyatakan bahawa faktor yang mendorong pelajar muslim memakai pakaian yang tidak menutup aurat ketika melakukan aktiviti fizikal adalah kerana faktor keselesaan. Hasil kajian juga mendapati majoriti pelajar Islam masih tidak memahami dengan baik berkaitan aurat antara lelaki dan perempuan.¹⁷⁸

4.3.2.3.7 Faktor Kehendak Pertandingan Kesenian

BIL	ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	%	Setuju	Sangat Setuju	%	Min
1	D37: Saya akur untuk mendedahkan aurat bagi memenuhi kehendak sesuatu pertandingan kesenian.	46 (24.5%)	59 (31.4%)	55.9	62 (33.0%)	21 (11.2%)	44.2	2.31
2	D38:Sebahagian persembahan pentas memerlukan saya untuk membuka aurat.	41 (21.8%)	48 (25.5%)	47.3	74 (39.4%)	25 (13.3%)	52.7	2.44
3	D41: Saya memakai pakaian mengikut tema persembahan meskipun terpaksa mendedahkan aurat.	28 (14.9%)	47 (25.0%)	39.9	80 (42.6%)	33 (17.6%)	60.2	2.63
4	D42: Saya berasa malu apabila mendedahkan aurat ketika melakukan aktiviti kesenian.	13 (6.9%)	24 (12.8%)	19.7	65 (34.6%)	86 (45.7%)	80.3	3.19
	D44: Saya	27	47	39.4	80	34	60.7	2.64

¹⁷⁸ Mohd. Zazali Mohamad Zin, "Kecenderungan Pelajar Lelaki Memakai Pakaian Yang Tidak Menutup Aurat Semasa Bersukan: Satu Kajian di Sekolah Menengah Dato" Mohd. Yunos Sulaiman, Pekan Nenas, Pontian" (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008), 68.

5	memakai pakaian mengikut tema persembahan kerana sudah menjadi tradisi di sekolah ini.	(14.4%)	(25.0%)		(42.6%)	(18.1%)		
---	--	---------	---------	--	---------	---------	--	--

Jadual 4.3.21 Faktor Kehendak Pertandingan Kesenian

Jadual 4.3.21 menunjukkan pengabaian terhadap pemakaian yang menutup aurat kerana faktor kehendak persembahan dan pertandingan kesenian. Item D37 menunjukkan bahawa seramai 62 orang (33.0%) responden bersetuju dengan kenyataan ini manakala seramai 21 orang (11.2%) sangat bersetuju menyatakan bahawa mereka perlu untuk mendedahkan aurat bagi memenuhi kehendak persembahan kesenian mereka. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian pelajar menafikan kenyataan ini iaitu seramai 59 orang (31.4%) tidak bersetuju dan 46 orang (24.5%) sangat tidak bersetuju untuk mendedahkan aurat semasa melakukan persembahan dan pertandingan kesenian dijalankan.

Dapatan ini dikuatkan dengan hasil yang diperolehi pada item D38 dan D41 yang menunjukkan bahawa majoriti responden mendedahkan aurat kerana mengikut tema persembahan kesenian seperti yang dikehendaki oleh penganjur sesuatu pertandingan. Seramai 80 orang (42.6%) bersetuju dan 33 orang (17.6%) sangat bersetuju bahawa mereka mendedahkan aurat kerana mematuhi tema berpakaian bagi sesuatu persembahan kesenian yang menjadikan peratus pada item D41 adalah 60.2% melebihi separuh dari jumlah responden.

Meskipun majoriti responden bersetuju mendedahkan aurat kerana mereka patuh kepada kehendak persembahan dan pertandingan, namun peratus yang tinggi dapat dilihat pada item D42 yang menunjukkan bahawa responden berasa malu untuk mendedahkan aurat ketika melakukan aktiviti kesenian terutama ketika persembahan

dan pertandingan pentas. Seramai 65 orang (34.6%) bersetuju manakala 86 orang (45.7%) sangat bersetuju dengan kenyataan ini menjadikan secara keseluruhan majoriti seramai 151 orang (80.3%) responden masih mempunyai sifat malu meskipun terpaksa mendedahkan aurat ketika melaksanakan aktiviti kesenian. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan masih terdapat sebilangan kecil responden yang tidak mempunyai perasaan malu dengan mendedahkan aurat untuk dilihat oleh orang lain.

Penyelidik merasakan bahawa punca utama responden berasa tidak bersalah dan malu mendedahkan aurat kepada khalayak umum ketika melaksanakan aktiviti kesenian ini kerana perbuatan mendedahkan aurat ini telah menjadi suatu tradisi sekolah sejak penubuhannya. Ini dapat dilihat pada item D44 yang menunjukkan bahawa seramai 80 orang (42.6%) bersetuju dan 34 orang (18.1%) sangat bersetuju dengan kenyataan item ini. Majoriti responden bersetuju bahawa mereka mendedahkan aurat kerana telah terbiasa dengan situasi dan keadaan di sekolah berdasarkan kepada cara berpakaian pelajar-pelajar yang terdahulu ketika aktiviti kesenian dijalankan.

Melalui pemerhatian dan dapatan penyelidik dalam beberapa sesi temubual juga mendapati bahawa pelajar di sekolah ini tidak menjaga adab berpakaian yang sesuai kerana terikut dengan gaya serta pengamalan berpakaian pelajar-pelajar yang lebih senior daripada mereka yang menjadikan isu mendedahkan aurat ini menjadi perkara biasa dalam kalangan mereka. Demikianlah corak hidup dan amalan berpakaian yang menjadi amalan pelajar di sekolah ini berdasarkan kepada situasi dan tradisi sejak sekolah ini ditubuhkan. Inilah yang dinyatakan oleh guru-guru serta jurulatih kesenian kepada penyelidik dalam temubual yang telah dijalankan.¹⁷⁹

¹⁷⁹ Maklumat hasil lawatan dan pemerhatian penyelidik ke SSeMJ dan sumber pihak sekolah.

4.4 Kesimpulan

Hasil dari soal selidik yang telah diedarkan kepada responden dan sesi temubual yang telah dijalankan untuk mengetahui tahap amalan dan pengetahuan pelajar serta faktor-faktor pengabaian menutup aurat dalam kalangan pelajar sekolah ini, penyelidik mendapati bahawa Sekolah Seni Malaysia Johor sebenarnya telah berjaya menyediakan suatu program pendidikan yang sangat sempurna dalam melahirkan pelajar yang berilmu dan berkeperibadian mulia serta memenuhi keperluan modal insan yang bersesuaian kehendak agama.

Setiap pelajar yang dipilih untuk mengikuti pengajian di sekolah ini pula telah mengikuti dan menerima didikan agama dengan sangat sempurna melalui program-program dan aktiviti yang diterapkan kepada pelajar sehingga mereka mampu untuk menjadikan diri mereka seorang insan yang memiliki kekuatan fizikal dan mental serta mempunyai tahap intelektual yang tinggi dalam bidang kesenian sebagai nilai tambah kepada mereka. Hasil gabungan bagi kesemua faktor-faktor utama ini, diharapkan negara akan terus memiliki kesinambungan sumber modal insan yang sempurna terutama dalam melahirkan pelajar yang memiliki tahap pengetahuan berkaitan kesenian yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan berkaitan rumusan kepada kajian mengenai kefahaman dan amalan pelajar terhadap kefardhuan menutup aurat khususnya ketika mereka melaksanakan sebarang aktiviti latihan serta persembahan kesenian. Selain itu, rumusan kajian juga membincangkan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan pengabaian terhadap kewajipan menutup aurat dalam kalangan pelajar yang menuntut di Sekolah Seni Malaysia Johor. Tujuan perbincangan ini dilakukan supaya kesimpulan dapatan kajian dapat dibentuk serta memudahkan bagi penyelidik untuk membuat saranan dan cadangan yang bersesuaian dengan objektif kajian. Secara ringkas, dalam bab ini perbincangan terbahagi kepada lima komponen iaitu ringkasan kajian, rumusan kepada kajian, hasil dapatan bagi setiap objektif kajian, saranan kajian lanjutan dan penutup bagi kajian ini.

5.2 Ringkasan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk melihat kefahaman, amalan dan faktor-faktor pengabaian pelajar yang sedang menuntut di Sekolah Seni Malaysia Johor terhadap kefardhuan dan tuntutan menutup aurat khususnya ketika mereka melaksanakan sebarang aktiviti kesenian.

Kecemerlangan dan pencapaian pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor dalam bidang akademik dan kesenian telah menarik minat penyelidik untuk menjalankan

kajian berhubung dengan amalan menutup aurat dalam kalangan mereka terutama ketika mereka melakukan kegiatan kesenian dan persembahan pentas. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar berkaitan kewajipan menutup aurat. Ia dilihat berdasarkan kepada pencapaian matapelajaran Pendidikan Islam serta pendidikan awal agama sebelum mereka diterima masuk ke sekolah ini.

Penyelidik juga ingin mengetahui tahap amalan dan penghayatan berkaitan tuntutan menutup aurat dalam kalangan pelajar sekolah ini sama ada mereka berjaya menerapkan pengetahuan yang mereka miliki ke dalam kehidupan dan hubungan sosial mereka. Seterusnya, penyelidik ingin melihat kefahaman pelajar mengenai konsep menutup aurat, etika berpakaian pelajar serta batasan pergaulan pelajar sepanjang mereka berada di sekolah ini.

Penyelidik turut membuat perbandingan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan sebahagian daripada pelajar mengabaikan tanggungjawab mereka dalam kewajipan menutup aurat ketika mereka melakukan aktiviti kesenian. Persoalan terakhir yang ingin dikaji adalah adakah aktiviti kerohanian dan keagamaan yang dijalankan oleh guru-guru dan pihak pentadbiran sekolah membantu pelajar ke arah penghayatan kepada tuntutan menutup aurat dalam kalangan pelajar.

5.3 Rumusan Kajian

Kajian terhadap amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar khususnya ketika mereka melaksanakan aktiviti kesenian adalah sangat penting untuk dijalankan. Ini kerana pelajar sekolah dalam kelompok remaja ini merupakan aset berharga dalam perkembangan dan pembangunan sesebuah negara. Seorang pelajar atau remaja ini

menjadi harapan kepada agama dan negara dari kedua-dua aspek pencapaian akademik dan juga sahsiah diri yang mulia. Oleh itu, ketaatan kepada perintah agama khususnya berkaitan kewajipan menutup aurat adalah amat penting untuk dihayati dan diamalkan oleh setiap orang muslim seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Dua.

Oleh kerana kajian ini membabitkan kajian lapangan, maka pada Bab Ketiga, penyelidik telah memperkatakan tentang tempat kajian ini dilakukan. Penyelidik telah memilih Sekolah Seni Malaysia Johor (SSeMJ) sebagai tempat kajian kerana ia merupakan sekolah seni pertama yang ditubuhkan di Malaysia yang diletakkan dibawah pentadbiran Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan ia merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan dalam bidang akademik dan kesenian.

Sungguhpun kualiti akademik pelajar di sekolah ini agak menurun berbanding suatu ketika dahulu, namun sekolah ini masih menjadi pilihan ibubapa untuk menghantar anak mereka bagi meneruskan pendidikan di peringkat menengah dalam bidang kesenian.

5.4 Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini menjawab objektif kajian seperti yang telah dinyatakan dalam Bab Satu. Perbincangan hasil dapatan kajian ini pula adalah berpandukan kepada dapatan kajian yang telah dinyatakan di dalam Bab Empat.

Dapatan kajian telah dirumuskan kepada tiga bahagian utama iaitu latarbelakang pengetahuan berkaitan aurat, amalan menutup aurat dan faktor-faktor pengabaian

terhadap kefardhuan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika melakukan aktiviti kesenian dan persembahan pentas.

5.4.1 Latar Belakang Asas Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor

Dapatan kajian menunjukkan 80.8% dari jumlah responden kajian ini telah mendapat pendidikan awal agama sebelum meneruskan pengajian di peringkat menengah. Hasil dapatan kajian berkaitan pendidikan awal agama ini, 154 orang responden (81.9%) telah mula menutup aurat sejak dibangku sekolah rendah. Selain itu, bilangan responden yang mendapat pencapaian Cemerlang dalam peperiksaan Pendidikan Islam di sekolah ini seramai 92 orang (48.9%) dan selebihnya mencapai gred Lulus menunjukkan tahap pengetahuan agama pelajar di sekolah ini berada pada tahap yang sangat memuaskan.

Secara umumnya, bolehlah dinyatakan bahawa sebahagian besar responden kajian telah pun mendapat didikan dan pendedahan agama sebelum mereka belajar di Sekolah Seni Malaysia Johor. Pengambilkiraan pendidikan awal agama di peringkat sekolah rendah, pencapaian dalam subjek Pendidikan Islam dan pencapaian umur ketika mula menutup aurat adalah kerana tiga perkara ini membuktikan bahawa majoriti responden telah mempunyai pengetahuan berkaitan agama Islam dan tidak mempunyai sebarang masalah berkaitan asas-asas hukum agama khususnya mengenai adab serta nilai Islam dalam pergaulan dan berpakaian.

Persediaan awal memiliki pengetahuan asas Islam adalah penting kepada seorang pelajar sejak dibangku sekolah rendah lagi. Selain mudah untuk memahami, mengamalkan dan menghayati konsep beribadah, adab pergaulan serta etika berpakaian,

pelajar yang mempunyai pengetahuan awal asas-asas ibadah dan hukum dalam Islam akan dapat meningkatkan penghayatan ibadah serta tahap pengamalan etika menutup aurat dengan lebih sempurna setelah mereka mengikuti pelajaran di sekolah ini sehingga tahap yang lebih cemerlang tanpa mengeneipkan hukum hakam yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

5.4.2 Kefahaman Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor (SSeMJ)

Dapatan kajian ini akan menyatakan empat huraian berkaitan tahap Kefahaman terhadap kewajipan menutup aurat dalam kalangan pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor.

Pertama: Pengetahuan dan kefahaman tentang perintah atau kewajipan menutup aurat yang merupakan suatu tuntutan agama yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah menunjukkan bahawa seramai 167 responden (88.8%) memahami bahawa memelihara aurat adalah suatu perintah daripada Allah SWT dan tuntutan ini sangat bersesuaian mengikut peredaran zaman dan tempat.

Kedua: Pendedahan aurat kepada individu yang bukan *mahram* menjadikan perbuatan tersebut haram dan berdosa menunjukkan peratus yang tinggi iaitu 98.9% bersamaan sejumlah 186 orang responden. Selain pengetahuan berkaitan hukum terhadap pengabaian tuntutan menutup aurat, responden juga sangat bersetuju bahawa setiap individu muslim yang telah mencapai usia *baligh*, wajib ke atas mereka untuk menutup aurat dengan sempurna.

Ketiga: Pengetahuan mengenai batas-batas aurat dalam kalangan responden menunjukkan peratus setuju yang tinggi iaitu 100% melibatkan 188 responden. Selain

responden mengetahui batasan aurat bagi seorang lelaki, mereka juga sangat mengetahui dan memahami bahawa seseorang yang memakai pakaian yang jarang dan ketat juga dikira mendedahkan aurat.

Keempat: Dalam menghayati konsep menutup aurat dalam kehidupan, responden dilihat sangat mengetahui dan memahami kesan terhadap pengabaian tuntutan menutup aurat. Peratus kefahaman berkaitan kesan mendedahkan aurat yang tinggi oleh responden ialah seseorang individu yang mendedahkan aurat dikira melakukan perbuatan dosa besar dan akan dimurkai Allah SWT kepada pelakunya.

5.4.3 Amalan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Ketika Melaksanakan Aktiviti Kesenian

Secara umumnya, hasil dari analisis data Bab Empat, bolehlah penyelidik simpulkan di sini bahawa tahap amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian berada pada tahap sederhana.

Pertama: Dalam pengamalan menutup aurat dalam kehidupan seharian, responden menyatakan mereka hanya menutup aurat ketika berada di kawasan sekolah sahaja berdasarkan kepada jumlah responden yang setuju iaitu 37.2% melibatkan 70 orang responden. Selain menyatakan mereka telah mula menutup aurat ketika mencapai usia *baligh*, dapatan berlainan menunjukkan bahawa mereka sekurang-kurangnya pernah mengenakan pakaian yang nipis dan menampakkan bentuk badan. Ini membuktikan tahap amalan mereka masih tidak bertepatan dengan pengetahuan asas agama yang telah mereka perolehi ketika berada di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Kedua: Pengamalan menutup aurat ketika melakukan aktiviti kesenian dalam kalangan responden telah menunjukkan lebih separuh dari mereka menyatakan pernah mendedahkan aurat ketika melakukan aktiviti tersebut iaitu 103 orang (54.8%). Selain mereka menyatakan rasa bersalah melakukan pendedahan aurat tersebut, perbuatan ini terpaksa dilakukan di atas sebab mereka ingin mendapatkan markah yang terbaik dalam ujian kesenian dan keinginan untuk mencapai kemenangan dalam sesuatu pertandingan kesenian yang dipertandingkan.

Ketiga: Penyelidik mendapati, semua aktiviti keagamaan dan kerohanian yang dianjurkan oleh pihak sekolah telah berjaya membantu pelajar untuk meningkatkan tahap penghayatan dan amalan menutup aurat dalam kalangan mereka. Program yang dijalankan juga berjaya menarik minat pelajar untuk mengikutinya. Peratusan yang tinggi menunjukkan aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak sekolah telah berjaya memberi kefahaman dan pengetahuan bahkan sewajarnya dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Pelajar juga mempunyai kemampuan dan kepercayaan yang tinggi bahawa mereka mampu untuk mengamalkan tuntutan menutup aurat setelah mengikuti setiap program kerohanian yang dijalankan oleh pihak sekolah seperti amalan solat berjemaah yang sentiasa dipraktikkan oleh semua warga sekolah seni.

5.4.4 Faktor-faktor Pengabaian Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Ketika Melaksanakan Aktiviti Kesenian

Pengabaian terhadap kefardhuan menutup aurat dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor seperti kehendak diri sendiri, ibubapa, rakan sebaya, Jurulatih Kesenian, pihak sekolah, faktor keselesaan dan faktor kehendak pertandingan kesenian.

Pertama: Pengabaian tuntutan menutup aurat atas faktor kehendak diri sendiri dalam kalangan responden menunjukkan peratus 45.7% melibatkan 86 orang responden. Ini jelaskan menunjukkan bahawa setiap pelajar mempunyai keperibadian dan karektor yang berbeza dalam memahami dan mematuhi perintah menutup aurat dalam urusan seharian mereka. Pelajar yang mematuhi kehendak syariat berkaitan tuntutan ini membuktikan bahawa mereka telah berjaya menerima didikan yang baik oleh ibu bapa dan pihak sekolah.

Kedua: Kehidupan sosial pelajar juga adalah lebih bercorak hidup remaja Islam melalui pemakaian yang sopan dan menutup aurat dengan menepati garis panduan berpakaian seorang Islam. Didikan berkaitan cara berpakaian mengikut kehendak agama bermula dari ibu bapa yang memberikan contoh teladan kepada anak mereka. Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian menunjukkan peratus tidak bersetuju yang tinggi iaitu 86.7% melibatkan 163 orang responden bahawa ibu bapa tidak pernah mempengaruhi mereka untuk mendedahkan aurat samada ketika menjalankan aktiviti harian mahupun ketika melakukan aktiviti kesenian. Selain faktor ibu bapa yang tidak mempengaruhi mereka untuk mendedahkan aurat ketika melakukan aktiviti persembahan kesenian, ibu bapa responden juga tidak menggalakkan anak mereka untuk mengikut atau meniru gaya seorang artis yang berpakaian secara keterlaluan.

Ketiga: Faktor rakan sebaya juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dalam kalangan pelajar dalam menentukan cara berpakaian yang sesuai dengan tema persembahan yang mereka lakukan. Majoriti responden tidak bersetuju bahawa mereka mendedahkan aurat kerana cenderung dipengaruhi oleh rakan sebaya menerangkan bahawa responden tidak mudah terpengaruh dengan gaya berpakaian oleh rakan mereka yang lain ketika berada di sekolah khususnya semasa mereka melakukan aktiviti

kesenian. Namun, masih wujud sebilangan pelajar yang mendedahkan aurat atas sebab terpengaruh dengan cara berpakaian rakan mereka yang lain.

Keempat: Penentuan cara berpakaian ketika melakukan aktiviti dan persembahan kesenian juga tidak dipengaruhi oleh faktor Jurulatih Kesenian. Ini kerana Jurulatih Kesenian tidak pernah menetapkan etika berpakaian yang sesuai ketika pelajar melakukan persembahan pentas. Pelajar diberikan hak sepenuhnya dalam menentukan cara mereka berpakaian terutama ketika melaksanakan latihan, persembahan mahupun pertandingan kesenian. Pelajar sebenarnya mempunyai pilihan samada ingin mengekalkan cara berpakaian menutup aurat atau bebas untuk mendedahkan aurat.

Kelima: Pihak sekolah telah menetapkan suatu peraturan bahawa kesemua pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor wajib untuk menutup aurat sepanjang mereka berada di kawasan sekolah. Namun, peraturan menutup aurat ini hanya diwajibkan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran sahaja tidak termasuk ketika responden melakukan aktiviti persembahan dan pertandingan kesenian. Bagi pelajar yang berpegang teguh kepada perintah kewajipan menutup aurat, segalanya bergantung kepada kekuatan dan keazaman masing-masing untuk meneruskan amalan berpakaian yang sempurna kerana tiada sebarang undang-undang atau peraturan khas yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

Keenam: Pelajar yang menuntut di sekolah seni memerlukan mereka untuk melakukan banyak pergerakan fizikal yang aktif. Berpakaian yang agak keterlaluan dalam menutup aurat juga kadangkala membataskan pergerakan mereka. Namun, majoriti responden menegaskan bahawa mereka masih selesa untuk melakukan sebarang aktiviti kesenian meskipun dalam keadaan menutup aurat dengan sempurna.

Ketujuh: Sebahagian persembahan dan pertandingan kesenian memerlukan responden untuk mendedahkan aurat. Pelajar juga mengakui bahawa mereka terpaksa akur untuk

mendedahkan aurat bagi memenuhi kehendak sesuatu pertandingan kesenian. Ini membuktikan bahawa menuruti tema berpakaian bagi sesuatu persembahan menjadi perkara yang penting meskipun mereka terpaksa mengingkari kewajipan menutup aurat sebagai seorang muslim. Bagi responden yang merasakan mereka terpaksa mendedahkan aurat kerana patuh kepada kehendak pertandingan, pelajar dilihat masih mempunyai sifat malu ketika melakukan perbuatan tersebut tetapi mereka menyatakan bahawa amalan mendedahkan aurat ketika aktiviti kesenian ini telah menjadi tradisi dan ikutan dalam kalangan pelajar berdasarkan kepada cara berpakaian pelajar-pelajar terdahulu yang pernah menuntut di sekolah ini.

5.5 Saranan

Untuk meningkatkan tahap pengamalan menutup aurat dalam kalangan pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor ketika aktiviti kesenian, penyelidik telah membuat saranan seperti berikut:

1. Para pelajar hendaklah mengetahui pengertian sebenar perintah menutup aurat yang dianjurkan oleh agama Islam. Peluang belajar di Sekolah Seni Malaysia Johor ini sewajarnya digunakan semaksima mungkin dengan belajar bersungguh-sungguh dan bersedia mengikuti setiap aktiviti kerohanian dan keagamaan yang pihak sekolah sediakan dengan penuh minat. Memahami dan menghayati konsep menutup aurat adalah penting bagi membolehkan mereka menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.
2. Kepada pihak sekolah pula, penyelidik mengharapkan agar dapat meneruskan semua usaha ke arah melahirkan modal insan yang cemerlang

pencapaian akademik, kesenian dan sahsiah diri tanpa mengeneipkan nilai-nilai Islam dalam diri pelajar mereka. Perbanyakkan aktiviti kerohanian yang boleh membantu mutu penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar. Ketegasan pentadbiran sekolah dalam soal disiplin dan penerapan nilai sahsiah diri pelajar juga perlu diteruskan. Pihak sekolah tidak sewajarnya berlembut dengan pelajar terutama dalam hal pergaulan dan pendedahan aurat secara berleluasa ketika aktiviti kesenian. Ini kerana, walaupun belajar di sebuah sekolah seni, mereka juga merupakan seorang remaja seperti pelajar sekolah lain yang masih wajib patuh kepada peraturan dan suruhan Allah SWT. Jiwa seorang remaja penuh dengan kekeliruan dan memerlukan bantuan serta bimbingan oleh orang dewasa termasuk dari seorang guru.

3. Kepada ibu bapa dan keluarga pula, penyelidik ingin menyarankan agar mereka dapat mempersiapkan diri dengan penguasaan ilmu agama yang tinggi serta dapat mengamalkan budaya hidup Islam dalam semua aspek kehidupan. Ini penting kerana perkara yang menjadi asas kejayaan kepada seorang remaja baik di bidang akademik mahupun sahsiah diri adalah paduan pendidikan Islam yang diterima di sekolah dan di rumah.
4. Kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Kesenian dan Kokurikulum serta Jabatan Pendidikan Negeri, suatu peraturan khusus berkaitan etika berpakaian dalam kalangan pelajar ketika aktiviti kesenian perlulah diwujudkan dengan menjadikan penutupan aurat sebagai perkara utama untuk dititikberatkan.
5. Kepada masyarakat sekeliling pula, janganlah sekadar mengharapkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah sahaja dalam melahirkan pelajar yang cemerlang tanpa sama-sama berusaha mencapainya. Masyarakat sekeliling perlu mengamalkan sikap "*Anak orang*

anak kita” dengan sama-sama mengikuti perkembangan remaja masa kini serta dapat memberikan buah fikiran dan jalan penyelesaian kepada setiap permasalahan yang berlaku.

6. Kepada media massa melalui media cetak dan elektronik pula, kajian ini diharapkan dapat memandu mereka dalam menyediakan bahan yang boleh membantu pelajar menghadapi hidup yang penuh mencabar hari ini.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Di sini, penyelidik ingin membuat beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan oleh mana-mana penyelidik:

1. Kajian boleh dikembangkan kepada anggota masyarakat sekeliling dengan skala yang lebih besar. Penyelidik menyarankan supaya tinjauan dibuat dalam kalangan masyarakat kini yang masih lagi tidak menutup aurat dengan sempurna khususnya wanita Islam seperti memakai *t-shirt* berlengan pendek, berseluar ketat, baju jarang dan nipis, memakai tudung yang menampakkan telinga, leher dan sebagainya.
2. Membuat perbandingan tahap pengetahuan dan amalan menutup aurat di antara pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor dengan pelajar sekolah seni yang lain seperti Sekolah Seni Malaysia Kuching dan Sekolah Seni Kuala Lumpur.
3. Mengkaji peranan dan contoh teladan yang diberikan oleh para guru di sekolah ini. Kajian boleh meliputi aspek penghayatan terhadap amalan menutup aurat dan penampilan diri seorang guru di sekolah seni seperti ini.

4. Mengkaji peranan yang telah dan akan dimainkan oleh pihak Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam menetapkan suatu peraturan dan etika berpakaian dalam kalangan pelajar bidang seni ini sebagai pusat pendidikan kesenian yang cemerlang.
5. Mengkaji program dan aktiviti kerohanian yang disumbangkan oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam menjayakan pelan pendidikan dan mengisi keperluan bimbingan yang diharapkan oleh remaja Islam hari ini.

5.7 Kesimpulan

Untuk menutup perbincangan pada bab ini, penyelidik ingin menyimpulkan bahawa pentingnya penghayatan terhadap amalan menutup aurat terhadap seorang remaja Islam yang bergelar pelajar tanpa mengira bidang pengajian mereka. Hasil dari kepatuhan terhadap tuntutan menutup aurat tersebut, maka akan lahirlah seorang individu muslim yang cemerlang dari pelbagai aspek kehidupan.

Kesepaduan buah fikiran dan tenaga kerja dari pihak pelajar, ibu bapa, guru, masyarakat setempat dan Kementerian Pendidikan Malaysia akan memudahkan lagi proses Pendidikan Islam untuk dilaksanakan dengan lebih berkesan sehingga melahirkan modal insan yang sempurna. Semoga Sekolah Seni Malaysia Johor akan terus cemerlang dalam segenap bidang pendidikan tanpa mengeneipkan unsur-unsur keagamaan dalam urusan kehidupan mereka serta menjadi contoh teladan kepada masyarakat dan sekolah-sekolah yang lain.

BIBLIOGRAFI

AKHBAR

Rose Lena Lazemi. "3,980 Kes Remaja Hamil Setahun," *Berita Harian*, 15 November 2015.

BUKU

BAHASA ARAB

„Abd al-Qādir al-Rāzī (t.t), *Mukhtār al-Sahah*. Kaherah: Dār al-Hadīth.

„Abd al-Rahman al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh „Aa al-Mazāhib al-Arba‘ah*, Berūt: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, 2003.

Abū Bakr bin al-Saīyyid Muhammad Syathā al-Dimyāthī, *Hāsiyyah I‘ānah al-Thālibīn*, Jld.1. Damaskus: Dār al-Qalam, 1990.

Abū Bakr bin al-Saīyyid Muhammad Syathā al-Dimyāthī, *Hāsiyyah I‘ānah al-Thālibīn*, Damsyik: Dār al-Fikr, 1994.

Abū Dawūd, *Sunan Abī Dawūd*, j.2, Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Abū Dawūd, *Sunan Abī Dawūd*, j.6., Beirut: Dār al-Risālah al-„ālamīyyah, 2009.

Abū al-Taīyyib, Muhammad Syams al-Dīn al-„Azīm, „*Ain al-Ma‘būd „Aa Syarh Sunan Abī Dāud* J. 11. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, 1994.

Ahmad Mokhtar Omar et al., *Ma‘jam al-Arabi al-Asāsi*. Jamiah Daulah al-Arabiah, 1988.

Al-Fāsi, „Alal, *Maqāsid al-Syarī‘ah al-Islāmīyyah wa Makārimuhā*. Iskandariah: Dār al-Salām. 2011.

Ibn „Ashūr, Muhammad al-Tāhir, *Maqāsid al-Syarī‘ah al-Islāmīyyah*. Kaherah: Dār al-Salām. 2012.

- Ibn Hajar al-Haithamī, *al-Zawājir „an Iqtirāf al-Kabā’ir* Jld. 1. Beirūt: Dār al-Fikr, 1988.
- Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-„, Āzim* Jld. 3. Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1993.
- Ibn Najīm, Syeikh Zaīn al-Dīn bin Ibrāhīm bin Muhammad al-Ma’rūf Ibn Najīm, *al-Bahru al-Rāiq Syarh Kanzu al-Daqāiq Fī Furū’ī al-Hanafīyyah*, Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, 1997.
- Ibn Muflih, Shams al-Dīn Muhammad bin Muflih al-Maqdisī, *al-Furū’*, Ammān: Baīt al-Afkār al-Daūliyyah, 2004.
- Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Jld. 1. Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah. 1994.
- Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, 2002.
- Fakhruddin al-Razi, *Tafsīr al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-„Alamīyyah, t.th., Jilid XII.
- Al-Kayaharrasī, *Ahkām al-Qurān* Jld. 3. Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, t.t.
- Al-Khin, Mustafa et. al, *al-Fiqh al-Manhaji „Aa Madhāhib al-Imām al-Syafi’ī* Beirut: Dār al-Syāmīyyah. 1996.
- Mamdūh Mahmūd „Abd al-Rahman, *al-Zīnah wa al-Jamāl Fī Mīzān al-Islām*. Kaherah: Maktabah al-Zahrā’. 1996.
- Mansūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūtī, *Kasyāf al-Qinā’ „An Matnī al-īqnā’*, Beirūt: „ālam al-Kutub, 1983.
- Muhammad bin Idrīs al-Shāfi’ī, *al-Umm*, Beirūt: Dār al-Fikr, 2001.
- Musa’id Ibnu Qāsim, *Ahkām al-„, Awrat wa al-Nadhar*, Riyādh: Maktabah Ma’arif, t.th.
- Mustafa Karāmah, *Qawā’īdal-Wasāil Fī al-Syarī’ ahal-Islāmīyyah: Dirāsah Usūliyyah Fī Daw’ al-Maqāsid al-Syarī’ah* Riyādh: Dār Asybiā. 1999.
- Al-Nawawī, *al-Majmu’*, Jld.3. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-Islamī. 2001.
- Al-Nawawī, *al-Majmu’ „Alā Syarh al-Muhaddhab* Jld. 3. Beirūt: Dār al-Fikr, t.t,

- Al-Nawawī, *Sahīh Muslim bī Syarh al-Nawawī*, J.3. Kaherah: Dār al-Fikr, 1981.
- Al-Qurtubī, Abī „Abdillāh Muhammad Ahmad Abī Bakr, *al-Jāmi‘ li Ahkam al-Qurān* Jld. 9. Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2006.
- Al-Raysūnī, Ahmad, *Nazariyah al-Maqāsid „hda Syātibi*. Riyādh: Dār al-„Ilmīyyah Kitāb Islāmi. 1992.
- Al-Sabūniy, Muhammad „Alī, *Safwah al-Tafāsir Tafsir al-Qurān al-Karīm*. j.2. Kaherah: Dār al-Sabūniy. 1997.
- Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Fikr. 1977.
- Al-Sharbasī, *Yas‘ alūnaka Fī al-Dīn wa al-Hayāh* Jld. 3. Beirūt: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Sharbīnī, Syams al-dīn Muhammad bin al-Khatīb al-Syarbīnī, *Muhgnī al-Muhtāj*, Beirut: Dār al-Makrifah, 1997.
- Al-Sharanbalālī, *Matan Nūr al-īdhāh Fī al-Fiqh „Aa Mazhab al-Imām al-„Aam Abī Hanīfah al-Nu‘mān* (t.t.p, t.t).
- Al-Shaukānī, *Fath al-Qādir* Jld. 2. Beirūt: „Alam al-Kutub, t.t.
- Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengerian al-Quran*. c.12. Kuala Lumpur: Darul Fikir. 2001.
- Al-Tirmidhī, Abu Isa Muhammad bin Isa al-Tirmidhī, “Sunan al-Tirmidhī.” Dalam *al-Jami‘ al-Mukhtasar Min al-Sunan „An Rasūlullah wa Ma‘rifah al-ṣahih wa al-Ma‘lul wa Mā „Alāihi al-„Anal*, ed. ṣudqī al-„Aṭṭār. Beirūt: Dār al-Fikr, 2005.
- Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* j.1. Damaskus: Dār al-Fikr, 2008.
- Al-Zarqānī, „Abd al-Baqī bin Yūsuf bin Ahmad bin Muhammad al-Zarqānī al-Misrī, *Syarh al-Zarqānī „Aā Mukhtasar Saīdī Khalīl*, Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmīyyah, 2002.
- Al-Zaydan, „Abd al-Karīm, *al-Mufassal Fī Ahkām al-Mar‘āhwa Bayt al-Muslim Fī al-Syarī‘ah al-Islāmīyyah*. J.3. Beirut: Muassasah al-Risālah. 2000.

BAHASA INGGERIS

Bond, T. G., & Fox, C. M., *Applying The Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. (New York & London: Routledge & T. & F. Group, Eds., Third Edition, 2015). Jonathan Crowther. *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. ed. 5. New York: Oxford University Press, 1995.

Krejcie, R.V & Morgan, D.W., *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 1970.

Sulaiman Shamsuri. *Passport to Skillful Writing of Assignments, Reports and Dissertations*. Selangor: Universiti Industri Selangor, 2005.

BAHASA MELAYU

Abdul Ghani Shamsuddin, Ishak Hj. Sulaiman dan Engku Ibrahim Ismail, *Seni dalam Islam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2001.

Abd. Rahim Abd. Rashid. *KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, KPM, 1993.

Abu Syuqqah, *Busana dan Perhiasan Wanita Menurut al-Quran dan Hadis*, Bandung: Penerbit al-Bayan, 1990.

Abu Urwah, *Risalah Usrah*, j.2, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1992.

A.D.C. Peterson (t.t). Abdullah Hassan (terj.), *Pendidikan Seratus Tahun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah*, Jld. V, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Ahmad Mahdzan Ayob. *Kaedah Penyelidikan Sosio-ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Arbah Othman. *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 2005.

- Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor, Sekolah Seni Malaysia Johor, 2017.
- Buku Pengurusan Sekolah Seni Malaysia Johor, Sekolah Seni Malaysia Johor, 2016.
- Husein Muhammad. *Fiqh Wanita: Pandangan Ulama Terhadap Wacana Agama dan Gender*. Selangor: Penerbit Sister in Islam, 2004.
- Imam Barnadib. *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB – IKIP, 1982.
- Ismail Dahaman et al. *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Koentjaraningrat. *Metod-metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramadia, 1977.
- Majalah Citra Sari, Majalah Tahunan Sekolah Seni Malaysia Johor, Pasir Gudang, Edisi 2009.
- Marohaini Mohd Yusoff. ed., *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- Mashitah Tahrān. *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- al-Maudūdī. *Sikap Islam Terhadap Pakaian*, terj. Mat Sa'ad Abd. Rahman (Kuala Lumpur: Penerbit Hizbi, 1986.
- Md. Izzuddin Ali. *Jaga Pandangan Orang*. Selangor: Pustaka Ilmi, 2007.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti teknologi Malaysia, 1999.
- Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

- Mohd Salleh Lebar, *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*, Selangor: Thinkers Library, 2007.
- Muhammad Athiyah Khumais. *Fiqh Wanita*. Selangor: Masterpiece Publication Sdn.Bhd., 2006.
- Noresah Baharom et al. *Kamus Dewan*, ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Rokiah Ahmad, *Mengapa Aurat Haram Didedah? Satu Realiti Masa Kin*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 2004.
- Shofiah Ahmad. *Aurat: Kod Pakaian Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd, 2004.
- Sidi Gazalba, *Pandangan Islam tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977.
- Udah Mohsin, *Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim*, c.2. Shah Alam: Penerbitan Hizbi. 1986.
- Zakiah Abdul Hamid. *Kamus al-Ma'rifah Arab-Jawi*. Kuala Lumpur: al-Hidayah, 2004.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Hukum Penyerupaan Menurut Islam*, Selangor: Darul Fuqaha, 2005.

MU'JAM DAN KAMUS

- A.J Wensich & J.P Mensing, *al-Mu'jam al-Mufahras Lī Alfāz al-Qurān* Jld. 4. Istanbul: Dār al-Da'wah, 1986.
- Ibn Manzur, *Lisān al-ʿArab*. Jld.4. Beirut: Dār al-Fikr. 1990.
- Ibrahīm Mustafā et. Al. (t.t.). *al-Mu'jam al-Wāsit*. j.2. Turki: al-Maktābah al-Islāmīyyah.
- Muhammad Rawas Qal'ah Ji, *Mu'jam Lughah al-Fuqahā*. Beirut: Dār al-Nafais, 1988.

Noresah Baharom *et. al*, *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Al-Nur, Taha Hassan *et.al*, *al-Mu'jam al-,,Arabī al-Maysir*. Larus: al-Munazzamah al-,,Arabīyyah li al-Tarbīyyah Wa al-Thaqafah Wa al-,,Ulūm. 1991.

LAMAN SESAWANG

Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, laman sesawang KPM, dikemaskini pada 10 April 2017, dicapai pada 10 April 2017, <http://www.moe.gov.my/index.php/my/sekolah/sekolah-seni-malaysia>.

MAKALAH DAN JURNAL

Asmah Bee Md. Noor, “Seminar Menangani Gejala Sosial” Kertas Kerja, Dewan Besar Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 5 Ogos 2006.

Asmawati Suhid *et al*. “Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum,” *Jurnal of Islamic Education* no.1 2013.

Jamaliah Abdul Jalil, Mohd. Isa Hamzah dan Maimun Aqsha Lubis, “Tahap Pengetahuan dan Amalan Fardhu Ain Anak-anak Muallaf Sekolah Menengah di Bahagian Sri Aman, Sarawak.” Seminar ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J), Januari 2017.

Mohd Azhar Abdullah dan Raihanah Abdullah, “Peruntukan Undang-undang Aurat dan Pakaian Sopan Menurut Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam: Satu Huraian,” *Jurnal Syariah* 18 (2010).

Nurul Farahin Ismail dan Mohd Akil Muhamed Ali. “Tahap Kefahaman dan Pengamalan Terhadap Batas-batas Syarak Dalam Kalangan Wanita Berkerjaya di Universiti Kebangsaan Malaysia.” International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, Kuala Lumpur, 9-10 Mac 2015.

TESIS DAN DISERTASI

Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad. “Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor,” Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2010.

Aerisuli Awang. “Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial dikalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu.” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.

Ahmad Marzuki Mohamad “Persepsi Wanita Islam UTM Terhadap Fesyen Terkini dan Tuntutan Menutup Aurat,” Tesis Kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2011.

Mohd. Zazali Mohamad Zin. “Kecenderungan Pelajar Lelaki Memakai Pakaian Yang Tidak Menutup Aurat Semasa Bersukan: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Dato” Mohd Yunos Sulaiman, Pekan Nenas, Pontian.” Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008.

Mu’alifin, “Konsep Menutup Aurat Dalam al-Quran Surah al-Nur Ayat 30-31 dan Implementasinya Dalam Pendidikan Islam.” Tesis Sarjana, Institut Agama Negeri Walisongo, Semarang, 2014.

Nor Azliza Shariff. “Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat: Satu kajian ke atas pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindustrian, Johor Bahru,” Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2005.

Nur Afzan Muhamad. “Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan dan Pengamalan Dikalangan Masyarakat.” Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008.

Omar Mukhtar Ibrahim. “Menutup Aurat Menurut Islam, Kajian Terhadap Pelajar Sains Sosial, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.” Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2009.

Saadah Ibrahim. "Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefardhuan Menutup Aurat dikalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan." Open University Malaysia, 2012.

Zuraini Ujang. "Konsep menutup aurat dan trend berpakaian muslimah masa kini. Satu kajian di kalangan guru di sekolah-sekolah menengah Daerah Jempol, Negeri Sembilan." Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2007.

Universiti Malaya